

"JIKA kita memiliki asas-asas pendidikan dan persaudaraan Islam yang kukuh, maka tidak akan bangkit orang-orang Islam melakukan subversif-subversif keagamaan ataupun lain-lain. Mereka akan tetap di dalam akidah yang betul dan tidak berganjak untuk memeliharanya buat selamanya." - Titah sempena Sambutan Tahun Baru Hijrah 1422, pada 25 Mac 2001.

Pelita بروني BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



"DARI Anas Radiallahuan-hu ia berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Bila Allah cinta kepada suatu kaum, mereka diuji. Barangsiapa reda menerima ujian itu, Allah reda pula kepadanya. Dan barangsiapa yang marah (tidak reda), maka Allah pun murka kepadanya." - Hadis riwayat Al-Imam At-Tarmizi.

TAHUN 50 BILANGAN 10

RABU 9 MAC 2005/1426

رابع 28 محرم

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berinteraksi bersama penuntut-penuntut baru Tingkatan Enam Bawah ketika baginda berangkat melawat Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (MSOAS) pada 7 Mac lalu dengan diiringi oleh Pemangku Pengetua MSOAS, Awang Haji Salleh bin Mahmud.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan sesuatu kepada seorang penuntut Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) semasa baginda berangkat ke bilik-bilik darjah sekolah berkenaan.

BANTU SEGERA MANGSA BENCANA TSUNAMI

SUMBANGAN derma berbentuk kewangan untuk Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami hendaklah disalurkan kepada Jawatankuasa Tabung berkenaan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Maklumat lanjut sila hubungi talian telefon 2380607, 2380705 dan 2380603.

Keberangkatan ke MSOAS, STPRI dan RIF

Kebawah DYMM prihatin pendidikan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan lawatan ke Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin (MSOAS), Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI) dan Sekolah Rendah Raja Isteri Fatimah (RIF) yang terletak di ibu negara di sini.

Keberangkatan baginda yang tidak berjadual itu jelas menunjukkan betapa baginda memberikan perhatian yang serius, prihatin dan pemeliharaan terhadap perkembangan pendidikan di negara ini. Dengan meninjau sendiri, baginda akan lebih mendapat gambaran yang sebenar mengenai perkembangan dan pencapaian sebuah sekolah itu.

Kerajaan baginda pada setiap tahun memperuntukkan perbelanjaan yang

Liputan
Haji Jaafar Ibrahim

besar bagi mengembangkan sektor pendidikan. Sebagai bukti dan komitmen kerajaan, kepentingan pendidikan diberikan prioriti dalam setiap Rancangan Kemajuan Negara (RKN). Sebagai misal dalam RKN Ke-8 (2001-2005), kerajaan telah

Berita
keberangkatan
ke STPRI dan RIF
di muka 3

menyediakan peruntukan sejumlah B\$300 juta.

Peruntukan besar yang disediakan oleh kerajaan merupakan pelaburan yang amat penting dalam melahirkan tenaga kerja yang berkemahiran dan cerdik pandai serta tenaga pemikir yang

dapat membawa dan menjaga kemajuan serta pembangunan Negara Brunei Darussalam di masa akan datang.

Dalam siri keberangkatan berjadual baginda ke mukim-mukim dan kampung-kampung, baginda sering mengutamakan untuk berangkat melawat institusi pendidikan tinggi, sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berangkat melawat MSOAS kira-kira jam 9.00 pagi. Baginda meluangkan masa untuk melawat maktab berkenaan selama satu jam setengah yang berakhir pada jam 10.30 pagi. Keberangkatan baginda itu merupakan kali ketiga di mana baginda pernah mengadakan lawatan ke maktab tersebut pada tahun 1985 dan 2002 sempena Sambutan Jubli Emas MSOAS.

Lihat muka 3

Produk pertanian domestik ditingkatkan

Oleh Haji Ahmad
Haji Salim

Sudah terbukti, teknologi yang diguna pakai telah berjaya menghasilkan banyak kemanfaatan kepada manusia sejagat terutama dalam aspek sekuriti pemakanan.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato

Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyatakan perkara tersebut di Majlis Pelancaran 'Brunei Agri-Food 2005' anjuran Jabatan Pertanian yang berlangsung di Projek Padi Wasan, Jalan Limau Manis di sini.

Bersesuaian dengan pertumbuhan industri pertanian negara, kata Yang Berhormat, Jabatan Pertanian akan terus giat di dalam mengambil langkah penyerapan teknologi-

teknologi yang terbukti ke arah membantu memperingkatkan kedayapayaan pengeluaran produk-produk berasaskan pertanian domestik.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan Jabatan Pertanian menyedari bahawa penggunaan teknologi hendaklah diseimbangi dan dikawal supaya ianya tidak akan menggugat ekosistem dan seterusnya akan dapat me-

Lihat muka 2

IMAN TEGUH,
PENDIRIAN
KUKUH

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan :

Brunei - Australia sedia jalin pelbagai kerjasama

- Muka 2

Sumbangan berharga dan luar biasa

- Muka 6

Para penerima geran tanah sembahkan rasa syukur

- Muka 7

43 dianugerahkan geran tanah

- Muka 8 dan 9

Lawatan kerja DPMM ke Mukim Rambai

- Muka 10, 12 dan 13

Penjagaan Alam Sekitar :

'Perlaksanaan secara komprehensif, bersepadu'

- Muka 2 ANEKA

Saf Sembahyang : Elakkan 10 kerugian

- Muka 4 ANEKA

Jiwa Bahasa :

Istilah Perubatan Subbidang : Anatomi

- Muka 10 ANEKA

TAHUKAH AWDA

MENYEDUT asap rokok orang lain boleh menambatkan risiko penyakit jantung iskemik sehingga 30 peratus. Karsinogen yang terdapat dalam tembakau juga boleh didapati di dalam darah dan air kencing mereka yang terdedah kepada asap rokok alam sekitar terutama sekali bagi mereka yang berdekatan dengan perokok. Wanita yang tidak pernah merokok seumur hidupnya dianggarkan mempunyai risiko 24 peratus menghidap kanser paru-paru jika ianya tinggal bersama perokok. - Sumber : Dr. Haji Rozaimah bin Haji Tengah, Pemangku Pegawai Perubatan Kanan, 'Kesan Merokok Terhadap Kesihatan', Fokus Kesihatan, Bilangan 93, Mei - Jun 2004. Berakas : Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam (2004 : 9).



9 MAC 2005 BERSAMAAN 1426

28 محرم

MENGEMBANGLUASKAN SEMANGAT SUKARELAWAN DI BRUNEI

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah semasa bersabda di Majlis Doa Selamat dan Penghargaan Kepada Sukarelawan dan Dermawan Bagi Bantuan Kemanusiaan Inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah (YSHHB) melahirkan harapan agar pengalaman dari inisiatif menghantar bantuan kemanusiaan kepada mangsa-mangsa Tsunami di Aceh akan dapat digunakan dengan sebaik-baiknya untuk mengembangkan semangat sukarelawan di Negara Brunei Darussalam.

Saranan Duli Yang Teramat Mulia itu sesuatu yang baik dan perlu ditinal oleh semua pihak. Masanya sudah tiba bagi negara ini mempunyai satu pasukan sukarelawan kebangsaan. Kalau kita tinjau di negara-negara maju dan membangun, pasukan-pasukan sukarelawan bergerak begitu aktif dalam membantu pihak kerajaan dalam apa jua misi sama ada misi mencari, menyelamatkan nyawa dan harta benda. Maka saranan Duli Yang Teramat Mulia itu dilihat suatu yang relevan dan sudah tiba masanya bagi kita sama-sama mengembangkan semangat sukarelawan.

Kita amat berkeyakinan, usaha mengembangkan semangat sedemikian boleh kita capai dalam masa terdekat. Ini terbukti, apabila YSHHB memiliki sukarelawan untuk berkhidmat secara sukarela dalam membantu mangsa-mangsa Tsunami. Orang ramai terutama sekali para belia di negara ini datang berduyun-duyun untuk mendaftar sebagai pekerja sukarela. Malah YSHHB sendiri amat tidak menjangkakan dengan sambutan yang di luar dugaan itu. Ini merupakan petanda dan bukti yang cukup jelas betapa orang kitani memang bersedia untuk menjadi sukarelawan. Orang Brunei memang sanggup dan berupaya menjadi sukarelawan walaupun tanpa apa-apa bayaran.

Sebenarnya di negara kita, memang telah sedia wujudnya pasukan-pasukan sukarelawan. Cuma bilangannya memang amat sedikit. Pergerakan dan aktiviti mereka juga jarang kedengaran. Tetapi realitinya kita memang sedia mempunyai pasukan sukarelawan seperti Pasukan Brunei Prihatin dan Sukarelawan Belia Kebangsaan. Mereka muncul di khalayak ramai terutama semasa Sambutan Hari Kebangsaan dan Sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Apa yang membanggakan, negara kita memang terdapat pergerakan sukarelawan yang aktif iaitu Pergerakan Pengakap, Persatuan Pandu Puteri dan Pasukan Bulan Sabit Merah selain pasukan Kadet Tentera dan Pasukan Kadet Polis. Kita juga suatu ketika dulu mempunyai sukarelawan memadam kebakaran yang ditubuhkan di Kampong Ayer. Pergerakan seumpama itu sering mewarnai dan tampil ke hadapan dalam membantu dan menolong mereka yang memerlukan bantuan. Lebih daripada itu, pergerakan berkenaan juga berperanan dan memikul tanggungjawab dalam hal-ehwal kebajikan dan kemasyarakatan di negara ini. Peranan mereka sememangnya sudah terserlah dan ternyata aktif dalam kerja-kerja amal dan kebajikan.

Apa yang diperlukan barangkali ialah keseragaman atau tindakan bersepadu dalam erti kata yang lain, pergerakan sukarela itu patut senada, sehati dan seirama dalam menjalankan apa-apa jua aktiviti kemasyarakatan lebih-lebih lagi yang bersifat kenegaraan. Ini menuntut agar mereka akan lebih peka dan proaktif serta tampil dengan semangat berpasukan atau 'teamwork'. Kita tidak mahu melihat hanya segelintir saja mereka yang bertungkus-lumus. Kita tidak mahu sikap bernaif-nafis wujud. Apa yang perlu kita semarakkan semangat berpasukan yang tinggi. Kita hidupkan semangat sukarelawan yang jitu di kalangan orang-orang Brunei.

Dalam hal sedemikian, kita merasakan YSHHB boleh menjadi penggerak dalam mencapai hasrat yang murni itu. Dengan peranan besar yang dimainkan oleh YSHHB seperti yang ditunjukkan dalam menghantar beberapa orang sukarelawan ke Banda Aceh baru-baru ini dalam misi antarabangsa yang pertama kali melibatkan orang-orang kitani untuk pembahagian bantuan, pertolongan dan seumpamanya, kita merasakan semangat itu boleh kita kembangkan bagi faedah-faedah dalam negara. Cuma apa yang perlu dalam merealisasikan dan menerjemahkannya, pihak YSHHB akan berusaha mengadakan kerjasama strategik dengan orang ramai serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Maka melihat kejayaan yang membanggakan dalam misi menghantar bantuan ke Aceh yang melibatkan pekerja-pekerja sukarela dan keghairahan dan keinginan anak-anak watan Brunei yang tampil menjadi sukarelawan semasa musim musibah itu, harapan untuk merealisasikan semangat berpasukan akan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Apa yang perlu agar setiap Kementerian, agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan-pertubuhan belia dan kebajikan, badan-badan bukan kerajaan bersedia memberikan sokongan dalam mencapai hasrat murni itu. Setiap kita mustahak menggembleng tenaga dalam usaha negara untuk mengembangkan semangat sukarelawan agar ianya benar-benar menjadi realiti dan bukannya impian yang kosong.

HALUAN...

BRUNEI - AUSTRALIA SEDIA JALIN PELBAGAI KERJASAMA

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Was-salaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Terima kasih, Perdana Menteri dan terima kasih, Pemimpin Kehormat Pembangkang.

Beta amat menghargai kata-kata aluan Tuan yang indah.

Rakyat beta kerap menyatakan tentang keramahan serta kemurahan hati yang senantiasa mereka terima di Australia. Oleh itu adalah menjadi satu keistimewaan berada di sini bersama Tuan di mana beta ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas persahabatan dan muhibah yang diperlihatkan kepada kami.

Dalam hal ini, lawatan beta ini adalah lebih dari hanya lawatan peribadi. Ianya adalah satu cara melafazkan penghargaan Negara Brunei Darussalam, bukan hanya atas persahabatan yang sekian lama terjalin, malahan peranan yang amat penting yang dimainkan oleh orang-orang Australia bagi pembangunan kami sebagai sebuah negara moden.

Rakyat beta menganggap Australia sebagai salah satu teman dan rakan kongsi paling rapat di Rantau Asia Pasifik. Sudah tentunya dan memang terdapat alasan yang kuat serta penuh emosi. Ianya adalah ketibaan pasukan tentera Australia yang menandakan berakhirnya Perang Dunia Kedua bagi kita. Ini mewujudkan ikatan yang begitu mesra dan hormat di antara kita.

Oleh itu atas semangat ini, beta ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada Tuan, Perdana Menteri juga rakan sejawat Tuan di kedua-dua belah pihak bukan hanya atas kata-kata aluan yang amat indah yang beta terima, bahkan juga atas perasaan muhibah dan kemurahan hati yang telah dihulurkan kepada rakyat beta.

Yang pasti, perhubungan yang beta nyatakan tadi bukan hanya bersejarah serta penuh emosi. Kita seharusnya mengingati kembali akan kerjasama yang berjaya terjalin bertahun-tahun lamanya.

Hari ini, terdapat begitu banyak hubungan yang kukuh serta praktikal di antara kita. Kita telah pun membentuk kerjasama

formal yang amat dihargai di Negara Brunei Darussalam.

Pada pandangan kami, ianya berjalan dengan lancar sekali. Dalam perdagangan dan pelaburan, kerjasama semakin pesat berkembang. Beberapa bidang kini sedang diperkukuhkan. Pelbagai jenis barangan Australia kini dijual di Negara Brunei Darussalam sejak beberapa tahun di mana sejumlah rakyat kami sendiri telah membuat pelaburan dalam perusahaan Australia.

Di waktu yang sama, pelaburan dari Australia pada masa ini berada pada tahap baru yang amat signifikan sekali bagi kami. Kami amat gembira dengan minat yang dilafazkan oleh syarikat Australia dalam perancangan negara kami bagi mempelbagaikan ekonomi kami.

Bidang lain juga kian berkembang. Khidmat udara kini menghubungkan kami secara langsung dengan beberapa bandar raya



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Santap Tengah Hari yang disembahkan oleh Yang Berhormat John Howard, Perdana Menteri Australia di Parliament House Canberra, Australia pada 15 Februari 2005.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara HAM

besar Australia sebagai destinasi pelancongan dan perniagaan. Jumlah siswazah dari institusi pendidikan dan latihan Australia terus semakin meningkat. Mereka merupakan sebahagian dari tenaga kerja profesional kami yang amat penting sekali. Latihan dan kerjasama di kalangan pasukan tentera kita menjadi sumber kebanggaan dan kepuasan yang serupa. Ianya semakin mengukuhkan lagi segala usaha yang kita lakukan di seluruh rantau bagi memastikan keselamatan.

Kesemua ini merupakan rekod pencapaian bersama yang unggul. Ianya bukan hanya mendatangkan faedah kepada rakyat kita

dan kedua-dua buah negara kita. Ianya semakin memperkukuhkan lagi segala usaha kita selaku rakan kongsi di Asia Pasifik.

Sudah tentunya yang paling penting sekali pada detik ini adalah pendekatan yang kita kongsi bersama demi keselamatan di rantau ini. Dalam hal ini, kita bekerja bersama-sama selaku sahabat dan rakan kongsi sebenar-benarnya bagi mewujudkan keselamatan dalam erti kata yang sebenarnya. Beta amat sukacita kerana ini dapat disaksikan awal pagi tadi dalam penandatanganan MOU Brunei - Australia Bagi Membanteras Keganasan.

Kami mengiktiraf sepenuhnya hubungan Aus-

tralia dengan Asia Tenggara juga kepentingannya yang khusus. Kami mengakui komitmen yang sekian lama bagi keamanan dan kemakmuran serantau, dan kami mengagumi kemurahan hati rakyat Tuan sebagaimana yang diperlihatkan dalam respond mereka yang luar biasa bagi memenuhi keperluan mangsa bencana tsunami baru-baru ini di rantau kami.

Rakyat awda dan beta sememangnya berasal dari latar belakang dan budaya yang berbeza. Namun demikian, beta percaya kita semua bersatu teguh dalam satu kepercayaan asas. Beta merasakan demikianlah wawasan yang kita agih bersama tentang bagaimana ehwal antarabangsa dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Kami percaya bahawa keamanan adalah hasil daripada negara-negara yang saling mengenali di antara satu sama lain, menghormati kepribatian khusus masing-masing, menghargai pencapaian masing-masing dan paling penting sekali, oleh rakyat yang berlainan latar belakang dan budaya yang mengagih pengalaman dan persefahaman masing-masing sedaya upaya mereka selaku rakan kongsi yang sama-sama mengagih dunia yang moden.

Selaga pengalaman kami dalam hubungan kami dengan Australia telah mengajar kami bahawa orang-orang Australia mengagih kepercayaan ini. Ianya merupakan nadi dalam perhubungan yang dinikmati negara-negara kita. Semoga ianya terus berjalan lancar dengan penuh mesra di masa hadapan, dalam suasana persahabatan dan muhibah sebagaimana yang terjalin sejak beberapa tahun yang lalu.

Terima kasih.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Produk pertanian domestik ditingkatkan

Dari muka 1

melihara kewujudan jangka panjang perusahaan-perusahaan pertanian.

Katanya, ke arah memenuhi tuntutan tersebut, beberapa perkara harus diperkiran yang antara lain seperti mempunyai kapasiti sumber tenaga manusia yang berkeupayaan, melaksana pengamalan kaedah-kaedah perniagaan yang terbaik dan juga pengurusan alam sekitar yang terbaik.

Menurut Yang Berhormat lagi industri-in-

dustri pertanian di negara-negara maju yang melibatkan penggunaan teknologi pertanian telah membantu meletakkan produk-produk pertanian mereka untuk terus bertapak dalam pasaran global.

"Berpanduan dari pengalaman dan kemahiran yang diperolehi oleh industri-industri berkenaan, teknologi telah dapat mempertingkatkan produktiviti dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan industri pertanian yang serba kompetitif dan berdaya tahan di negara-negara maju tersebut," ujarnya.

Di majlis itu, Yang Berhormat juga melancarkan Brunei Agri-Food 2005 dan melihat lebih dekat gerai-gerai dalam dan luar negeri yang menyertai Pesta Makanan Pertanian yang berlangsung selama 11 hari bermula jam 8.00 pagi hingga 6.00 petang.

Yang Berhormat turut menyentuh mengenai sumber tenaga manusia di mana Jabatan Pertanian telah dan sedang mengambil langkah di dalam memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai dan kakitangannya dengan ilmu pengetahuan dan

seterusnya berusaha meningkatkan kepakaran dalam teknologi-teknologi pertanian.

Salah satu usaha tersebut, tambah Yang Berhormat adalah inisiatif program perolehan kepakaran dari beberapa buah organisasi antarabangsa yang diiktiraf.

"Barang setentunya, peralihan teknologi diperolehi itu nanti akan disalurkan kepada pengusaha-pengusaha dengan hasrat ianya akan digunakan sepenuhnya dan berhasil meningkatkan produktiviti

perusahaan-perusahaan pertanian negara," katanya.

Sebanyak 34 petak pameran disediakan bagi peserta antarabangsa yang terdiri dari Malaysia, Republik Indonesia, Thailand, Australia, China dan Taiwan di samping penyeretan menggalakkan daripada pengusaha-pengusaha tempatan.

Di majlis itu Yang Berhormat juga menyampaikan Anugerah-anugerah Usahawan Pertanian Cemerlang 2004 termasuk ladang dan pemprosesan hasil produk pertanian.

Keberangkatan lawatan ke STPRI dan RIF

Liputan Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 7 Mac. - Kebawah
Duli Yang Maha Mulia Pa-
duka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah
Muezzaddin Waddaulah,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
meneruskan lawatan tidak
berjadual dengan meninjau
sendiri perkembangan dan
infrastruktur asas Sekolah
Tinggi Perempuan Raja
Isteri (STPRI), hari ini.

Kebangkitan tiba ba-
ginda yang memerhatikan
seluruh warga sekolah ber-
kenaan dijunjung dengan
suasana kemegahan dan di-
sifatkan sangat istimewa se-
kali gus menunjukkan sikap
keprihatinan dan pemedu-
lian baginda terhadap kemu-
juan bidang pendidikan di
negara ini.

Sepanjang keberan-
gkatan baginda disembahkan
taklimat oleh Pengetua
STPRI, Dayang Hajah
Gambar Haji Gapar.
Baginda sepanjang lawatan
itu diiringi oleh Timbalan
Setiausaha Tetap
Kementerian Pendidikan,
Awang Haji Ishaq bin Haji
Abdullah. Juga hadir ialah
Setiausaha Tetap Kement-
erian Pendidikan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Setiausaha Luar Republik Filipina, Yang Berhormat Alberto G. Romulo ketika menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) mengenai kerjasama akademik dalam pengajian tinggi. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Sambungan dari muka 1

Yang unik dan istime-
wanya ialah tarikh keberan-
gkatan baginda ke maktab
berkenaan hari ini adalah
genap tiga tahun sejak ke-
berangkatan baginda ke
Sambutan Jubli Emas MSOAS
pada 7 Mac 2002.

Baginda sendiri juga per-
nah menuntut di maktab
berkenaan dalam Tingkatan 4
pada tahun 1964.

Mula-mula baginda ber-
angkat ke dewan maktab ber-
kenaan yang kebetulan menga-
dakan Minggu Orientasi
bagi penuntut-penuntut baru
Tingkatan Enam Bawah. Se-
ungguhnya keberangkatan
baginda itu sesuatu yang isti-
mewa kepada 170 orang pe-
nuntut baru itu yang meneru-
sakan pengajian di maktab
tersebut di peringkat Pra
Universiti. Para penuntut baru
yang datang dari sekitar
Bandar Seri Begawan dan
kawasan-kawasan yang berde-
katan itu tidak melepaskan
peluang untuk berinteraksi
secara bersemuka bersama
baginda. Baginda pula dengan
penyertaan riang dan gembira
menerima junjung ziarah,
beramah mesra sambil berke-
nanan menuruni tandatangan
baginda ke atas buku tulis
beberapa penuntut yang men-
junjung tandatangan baginda.

Dari dewan berkenaan,
baginda berangkat meninjau
bilik-bilik darjah yang men-
empatkan penuntut-penuntut
Pra Universiti.

MSOAS merupakan salah
sebuah maktab yang mena-
warkan pengajian Tingkatan

Turut hadir ialah Setia-
usaha Tetap Jabatan Perdana
Menteri, Yang Berhormat
Pehin Orang Kaya Pekerma
Laila Diraja Dato Paduka
Haji Awang Hazair dan
Pengiran Dato Paduka Haji
Abdul Hamid.

Kebangkitan baginda
bermula di Dewan Serbagu-
na yang kebetulan sekolah
berkenaan mengadakan pro-
gram orientasi bagi me-
nyambut seramai 261 pelajar
Tingkatan Enam yang baru.

Para penuntut yang ter-
kejut dengan keberangkatan
lawatan itu tidak melepaskan
peluang untuk menjunjung
ziarah sambil beramah mesra
ke hadapan majlis baginda.

Baginda yang sangat pri-
hatin terhadap kemajuan
pendidikan juga berkenan
bertanya mengenai perkem-
bangan secara langsung ke-
pada beberapa orang penun-
tut di sini.

Seperti lazimnya ketika
berangkat ke institusi pen-
didikan, bilik-bilik darjah
dan makmal sains menjadi

perhatian baginda untuk
melihat secara dekat meng-
enal mata pelajaran yang di-
ajar dengan kesesuaian meng-
ikut garis pandu Kement-
erian Pendidikan.

Baginda juga meninjau
ke Blok Pentadbiran dan
Bilik Guru-guru.

Selain berinteraksi
bersama penuntut dan guru-
guru, baginda juga meman-
dang berat terhadap perseki-
taran bangunan sekolah ber-
kenaan dengan memastikan
dan mengutamakan kese-
lesaan, keselamatan dan ke-
bersihan.

Sebelum meninggalkan
STPRI, selain menjunjung
ziarah ke hadapan majlis
baginda, para penuntut terus
mengambil peluang kece-
masan untuk menjunjung
tandatangan baginda serta
bergambar ramai sebagai
merakamkan detik yang
bersejarah.

"Saya rasa bertuah dan
tidak terlintas saya dapat
berinteraksi dengan raja
yang disayangi," jelas pe-

nuntut Pra U-A4, Dk.
Khairunnisa Liyana Pengiran
Md. Yusof penuh ke-
gembiraan.

Penuntut PRA U-A6, Nor
Aliyah Haji Mail pula
menyifatkan keberangkatan
lawatan baginda itu meru-
pakan suntikan semangat ke-
pada penuntut apalagi pelu-
ang dan kesempatan untuk
bersemuka bersama Kebaw-
ah Duli Yang Maha Mulia
jarang diperolehi.

"Lawatan baginda ke se-
kolah ini merupakan bukti
keprihatinan baginda untuk
meninjau sendiri bagaimana
perkembangan sekolah dan
kemajuan penuntut," jelas
Norahimah Ahmad, penuntut
PRA U-A4 yang tidak
menyangka dapat berinterak-
si bersama baginda.

Sementara itu, penuntut
5L, Dayang Margare Yunus
pula gembira apabila baginda
berkenan menandatangani
buku catatan sekolahnya se-
bagai kenangan yang paling
manis dalam waktu perse-
kolahannya.

STPRI giat berusaha bagi
kemajuan penuntutnya di
samping memberi semangat
agar mereka menjadi penun-
tut yang berjaya dan menjadi

rakyat yang bertanggung-
jawab kepada keperluan
negara.

Menyediakan perseki-
taran dan tempat bertugas
yang selesa, mencapai kece-
merlangan dalam akademik
dan aktiviti ko-kurikulum,
memperkayakan kemahiran
pengajaran dan pembela-
jaran, menyediakan penge-
tahuan kemahiran untuk
digunakan sebagai alat pe-
nyelesaian masalah, meng-
hayati nilai keagamaan dan
kebudayaan serta menyem-
arakkan rasa kesetiaan dan
kepuayaan adalah menjadi
matlamat STPRI.

STPRI merupakan seko-
lah perempuan pertama yang
dibubuhkan pada tahun 1930
dengan penuntut seramai 24
orang dan pada Januari 1957,
STPRI dikenali sebagai Se-
kolah Tinggi Perempuan de-
ngan mempunyai satu blok
bangunan (Blok A masa kini)
mengandungi lima bilik
darjah dengan 99 orang
penuntut.

Pada 1 Januari 1958, pe-
rasmanian dan penukaran nama
sekolah kepada STPRI ber-
sempena dengan nama Al-
Marhumah Duli Yang Ter-
amat Mulia Suri Seri Bega-

wan Raja Pengiran Anak
Damit binti Pengiran Ben-
dahara Pengiran Anak Abdul
Rahman.

STPRI terus mengalami
arus perkembangan di mana
pada tahun 1970 kerja-kerja
pembinaan bangunan baru
dimulakan untuk menyen-
diakan ruang makan, sebuah
auditorium dan sebuah per-
gustakaan.

Pada 1978 Tingkatan
Empat bagi sekolah berke-
naan diperkenalkan dan pada
tahun berikutnya buat perta-
ma kalinya pelajar STPRI
menduduki Peperiksaan
GCE 'O' Level sebelum
menerima pelajar Tingkatan
Enam bermula pada tahun
2002.

Ketika ini, STPRI mem-
punyai 132 orang tenaga
pengajar termasuk 106 orang
guru tempatan di samping
guru yang didatangkan dari
Malaysia, Filipina, India,
New Zealand, Kanada dan
England.

Selain giat memberi pen-
didikan kepada penuntut, se-
kolah berkenaan juga me-
ngadakan aktiviti kaunseling
seperti taklimat motivasi dan
pendidikan, kursus, aktiviti
PRS dan sesi kaunseling.

STPRI merupakan seko-
lah yang kerap mendapat
perhatian kerana mempunyai
keistimewaan tersendiri ter-
masuk kejayaan mengawal
masalah disiplin pelajar, giat
menyertai CCA, menyertai
acara kenegaraan, mempu-
nyai kombinasi mata pel-
ajaran yang baik di samping
mempunyai perancangan
yang tersusun dan terarah.

Dari STPRI, baginda ber-
kenan berjalan kaki ke Seko-
lah Rendah Raja Isteri
Fatimah (RIF).

Di sini sepanjang menin-
jau secara dekat, baginda di-
sembahkan taklimat oleh
Guru Besar, Dayang Hajah
Rahimah binti Mawang.

Antara yang menjadi
tumpuan baginda ialah bilik
darjah sekolah rendah sebe-
lum berkenan beramah mesra
di Bahagian Penyajian Ma-
kanan sekolah itu.

Digunakan sejak 1 Ja-
nuari 1957, sekolah berke-
naan menerima murid dari Dar-
jah Pra sehingga Darjah
Enam dengan keraiaan mu-
rid hampir 300 orang yang
menjalani Sistem Pendidikan
Bersepadu dengan ditangani
oleh 32 orang guru.

Brunei - Filipina tandatangani kerjasama MOU akademik dalam pengajian tinggi

Oleh
Abdullah Asgar

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 7 Mac. - Duli
Yang Teramat Mulia Pa-
duka Seri Pengiran Perda-
na Wazir Sahibul Him-
mah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah,
Menteri Hal Ehwal Luar
Negeri hari ini menan-
datangani Memorandum
Persefahaman (MOU)
mengenai kerjasama
akademik dalam pengajian
tinggi.

Perjanjian itu ditan-
datangani bersama di
antara Kerajaan Kebawah
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Di-

Pertuan Negara Brunei
Darussalam dengan Kera-
jaan Republik Filipina.

Setiausaha Luar Re-
publik Filipina, Yang Ber-
hormat Alberto G. Romulo
mewakili Kerajaan Fili-
pina bagi menandatangani
MOU tersebut yang mana
nanti akan meningkatkan
kerjasama dalam pengajian
tinggi dan latihan profes-
sional di peringkat ijazah
dan ijazah lanjutan.

Majlis tersebut berlang-
sung di Balai Pengha-

dapan, Bukit Kayangan
yang antara lain disaksikan
oleh Timbalan Menteri
Pendidikan, Yang Dimu-
liakan Pehin Orang Kaya
Indera Pahlawan Dato
Paduka Haji Awang Suyoi
dan Duta Besar Republik
Filipina ke negara ini.

Perjanjian tersebut me-
rupakan yang pertama
seumpamanya dimeterai di
antara kedua-dua negara
yang akan membolehkan
para graduan di negara ini
membuat pengajian lanjut-
an di beberapa buah uni-
versiti di Republik
Filipina.

DYTM menerima mengadap

BANDAR SERI BEGA-
WAN, 3 Mac. - Duli
Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran
Perdana Wazir Sahibul
Himmah Wal-Waqar

Pengiran Muda Mohamed
Bolkiah, Menteri Hal
Ehwal Luar Negeri men-
gadakan Jamuan Tengah
Hari bagi Yang Berhormat
Sidi Morro Sanneh,

Setiausaha Luar Republik
Gambia yang berada di
Negara Brunei Darussalam
sebagai utusan khas
Presiden Republik
Gambia.

Jamuan tersebut ber-
langsung di Balai Peng-
hadapan, Bukit Kayangan.

Terdahulu dari itu, Duli
Yang Teramat Mulia dan
Yang Berhormat menga-
dakan perbincangan men-
genai perkara-perkara
dua hala serta bertukar-
tukar pandangan mengenai
hal-ehwal serantau dan
antarabangsa.

Juga berangkat ialah
Yang Teramat Mulia Pa-
duka Seri Pengiran Anak
Puteri Hajah Masna, Am-
bassador-at-Large di Ke-
menterian Hal Ehwal Luar
Negeri.

Yang Berhormat berada
di negara ini bagi lawatan
rasmi empat hari.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika menerima mengadap Yang Berhormat Sidi Morro Sanneh, Setiausaha Luar Republik Gambia. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



Kebawah DYMM berkenan raikan bekas Presiden Amerika Syarikat

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ananda dan adinda baginda berbulu mesra bersama TYT Presiden Clinton, bekas Presiden Amerika Syarikat (kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan meraihan Tuan Yang Terutama Presiden Clinton, bekas Presiden Amerika Syarikat dalam Majlis Santap Malam di sebuah hotel di sini.

TYT Presiden Clinton berada di negara

ini bagi lawatan singkat.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

DPMM tinjau Mukim Amo

TEMBURONG, 5 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat bagi lawatan kerja ke Mukim Amo di daerah ini.

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia membuktikan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia dalam meninjau perkembangan sosioekonomi rakyat dan penduduk negara ini, di samping meninjau prasarana-prasarana yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Ianya juga berperanan sebagai pemangkin kepada semua pihak yang terlibat untuk bersama-sama menanai wawasan negara dengan melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih komited, berdedikasi dan cekap.

Terdahulu, keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia yang menggunakan pesawat helikopter di perkarangan Sekolah Rendah Selangan dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi.

Juga menjunjung keberangkatan Duli Yang Ter-

**Liputan
Samle Hj. Jait**

amat Mulia ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan, Pemangku Pegawai Daerah Temburong dan Penghulu Mukim Amo.

Turut hadir semasa keberangkatan lawatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani.

Atur cara keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah disusuli dengan sembah alu-aluan oleh Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Badas bin Haji Kamaruddin yang menyifatkan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia sebagai tanda dan bukti yang amat jelas akan keprihatinan serta rasa kasih mesra Duli Yang Teramat Mulia terhadap kesejahteraan penduduk dan rakyat serta untuk meninjau dengan lebih dekat perkembangan di Mukim Amo.

Penghulu Mukim Amo juga menyampaikan mengenai infrastruktur yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia seperti bekalan elektrik, air, komunikasi dan jalan raya serta kemudahan-kemudahan yang lain.

Mukim Amo mengan-

Sejurus kemudian, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung melihat secara dekat bilik-bilik darjah dan kemudahan-kemudahan di Sekolah Rendah Selangan sambil disebarkan penerangan oleh Guru Besar dan guru-guru berkenaan mengenai perkembangan dan pencapaian sekolah.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan beramah mesra bersama guru-guru dan murid-murid di penghujung lawatan ke sekolah berkenaan.

Sekolah Rendah Selangan mempunyai 20 orang tenaga pelajar dengan dihidiri 138 murid yang belajar dari darjah pra sehingga darjah enam adalah murid-murid dari Kampung Selangan, Biang Baru, Sibulu, Parit, Perpindahan Rataie, Belingus, Belaban dan Sumbiling.

Sekolah berkenaan juga telah memahat kenangan manis melalui keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bercemar duli ke sekolah berkenaan pada 28 April 1999.

Beberapa buah prasarana institusi awam dan swasta yang terdapat di mukim berkenaan juga menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia ketika berangkat melawat dan meninjau ke situ.

Duli Yang Teramat Mulia mula-mula dijunjung berangkat ke Syarikat Koperasi Kampung Amo yang merupakan sebuah koperasi yang berdaya maju menerusi bidang perniagaan meliputi kedai runcit, kedai makan dan perkhidmatan pengangkutan.

Syarikat itu mempunyai misi untuk sentiasa berusaha mempertahankan dan meningkatkan keunggulan

serta kemandirian koperasi telah didaftarkan pada 27 Mei 1976 dengan keramaian 180 orang ahli dan kini berpindah ke bangunan baru pada 1 April 2001.

Kemudian, Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung ke Rumah Panjang Kampung Sibut yang mempunyai 10 pintu dengan 52 kelamin dan singgah ke kediaman Ketua Kampung Sibut, Awang Jamat anak Malong seterusnya beramah mesra bersama para penduduk di rumah panjang berkenaan.

Di sini, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan persembahan silat dan kuntau oleh Leo anak Gayam sebagai persembahan tradisi puak Iban bagi menjunjung tetamu istimewa.

Rumah panjang itu telah dibina pada tahun 1985 selepas rumah panjang yang asal musnah dijilat api pada tahun 1994.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung berangkat ke Rumah Bantuan Majlis Ugama Islam Brunei bagi saudara-saudara baru dan berkenan singgah ke kediaman keluarga Dayang Hasnah binti Abdullah.

Semasa berangkat di sini, Duli Yang Teramat Mulia disebarkan penerangan mengenai projek rumah bantuan di bawah kelolaan majlis tersebut oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdullah bin Haji Metassim.

Projek rumah bantuan Kampung Sibut didirikan sebanyak empat unit di tapak seluas 85.5 meter persegi dengan kos pembinaan kira-kira lebih \$54 ribu.

Di Balai Raya Mukim Amo yang baru, Duli Yang



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan menerima junjung ziarah murid-murid Sekolah Rendah Selangan semasa berangkat melawat sekolah tersebut.

Teramat Mulia berkenan meninjau kemudahan-kemudahan yang terdapat di balai raya berkenaan, disamping berkesempatan untuk beramah mesra bersama sebahagian lagi penduduk mukim.

Pembinaan balai raya di tapak seluas 0.81 hektar dengan menelan harga lebih \$70 ribu itu dihasratkan untuk memperkukuhkan lagi peranan dan perkhidmatan setempat, institusi penghulu dan ketua kampung dalam mempermudahkan urusan penduduk dan sekitarnya.

Di Pusat Logistik Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD), keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Setiausaha Tetap

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal yang menyebarkan penerangan mengenai kemudahan dan peranan pusat logistik berkenaan.

Pusat Jatidiri yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bermisik untuk membentuk peribadi rakyat Brunei khususnya para belia melalui latihan pengalaman dan pengembinaan untuk meningkatkan dan memupuk kepintaran, kesedaran, disiplin, sifat berdikari, bertanggungjawab, tekad untuk berjaya, kepimpinan dan keupayaan untuk bekerja secara berpasukan supaya mereka boleh menyumbangkan sepenuhnya kepada pembangunan

negara. OBBD menggunakan alam semula jadi sebagai bilik darjah di mana para peserta menghadapi cabaran minda dan fizikal dalam suasana yang baru dan asing yang memberi pengalaman agar mereka dapat memupuk serta membentuk nilai-nilai murni pada diri individu.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan aktiviti-aktiviti yang membina keupayaan belia yang membuat demonstrasi berkayak, sementara beberapa anggota Tentera Darat Diraja Brunei juga membuat demonstrasi 'jungle survival' di pusat berkenaan.

Lihat muka 7

Berangkat hadiri mesyuarat

JERUDONG, 1 Mac. - Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 hari ini mengadakan mesyuarat keduanya bagi membincangkan persiapan-persiapan dan perancangan yang telah dan akan diatur yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Berangkat sama di mesyuarat tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan

**Liputan
Abu Bakar
Hj. Abd. Rahman**

Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan selaku Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-59 Tahun dan Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibul Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz yang juga selaku Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan.

Pengerusi jawatankuasa majlis dalam sembah aluan menyebarkan bahu-bahu keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke mesyuarat tersebut mem-

buktikan keprihatinan dan pemedulian Duli Yang Teramat Mulia mengenai persediaan-persediaan dan persiapan serta atur cara yang telah dan akan disusun sama ada oleh jawatankuasa di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat daerah terutama sekali semasa atur cara keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat di kesemua daerah.

Juga dibincangkan di mesyuarat tersebut termasuklah mengenai lokasi yang dirancang, di samping menerima laporan-laporan dan menganalisa format perancangan dan persembahan dari setiap Pegawai Daerah semasa Majlis Bercemar Duli dan seterusnya Ramah Mesra Bersama Rakyat.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 di Empire Hotel and Country Club. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

Berangkat ke Majlis Doa Selamat dan Penghargaan

BERAKAS, 28 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Doa Selamat dan Penghargaan Kepada Sukarelawan-sukarelawan dan Dermawan-dermawan Bagi Bantuan Kemanusiaan Inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) kepada mangsa gempa dan badai Tsunami di Aceh.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia ke Pusat Persidangan Antarabangsa di sini dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz selaku Pengerusi Jemaah Tukir YSHHB dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Di majlis ini, Duli Yang Teramat Mulia berkenan mengurniakan sabda dan menyempurnakan penyampaian siji penghargaan kepada 356 orang sukarelawan yang terlibat dalam menjayakan misi Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB kepada mangsa gempa dan badai Tsunami di Aceh.

Dari jumlah itu, seramai 278 orang yang terlibat di negara ini iaitu dalam pengurusan, penerimaan dan penghantaran barangan bantuan bagi misi bantuan kemanusiaan inisiatif YSHHB ke Aceh.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para sukarelawan dan para dermawan yang hadir di majlis tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik berkekenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para sukarelawan yang terlibat.



Liputan Sahari Akim dan Samle Haji Jait Gambar-gambar oleh Harun Haji Rashid dan Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

pada 7 Februari 2005.

Majlis berkenaan juga sebagai tanda penghargaan YSHHB kepada sukarelawan-sukarelawan yang telah terlibat memberikan sumbangan khidmat mereka dalam menjayakan gerakan Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB ke Aceh.

Gerakan bantuan tersebut bagi fasa pertama iaitu penghantaran bantuan pasukan perubatan dan pembahagian barangan yang telah melibatkan para sukarelawan yang terdiri daripada doktor-doktor, jururawat dan tenaga-tenaga di bidang perubatan, Kementerian Kesihatan dan pasukan perubatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB); anggota-anggota ABDB; pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB, para sukarelawan yang berdaftar di Unit Sukarelawan YSHHB serta beberapa orang pegawai dan kakitangan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Para dermawan yang telah memberikan sumbangan sama ada dalam bentuk kewangan mahupun barangan 'in-kind' kepada Tabung Sumbangan Inisiatif Yayasan Kepada Mangsa Gempa Bumi dan Badai Tsunami di Aceh mendapat penghargaan di majlis berkenaan.

Setakat ini, Tabung Sumbangan Inisiatif YSHHB Ke Aceh telah menerima sumbangan kewangan sejumlah B\$770,879.88 di mana sebahagiannya telah digunakan dalam fasa pertama misi bantuan kemanusiaan khususnya dalam pembelian keperluan perubatan, manakala sebahagiannya lagi akan digunakan bagi fasa kedua misi Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB iaitu fasa pemulihan dan pembangunan semula Aceh.

Sementara itu sumbangan barangan pula ialah sejumlah lebih 30 tan barangan bantuan telah diterima daripada orang ramai di mana kesemuanya telah selamat diserahkan secara langsung kepada mangsa di Aceh pada fasa pertama bantuan tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkekenan berangkat ke Majlis Doa Selamat dan Penghargaan Kepada Sukarelawan-sukarelawan dan Dermawan-dermawan Bagi Bantuan Kemanusiaan Inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (YSHHB) kepada mangsa gempa dan badai Tsunami di Aceh.



DULI Yang Teramat Mulia menadahkan tangan ketika doa kesyukuran dibacakan sempena majlis tersebut.



DULI Yang Teramat Mulia ketika mengurniakan siji penghargaan kepada sukarelawan yang terlibat dalam menjayakan misi Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB kepada Mangsa Gempa dan Badai Tsunami di Aceh (atas dan bawah).



DULI Yang Teramat Mulia berkekenan menandatangani buku keberangkatan.



TIMBALAN Menteri Kewangan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BSP ketika bergambar ramai bersama para penerima Pingat Kerja Lama bagi para pegawai dan kakitangan BSP, BLNG, BST dan BSM. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

Tahun 2004 membawa cabaran besar kepada BSP

Oleh
Aliddin Haji Mokhtal

JERUDONG, 19 Februari. - Tahun 2004 telah membawa kejayaan besar dan cabaran-cabaran kepada Syarikat Shell Petroleum Sendirian Berhad (BSP) antaranya sambutan ulang tahun 75 perkembangan industri minyak dan gas di Negara Brunei Darussalam dengan penemuan minyak baru di Seria North Flank.

Pengarah Urusan BSP, Awang Mark Carne menyentuh perkara tersebut di Majlis Penyampaian Pingat

Kerja Lama 2004 bagi para pekerja yang berkhidmat 35, 30 dan 25 tahun dalam BSP, BLNG, BST dan BSM yang berlangsung di Empire Hotel and Country Club di sini.

Beliau seterusnya menjelaskan, beberapa penemuan BSP dan aktiviti pengeluaran juga dicatat,

projek Champion West mencapai rekod baru dalam penggerudian paling lama dalam BSP, sementara penggerudian paling pantas turut dicapai bersama penggerudian yang memecahkan rekod dunia dicatat di Telaga 'Fish Hook' di Seria.

Beliau juga melahirkan penghargaan di atas perantaraan tiga rakyat Brunei yang memegang jawatan tinggi dalam bidang penguasaan ketika syarikat tersebut komited untuk mengambil lebih banyak wang-cara ini menduduki jawatan tinggi dalam syarikat.

Seramai 207 orang menerima Pingat Kerja Lama yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah BSP.

17 orang menerima Pingat Kerja Lama bagi pekerja YSHHB, BSM dan BLNG yang berkhidmat selama 35 tahun. Manakala enam orang menerima Pingat Kerja Lama yang berkhidmat selama 30 tahun.

Majlis diikuti dengan penyampaian Pingat Kerja Lama kepada Pengarah Urusan BSP, Awang Mark Carne dan Timbalan Pengarah Urusan BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali yang mana masing-masing berkhidmat selama 20 dan 25 tahun.

Seterusnya diikuti dengan penyampaian Pingat Kerja Lama kepada 123 penerima yang telah berkhidmat selama 25 dengan pingat masing-masing disampaikan oleh Pengarah Urusan BSP, Awang Mark Carne dan Pengarah Urusan BLNG, Dato Paduka Awang Haji Hamdillah bin Haji Abdul Wahab serta Pengarah Urusan BSM, Pengiran Haji Yassin bin Pengiran Haji Mohammad.

Ralat

KETERANGAN gambar keempat sebelah kanan muka surat 13 PELITA BRUNEI keluaran 2 Mac, 2005 hendaklah dibaca sebagai "Padi jenis pulut Honlai dari Taiwan dan Jepun ini sesuai ditanam di negara kita," kata Yang Dimulikan Pehin Kapitan China Koria Diraja Awang Lau Ah Kok.

Manakala keterangan gambar kedua sebelah kiri muka surat 16 PELITA BRUNEI keluaran 2 Mac 2005 hendaklah sebagai "Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan menyempurnakan pengumuman siji kepada salah seorang sukarelawan yang terlibat dalam gerakan Bantuan Kemanusiaan Inisiatif Yayasan ke Aceh". - Penyunting.

Sambungan, penglibatan sukarelawan dan dermawan

Sumbangan berharga dan luar biasa

BERAKAS, 28 Februari. - Sumbangan dan penglibatan para sukarelawan dan dermawan dalam menyokong kejayaan Inisiatif Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolikiah (YSHHB) kepada mangsa gempa bumi dan badai Tsunami di Aceh merupakan sumbangan yang sangat berharga dan luar biasa.

Inisiatif Bantuan Kemanusiaan YSHHB ke Aceh, Republik Indonesia yang dilanda gempa bumi dan badai Tsunami adalah usaha dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB telah mendapat kerjasama daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan yang menyediakan logistik, perhubungan dan keanggotaan.

Selain itu, beberapa pihak juga telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB seperti Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan yang menghulurkan bantuan dari segi perkhidmatan perubatan, sementara Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) menaja dua penerbangan bagi mengangkut barangan bantuan orang-orang perseorangan dan pihak-pihak lain turut menyumbang kewangan dan barangan termasuklah Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami Kementerian Kebudayaan, Beliau dan Sukan dan Kementerian Pendidikan dan beberapa mereka yang berkhidmat secara sukarela membantu pengurusan penerimaan dan penghantaran barangan bantuan di Unit Kesukarelawan YSHHB.

Liputan Sahari Akim
dan Samle Haji Jait

turut berganding bahu menjayakan inisiatif tersebut.

Gerakan bantuan kemanusiaan ke Aceh, telah melibatkan para sukarelawan yang terdiri daripada para doktor, jururawat dan tenaga-tenaga di bidang perubatan dari Kementerian Kesihatan dan pasukan perubatan serta anggota-anggota ABDB, pegawai dan kakitangan YSHHB serta sukarelawan YSHHB.

Fasa pertama Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB bermula dengan penghantaran bantuan pasukan perubatan dan pembahagian makanan, pakaian dan peralatan-peralatan lain yang diperlukan seperti janakuasa elektrik dan mesin pam air yang telah berjaya disempurnakan dalam dua peringkat.

Peringkat pertama bermula pada 14 Januari 2005 hingga 6 Februari 2005 lalu memberikan perkhidmatan bantuan perubatan dan pengagihan barangan kepada mangsa-mangsa yang tinggal di kawasan terpencil di pantai barat Aceh seperti Panga Pucok, Tempia Rambut, Teunom, Sarah Raya dan Sabang.

Perlaksanaan bantuan pada peringkat pertama itu menggunakan kemudahan logistik dan keanggotaan ABDB, perkhidmatan para doktor dan para medik serta Kementerian Kesihatan pegawai-pegawai YSHHB.

Peringkat kedua pula bermula pada 4 hingga 7 Februari 2005 dengan pengagihan barangan bantuan kepada sebahagian mangsa-mangsa yang tinggal di pusat-pusat pengungsian di Banda Aceh dan persekitarannya.

Peringkat kedua ini melibatkan tenaga sebahagian sukarelawan dan pegawai-pegawai YSHHB, sementara fasa kedua bantuan ialah bantuan pemulihan iaitu penyertaan dalam pembangunan semula Aceh setakat yang terdapat seperti pembinaan masjid, sekolah dan rumah atau asrama bagi anak-anak

yatim.

Perlaksanaan awal yang dirancang bagi fasa kedua ialah dengan membuat tinjauan dan perundingan dengan pihak-pihak berkuasa Republik Indonesia khasnya di Aceh untuk mendapatkan maklumat mengenai rancangan pembangunan semula Aceh.

Sebelum ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bol-

Lebih \$700 ribu bantuan diterima

BERAKAS, 28 Februari. - Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB bagi mangsa gempa bumi dan badai Tsunami setakat ini menerima sejumlah \$770,880.00 termasuk sumbangan daripada Tabung Bencana Tsunami di bawah Kementerian Kebudayaan, Beliau dan Sukan selain sumbangan yang dikutip oleh Kementerian Pendidikan.

Sebahagian besar dari wang derma yang terkumpul itu akan dijumlahkan sebagai sumbangan bagi bantuan pemulihan dalam fasa kedua inisiatif YSHHB.

Sementara itu inisiatif bantuan tersebut juga telah menerima sumbangan bala-menerima berupa pakaian, makanan, susu, perubatan dan lain-lain keperluan orang dewasa dan kanak-kanak sejumlah 30 tan, tidak termasuk hitungan berat mesin-mesin pam air dan generator yang diterima dan telah diagih-agihkan kepada mangsa.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin, Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB menyatakan perkara tersebut dalam sembah ucapan pada Majlis Doa Selamat dan Penghargaan Kepada Sukarelawan-sukarelawan dan Dermawan-dermawan Bagi Bantuan kemanusiaan Inisiatif YSHHB kepada mangsa gempa bumi dan badai

Tsunami di Aceh, berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut Yang Berhormat, sesungguhnya inisiatif yang telah dibuat dan akan diteruskan di Aceh itu merupakan ungkay besar, namun dengan berkat kerjasama serta persefahaman pihak-pihak yang mendukungnya dan dengan sambutan dermawan-dermawan serta bantuan sukarelawan yang mengurus penerimaan, pembungkusan dan penghantaran bantuan, ungkay besar itu telah terangkat dan insya-Allah akan disempurnakan dalam fasa kedua iaitu bantuan membangun masjid, sekolah dan lain-lain semata-mata pada menyampaikan hajat dan niat membantu mangsa menurut keupayaan serta ukuran saiz kita.

Yang Berhormat menyempurnakan bahawa betapa menyenangkan apabila bantuan dari anak-anak Brunei terdidi dari doktor, para medik, askar dan orang awam buat kali pertama beroperasi dalam misi bantuan kemanusiaan di kawasan bencana.

Lebih mengharukan menurut Yang Berhormat ialah apabila di permulaan operasi didapati mangsa yang terselamat di beberapa kawasan terpencil pantai barat Aceh buat pertama kali

didatangi pasukan bantuan setelah dua minggu kejadian bencana dan pasukan yang

kiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan berangkat ke Aceh, Republik Indonesia bagi meninjau kawasan yang terjejas akibat gempa bumi dan badai Tsunami pada 1 Februari 2005.

Baginda seterusnya berkenan berangkat meninjau misi bantuan kemanusiaan Negara Brunei Darussalam di Sabang dan Tempia Rambut dan telah bercemar duli menerima

junjung ziarah mangsa-mangsa yang terselamat.

Penglibatan semua peringkat masyarakat, agensi kerajaan dan pihak swasta yang mendukung penuh inisiatif YSHHB dalam membantu bebanan meringan mangsa gempa dan badai Tsunami di Aceh membuktikan lagi keprihatinan yang mendalam dari semua yang terlibat sambil mengambil pelajaran yang berguna dari terjadinya malapetaka itu.

pertama datang itu ialah pasukan bantuan dari Brunei.

Pada episod yang lain di kawasan sekitar Banda Aceh, ada ketikanya bantuan pakaian tidak lagi diperlukan tetapi apabila mangsa-mangsa di pusat penempatan mengetahui sukarelawan Brunei membawa sejadiah, telekong, kain sarung dan kain batik, sebahagian mangsa di situ mengerumuni mereka untuk mendapatkannya.

Menurut Yang Berhormat ada ketikanya bantuan yang diagih-agihkan disambut dengan linangan air mata dan ucapan syukur ke hadrat Allah yang membuat penerimanya hampir sahaja memeluk sukarelawan Brunei.

Sementara itu Ketua Pokso, seorang wanita profesional pula mengangap bahawa kedatangan bantuan Brunei bagaikan Malaikat yang diutus Allah mengabulkan doanya setelah 93 orang anak damit di bawah usia lima tahun (disebut 'balita') dari sejumlah lebih 200 kanak-kanak di kemah keluarganya itu meminum susu selama hampir sebulan dengan cara yang tidak selayaknya.

Begitulah juga episod-episod lain yang ditempuh oleh para doktor, juruterbang dan anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan orang awam yang beroperasi

Sesungguhnya jelas Yang Berhormat, mereka akan mengosongkan bukan sahaja pengalaman bahkan yang utama ialah pahala kebajikan kerana telah menyumbangkan bakti.

"Pahala kebajikan yang utamanya kita pohonkan kepada Allah untuk membalas perhatian berat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolikiah Mu'izzaddin Waddaulah, raja yang kita taati dan kasihi, kepada mangsa bencana dan seterusnya memperkenankan inisiatif membantu mangsa di Aceh oleh Yayasan baginda," tambah Yang Berhormat.

Menyentuh penyertaan dermawan dan sukarelawan, Yang Berhormat menyempurnakan bahawa dari awal Inisiatif Bantuan Kemanusiaan YSHHB ke Aceh dimaklumkan, orang ramai telah memberikan sambutan yang sangat mengembirakan.

Sesungguhnya, tambah Yang Berhormat, pemikiran yang baik dengan niat yang baik dan diselenggarakan dengan baik insya-Allah akan menghasilkan khidmat yang terbaik, demikianlah yang telah terjadi dan dialami Bantuan Kemanusiaan Inisiatif YSHHB setakat ini.

PARA PENERIMA GERAN TANAH SEMBAHKAN RASA SYUKUR

JUNJONGAN, 28 Februari. - Rakyat dan penduduk serta para penerima geran-geran tanah di bawah Skim Penggeran Tapak Rumah Di Atas Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) bagi Daerah Brunei dan Muara di Mukim Pengkalen Batu dan Mukim Sengkuring menyebarkan rasa syukur dan menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyempurnakan majlis penganugerahan dan seterusnya berangkat melawat ke rumah-rumah di mukim-mukim berkenaan.

Keberangkatan baginda menyempurnakan penganugerahan geran-geran tanah di bawah skim penggeran tapak rumah di atas tanah LTS bagi Daerah Brunei dan Muara kepada rakyat baginda sendiri dari pelbagai kampung dan daerah merupakan pengalaman unik kepada penduduk di negara ini yang mana ini menunjukkan komitmen kuat kerajaan baginda dalam memberikan tanah untuk tapak rumah kepada rakyat baginda.

Selesai sahaja majlis penganugerahan geran-geran tanah di Dewan Sekolah Rendah Junjongan, baginda seterusnya berkenan berangkat melawat ke sekolah tersebut dengan dijunjung dan disembahkan taklimat oleh Guru Besar sekolah berkenaan, Dayang Hajah Limah binti Omar.

Semasa keberangkatan ke sekolah tersebut, baginda berkenan menanam sepon pohon pokok manggis dan membuka rasmi Taman Mini Pendidikan sekolah berkenaan bagi memperingati lawatan bersejarah itu dan seterusnya melawat ke beberapa buah kelas sambil beramah mesra bersama guru-guru dan murid-murid sekolah tersebut.

Sekolah tersebut mula dibina dan digunakan pada tahun 1968 yang menempatkan 33 murid ketika itu dan kini dengan bangunan kekalnya pada tahun 1983 mempunyai keramaian murid 212 orang dan tenaga pengajarnya seramai 30 orang. Bangunan tiga tingkat ini dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan seperti bilik-bilik pejabat, bilik staf, darjah, RELA, perpustakaan, makmal komputer, stor buku, sains, kaunseling, dewan

Anugerah yang amat berharga

JUNJONGAN, 28 Februari. - Penerima Geran Tanah Di Bawah Skim Penggeran Tapak Rumah Di Atas Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) bagi Daerah Brunei dan Muara melahirkan perasaan berbesar hati dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan tersebut yang dilangsungkan baru-baru ini di Sekolah Rendah Junjongan.

Perasaan gembira jelas digambarkan oleh beberapa

Liputan Aliddin Haji Moktal

serbaguna dan kantin.

Seterusnya baginda berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampong Junjongan, Awang Haji Tahir bin Jaya yang mula memegang jawatan tersebut pada tahun 1989.

Kampung berkenan dan sekitarnya mempunyai keramaian penduduk 2,000 orang dengan jumlah rumah sekitar 200 buah.

Baginda kemudian berkenan singgah melawat ke beberapa buah rumah penerima skim tanah LTS di

Kampung Junjongan. Skim penggeran tanah LTS diperkenalkan bertujuan untuk mengurangkan beban kerajaan dalam penyediaan perumahan tempat tinggal bagi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti Perumahan Skim Tanah Kuria Rakyat Jati dan Rancangan Perumahan Negara.

Baginda berkenan meneruskan lawatan ke Kampung Kuala Lurah. Pengurniaan skim tersebut adalah bagi memberikan ke-kebaikan kepada para penerima untuk mempunyai tanah dan rumah sendiri.

Baginda seterusnya berkenan berangkat ke rumah Ketua Kampong Limau Manis, Awang Haji Mohimin bin Johari yang terletak di Kampung Kuala Lurah yang baru sahaja dilantik dan menerima Sijil Lantikan Ketua Kampong Limau Manis pada 25 Februari lalu. Kampung tersebut mempunyai keramaian penduduk lebih 1,800 orang dengan lebih 200 buah rumah.

Dengan pengurniaan geran-geran tanah kepada rakyat dan penduduk di negara ini, hasrat baginda untuk melihat rakyat baginda memiliki sebidang tanah akan terlaksana. Ianya juga sebagai sumbangan ke arah meningkatkan taraf hidup kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini.

Baginda meneruskan lawatan ke Pos Kawalan Kuala Lurah dengan meninjau lebih dekat lagi peranan dan fungsi Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dan lain-lain agensi kerajaan yang beroperasi

di Pos Kawalan tersebut.

Pos berkenaan merupakan pintu masuk utama di antara Negara Brunei Darussalam dan Limbang, Sarawak.

Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Jabatan Pertanian juga beroperasi di dalam lingkungan pos tersebut.

Baginda juga berkenan berangkat melawat ke Stesen Minyak dan Bangunan Kedai Badan Tanmiah Kampong Limau Manis yang merupakan sebuah perbadanan yang memperkembangkan dan memajukan harta-harta Baitulmal dengan melaksanakan rancangan-rancangan pelaburan.

Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) ditubuhkan pada tahun 1995. Salah satu usaha badan tersebut untuk menubuhkan projek usaha sama dengan tujuan memasarkan produk-produk tempatan.

Sementara bangunan perindustrian ringan ini siap sepenuhnya pada bulan April 2001 dengan kos perbelanjaan hampir \$3 juta yang dibiayai oleh Badan Tanmiah Harta MUIB bertindak sebagai pemaju dengan berkonsepkan pajakan selama 45 tahun.

Baginda meneruskan lawatan ke Pejabat Pos Limau Manis yang menyediakan perkhidmatan membaharu Lesen Memandu Kelas 1 dan 3 dan pembaharuan cukai jalan bagi kereta yang di bawah tujuh tahun.

Pejabat Pos berkenan dirasmikan pada 1 Oktober 1991 juga mengendalikan bayaran bil elektrik dan air selain fungsinya menjual setem, menghantar surat ke rumah-rumah sekitar Mukim Pengkalen Batu.

Baginda berkenan berangkat melawat Balai Polis Limau Manis yang pernah memenangi Anugerah Kategori Balai-balai Polis yang mengekalkan kecantikan dan kebersihan pada tahun 2003 dan 2004.

Balai Polis tersebut di bawah pengawasan seorang Pegawai Polis, Inspektor Haji Hasnol Fikri dengan dibantu oleh 84 anggota polis yang lain. Balai Polis ini berperanan memperkuatkan undang-undang negara terutama sekali di kawasan sempadan.

pemedulian.

Sementara Dayang Aisah binti Jumat yang tinggal di Kampung Junjongan sejak 16 tahun lalu melahirkan perasaan gembira apabila tanah tempat mereka mendirikan rumah sebagai tempat tinggal mereka sekeluarga seramai sembilan orang selama ini telah digerakan.

Beliau yang berasal dari Kampung Sultan Lama dengan perasaan gembira dan menjunjung kasih di atas pengurniaan itu merupakan anugerah berharga bagi diri dan keluarganya setelah

Klinik Kesihatan Limau Manis juga dilawati oleh baginda di mana klinik ini mula beroperasi pada tahun 1979 dan beroperasi empat kali seminggu dengan menyediakan perkhidmatan termasuk Klinik Kanak-kanak dan Ibu-ibu Mengandung.

Baginda kemudiannya berkenan berangkat melawat ke tapak perusahaan ayam Golden Chicks Abattoir Sendirian Berhad di Kampung Wasan. Syarikat ini merupakan syarikat pertama mengendalikan pusat kawalan kritikal analisis bahaya dan merupakan pusat penyembelihan yang mengeluarkan ayam halal yang bermutu.

Syarikat ini membekalkan dua tan metrik ayam bulat dan beku ke pasaran tempatan dan menyediakan 30 peratus permintaan tempatan dalam setahun.

Dalam lawatan itu, baginda berkenan berangkat ke rumah Penghulu Mukim Pengkalen Batu, Awang Haji Tahir bin Haji Tarip yang terletak di Kampung Batong yang mula memegang jawatan Penghulu Mukim Pengkalen Batu pada 1 Mac 2001. Mukim berkenan mempunyai lapan buah kampung iaitu Kampong Masin/Parit, Pengkalen Batu/Batu Ampar, Batong, Panchor Murai, Wasan/Batang Perhentian, Limau Manis, Junjongan dan Bebuloh yang dianggarkan lebih 9,000 penduduk.

Mukim itu juga mempunyai Jawatankuasa Kejiranan Kampung dengan lebih 600 orang ahli.

Baginda meneruskan keberangkatan melawat ke beberapa rumah penerima geran-geran tanah di Kampung Batong, Parit dan Belatik, di samping itu, baginda juga berangkat melawat ke Pasar Tani Serbaguna Kampong Selayun, Mukim Sengkuring. Di sini baginda beramah mesra bersama para peniaga dan melihat secara dekat perniagaan yang dikendalikan di pasar berkenaan.

Pasar Tani Koperasi Setenaga dikendalikan oleh Koperasi Kampong Tanjong Nangka dan 136 ruang peniaga disediakan.

Pasar Tani ini mula dibina pada bulan Februari 2001 dan siap pada 27 Januari 2002 dengan kos perbelanjaan sebanyak \$1,080,000.00 dan mula beroperasi pada 10 Ogos

sekitar lama menyewa tempat tinggal yang tidak menentu sehingga bertemu dengan tempat yang ada sekarang.

Manakala Dayang Saliah binti Haji Zekaria yang tinggal di Kampung Batong Perhentian turut mengongsikan bersama peserta yang lain menyebarkan perasaan gembira dan menjunjung

Beliau yang berasal dari Kampung Saba Darat 'B', kini tinggal bersama keluarganya seramai lebih 20 orang di atas tanah yang dikurniakan.

2003.

Baginda meneruskan lawatan ke Pusat Penyelidikan Pertanian, Kilanas di mana Jabatan Pertanian menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam menggunakan

teknologi hidroponik dalam mengeluarkan sayur-sayuran secara komersil.

Kanglin Hydroponik Farming adalah sebuah syarikat meneroka dalam memulakan pengeluaran sayur-

sayuran hidroponik sejak tahun 1997.

Lawatan baginda berakhir di Hotel Asma, Jerudong dengan Majlis Santap Tengah Hari.

Berangkat melawat Stesen Minyak, Perniagaan Badan Tanmiah dan Bangunan Perindustrian Ringan

Liputan Abu Bakar Haji Abdul Rahman

LIMAU MANIS, 28 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan melawat ke Stesen Minyak dan Perniagaan Badan Tanmiah dan Bangunan Perindustrian Ringan yang terletak di Mukim Pengkalen Batu di sini.

Lawatan bersejarah ke Stesen Minyak dan Perniagaan Badan Tanmiah dan Bangunan Perindustrian Ringan itu dilakukan sempena selesainya Majlis Penganugerahan Geran-geran Tanah Di Bawah Skim Penggeran Tapak Rumah Di Atas Tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) bagi Daerah Brunei dan Muara di Sekolah Rendah Junjongan.

Lawatan baginda ber-

telah siap dibina pada 7 April 2001 dengan harga \$2.9 juta yang semuanya dibiayai oleh Badan Tanmiah Harta MUIB.

Bangunan tersebut menyediakan beberapa kemudahan untuk disewa bagi perusahaan seperti perniagaan kedai-kedai runcit, makan, gunting, jahit bengkel dan sebagainya.

Selain itu kemudahan lain yang disediakan termasuklah perkhidmatan pembersihan bangunan dan perkhidmatan pengawal keselamatan.

Badan Tanmiah tersebut bertindak sebagai pemaju dengan berkonsepkan pajak selama 45 tahun, mengandungi 24 buah unit yang mana pembahagiannya adalah sebanyak 60 peratus di pihak Badan Tanmiah dan 40 peratus kepada pemilik tanah.

Sambungan dari muka 4

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia di sini dijunjung oleh Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Pahlawan Kolonel Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman dan di akhir persembahan Duli Yang Teramat Mulia berkesempatan untuk beramah mesra bersama anggota-anggota tentera berkenaan.

Sejurus kemudian, Duli Yang Teramat Mulia berkenan untuk berangkat ke Taman Peranginan Trandee Marina bagi meninjau secara dekat usaha-usaha anak tempatan dalam mendukung industri ekopelancongan tempatan.

Semasa di kompleks berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan ringkas oleh Pengurus Operasi, Moksen Awang Tahir mengenai kemudahan dan aktiviti-aktiviti yang disediakan untuk para pelancong alam semula jadi mahupun kegiatan luar.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1995, taman berkenaan mempunyai beberapa buah bilik bagi memudahkan pelawat dalam persinggahan sebelum menuju ke Taman Ulu Temburong.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya singgah di Taman Batang Duri yang menghimpunkan jenis haiwan liar sebagai strategi Jabatan Alam

Sekitar, Taman dan Rekreasi untuk tarikan pelancong.

Taman tersebut juga menyediakan bagi pejalan kaki dan taman permainan bagi kanak-kanak terletak kira-kira 16 kilometer dari Pekan Bangar yang menjadi salah satu destinasi tarikan pelancong di daerah ini.

Keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap pemeliharaan alam sekitar di sini membawa Duli Yang Teramat Mulia singgah ke salah sebuah tapak bekas pengambilan batu bagi meninjau secara dekat keadaan sebenar kawasan tersebut yang telah ditinggalkan terbiar setelah diterokai.

Di tapak ini, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan sendiri kesan hakisan kerosakan terhadap alam sekitar yang sepatutnya diambil perhatian khusus oleh agensi kerajaan berkenaan dan syarikat peneroka mengetahui peraturan yang telah digariskan bagi memastikan aset tanah dan sumber tersebut dikawal selia dengan sebaiknya.

Lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia diteruskan dengan keberangkatan ke Syarikat Kerjasama Kampong Selangan di mana Duli Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan ringkas mengenai pencapaian syarikat sejak penubuhannya.

Syarikat berkenaan ditubuhkan pada bulan Jun 2002 dan kini mempunyai seramai 121 orang ahli yang terdiri orang-orang Melayu

dan saudara-saudara baru dengan kegiatan menerusi aktiviti perniagaan barang-barang runcit.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan singgah ke kediaman Penghulu Mukim Amo, Awang Haji Badas bagi Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah bersama penduduk di situ.

Penduduk di mukim berkenaan juga menikmati kemudahan-kemudahan asas termasuk jalan raya, bekalan elektrik dan air bersih serta kemudahan telefon sekali gus memberi kesenangan penduduk di situ dalam pelbagai urusan seharian.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berkenan singgah ke Ang Ping Hui Quarry kepunyaan anak tempatan ditubuhkan pada tahun 1980 bagi meninjau sendiri proses penyediaan dan penghantaran batu-batu yang merupakan salah satu sumber perekonomian utama daerah berkenaan.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya berangkat ke Masjid Kampong Selangan bagi menunaikan Sembayang Fardu Zuhur Berjemaah sebelum mengakhiri rangka lawatan dengan menghadiri Majlis Ramah Mesra dan Santap Tengah Hari bersama pegawai-pegawai kanan kerajaan dan sebahagian ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, penduduk tempatan, guru-guru termasuk beberapa orang warga emas dan saudara baru di kediaman rasmi Pegawai Daerah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa menganugerahkan Geran Tanah Di Bawah Skim Penggeranan Tapak Rumah Di Atas Tanah Lesen Tumpang Sementara Bagi Daerah Brunei dan Muara kepada dua orang penerima.



BAGINDA berkenan merasmikan Taman Mini Pendidikan Sekolah Rendah Junjongan (atas).

BAGINDA menitahkan sesuatu kepada seorang murid Sekolah Rendah Junjongan.

43 DIANU GERAN TA



Liputan
Abd. Karim Haji Abu
Bakar, Aliddin Haji
Moktal dan Abu Bakar
Haji Abd. Rahman
Gambar-gambar oleh
Haji Ariffin Haji Mohd.
Noor, Pg. Rafee Pg.
Dato Paduka Haji
Metassim, Hamadi Haji
Mohammad dan Mohd.
Zul-Izzi Haji Duraman



BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Feb
anugerah Geran-geran Tanah Bagi
Atas Tanah Lesen Tumpang Seme
Daerah Brunei dan Muara hari ini me



BAGINDA berkenan menanam seponon pokok manggis sempena keberangkatan baginda ke Sekolah Rendah Junjongan sejurus sempurna Majlis Penganugerahan Geran Tanah (atas kiri).

BAGINDA meneliti buku seorang murid semasa berkenan melawat ke bilik darjah Sekolah Rendah Junjongan (atas kanan).

BAGINDA berkenan meneliti takiding, kraf tangan yang diusahakan oleh penduduk Kampong Junjongan (kiri).

BAGINDA penuh minat mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Imigresen, Awang Hassan bin Haji Abdul Kadir mengenai struktur dan tugas para pegawai Jabatan Imigresen di Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah (kanan).



kasih ke
Duli Yang
Baginda
Pertuan N
salam.
Memor
Brunei da
Awang H
Hanafiah
nya, para
dan Muar
anugerah
dan men
semangat
yang teru
taat setia
gi ke had
Dalam
yang diad
Rendah
orang ya
peserta
orang da
orang da
orang da
seorang
orang da
empat o
menerim
masing-m
Peng
Tanah LT
Brunei d
keprihat
usaha ba
da melak
negara b
an-kemod
an sendi
penduduk
mereka
samping
memiliki
Rancangan
"Bagi
likan per
hamdulia
Kebawah
mengamb
limpahan
mereka
atas tanah

GERAHKAN TANAH

RENDAH JUNJONGAN BRUNEI IV



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah dari para penduduk (atas).

BAGINDA berkenan bergambar ramai bersama para guru dan kakitangan Sekolah Rendah Junjongan (kiri).



Para penerima
Rumak Di
(LTS) di sekitar
menjunjung
majlis Kebawah
Mulia Paduka Seri
dan Yang Di-
ra Brunei Darus-

Pegawai Daerah
tara, Dato Paduka
Adnan bin Haji
sembah alu-aluan-
aduk Daerah Brunei
para penerima
menan juga berikrar
atkan tekad serta
ak menjadi rakyat
menus mencurahkan
tidak berbelah baha-
nagis baginda.

lis penganugerahan
huni ini di Sekolah
ngan, seramai 43
dari daripada lima
kim Berakas, empat
kim Kilanas, empat
kim Sengkuring, 20
kim Pengkalan Batu,
kim Lumapas, lima
lukim Mentiri dan
dan Mukim Serasa
gerah geran tanah

an Tapak Rumah
atas Pegawai Daerah
Mura adalah atas
baginda di dalam
kerajaan bagin-
dan impian dan dasar
memberikan kemudah-
memiliki perumah-
semasa rakyat dan
para ini khususnya
tidak bertanah, di
reberi kemudahan
umahan di bawah
umahan Negara.

percepatan pemi-
han sendiri, al-
di peringkat awal,
Tuan Patik telah
dekatan dengan me-
bah berkenan untuk
memiliki rumah di
Sukumiakan anu-



gerah penggeranan
tanah, khususnya bagi
merek yang sudah
mendudukinya mele-
bihi tempoh 10 tahun,"
sembah beliau.

Menurut beliau
lagi, dengan kemura-
han hati dan ihsan
pemedulian yang ber-
terusan, baginda baru-
baru ini juga telah
memperkenalkan bagi
tempoh penggeranan
tapak rumah di bawah
Skim Penggeranan
Tapak Rumah Tanah
LTS dipendekkan lagi
kepada lima tahun.

"Ini merupakan sa-
tu anugerah yang sa-
ngat-sangat dijunjung
tinggi oleh rakyat dan
penduduk di Negara
Brunei Darussalam.
Selaku mewakili pene-
rima-penerima anuge-
rah tersebut, hamba-
hamba Kebawah Duli
Tuan Patik dengan pe-
nuh hormat dan takzim
menjunjung ampun
menyembahkan seting-
gi-tinggi menjunjung
kasih di atas limpah
perkenan Kebawah
Duli Tuan Patik ter-
sebut," sembah beliau.

BAGINDA menitahkan sesuatu kepada para pegawai Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang bertugas di Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah (atas kiri).

BAGINDA meneliti bungkusan daging ayam sambil mendengar sembah penerangan Pengurus Umum Syarikat Golden Chicks Abattoir Sdn. Bhd., Awang Bohari bin Dasin (atas kanan).

BAGINDA beramah mesra bersama seorang penumpang kenderaan yang melalui Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah (kiri).

BAGINDA menanyakan sesuatu kepada anggota polis yang bertugas di Balai Polis Limau Manis (kanan).

BAGINDA berkenan menyaksikan sayur-sayuran yang dijual di Pasar Tani Serbaguna Kampong Selayun, Mukim Sengkuring (bawah kiri).

BAGINDA menyaksikan antara contoh produk tempatan yang dianalisa di Makmal Pusat Penyelidikan Pertanian Kilanas (bawah kanan).



Lawatan kerja DPMM ke Mukim Rambai

RAMBAI, 26 Februari. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pagi ini berangkat meneruskan siri keberangkatan lawatan kerja ke Mukim Rambai, Daerah Tutong di sini.

Keberangkatan tiba DYTM menggunakan pesawat helikopter di perkarangan Sekolah Rendah Rambai dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan; Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusoff; Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka Sheikh Haji Adnan; Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini; Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi dan Penghulu Mukim Rambai, Awang Khairul Nurul Arsyad.

Juga hadir dalam keberangkatan tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani.

Sejurus berangkat tiba DYTM kemudian dijunjung berangkat ke Dewan Sekolah Rendah Rambai bagi sembah alu-aluan oleh Penghulu Mukim Rambai, Awang Khairul Nurul Arsyad mengenai profil dan perkembangan Mukim Rambai.

DYTM kemudian dijunjung berangkat dan melihat secara dekat bangunan Sekolah Rendah Rambai termasuk bilik-bilik darjah dan kemudahan yang ada di sekolah berkenaan. Keberangkatan DYTM ke sekolah berkenaan dijunjung dan disembahkan taklimat oleh Guru Besar Sekolah Rendah Rambai, Awang Jalan bin Ramai.

Sekolah Rendah Rambai telah dibuka dengan rasminya pada 26 Mac 1956 dan bangunan sekolah yang ada sekarang mempunyai lapan buah bilik darjah dengan seramai 63 orang murid berserta 18 orang tenaga pengajar.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan untuk beramah mesra bersama murid-murid dan guru-guru Sekolah Rendah Rambai sebelum berangkat meneruskan lawatan kerja ke Klinik Kampong Rambai.

Keberangkatan tiba DYTM di Klinik Kampong Rambai dijunjung oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini dan Pengarah Perkhidmatan Perubatan. Di klinik ini DYTM berkenan meninjau lebih dekat lagi kelengkapan dan kemudahan yang terdapat di klinik berkenaan. DYTM juga berkenan beramah mesra bersama beberapa orang suri rumah tangga yang sedang membawa anak-anak mereka untuk mendapatkan rawatan.

Klinik Kesihatan Kampong Rambai telah beroperasi sejak bulan Februari tahun 1993. Ia dilengkapi dengan kemudahan asas dan kelengkapan bagi rawatan ibu-ibu mengandung, anak-anak damit yang baru lahir dan juga kanak-kanak yang tinggal sebagai penduduk di sekitar Mukim Rambai.

DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah meneruskan lagi lawatan kerja dengan berkenan berangkat ke kediaman Ketua Kampong Rambai. Keberangkatan tiba DYTM dijunjung oleh Ketua Kampong Rambai, Awang Haji Md. Jamin. Dalam lawatan ini DYTM juga berkenan menyaksikan beberapa pameran aktiviti masyarakat Kampong Rambai dan juga

Liputan Haji Dayang Haji Kasim, Abdullah Asgar dan Haji Ahmad Haji Salim

produk yang dihasilkan oleh kampung berkenaan. DYTM juga berkenan menerima pesembah yang disembahkan ke hadapan majlis DYTM oleh Ketua Kampong Rambai.

Kampong Rambai mempunyai keramaian penduduk 470 orang yang mana 235 orang adalah terdiri daripada mereka yang beragama Islam dan 235 orang lagi yang bukan beragama Islam. Jumlah rumah yang ada di Kampong Rambai sebanyak 92 buah dan kampung ini juga telah dilengkapi dengan kemudahan asas seperti sekolah, klinik, rumah persinggahan, telefon, tenaga elektrik, air, jalan raya dan pondok polis.

Dari rumah kediaman Ketua Kampong Rambai, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah meneruskan lawatan ke rumah bantuan kerajaan melalui Pusat Da'wah Islamiah.

DYTM berkenan melawat salah sebuah rumah bantuan kerajaan yang dimiliki oleh Dayang Nursuryani binti Abdullah Manja @ Sura anak Manja berusia 41 tahun, bagi melihat sendiri kemudahan-kemudahan yang telah diberikan oleh pihak kerajaan melalui Pusat Da'wah Islamiah.

Terdahulu dari itu DYTM berkenan menyaksikan mini pameran perkembangan dan kemajuan serta aktiviti saudara-saudara baru melalui Pusat Da'wah Islamiah.

Menurut Pusat Da'wah Islamiah rumah yang didiami oleh Dayang Nursuryani sejak bulan Oktober 2003 berharga hampir \$80,000.00. Selain rumah diberikan secara percuma oleh pihak kerajaan, Dayang Nursuryani bersama keluarga seramai tujuh orang juga menerima bantuan kewangan bulanan daripada Majlis Ugama Islam Brunei sebanyak \$110 sehingga bulan Ogos 2005 dan juga bantuan Pusat Da'wah Islamiah sejumlah \$180 sehingga bulan Disember 2005.

Sejak dari tahun 1997 sehingga bulan Februari 2005 seramai 233 orang telah dicatatkan memeluk agama Islam yang terdiri dari bangsa Iban, Dusun, Murut, Cina, Filipina, dan Thailand di Daerah Tutong.

Dari rumah bantuan DYTM berangkat melawat dengan memandu sendiri kenderaan khas ke Sekolah Rendah Benutan.

Keberangkatan DYTM di Sekolah Rendah Benutan dijunjung oleh Timbalan Menteri Pendidikan dan Setiausaha Tetap Kement-

rian Pendidikan serta Guru Besar sekolah berkenaan dan selepas itu DYTM dijunjung melawat bilik pentadbiran dan bilik-bilik darjah, di mana dalam lawatan itu DYTM juga berkenan beramah mesra bersama murid-murid sekolah berkenaan.

Sekolah Rendah Benutan mula dibina pada bulan Disember 1995 dan siap pada bulan November 1996 dan digunakan sepenuhnya bulan Januari 1997. Sekarang sekolah rendah berkenaan mempunyai keramaian 45 orang murid yang datang dari lima buah kampung dengan 16 orang tenaga pengajar, seorang buruh dan dua orang tukang masak.

Sekolah tersebut dilengkapi dengan kemudahan ICT, rancangan pemakanan sekolah, pemeriksaan kesihatan termasuk perkhidmatan perigian dan sebagainya.

Pencapaian sekolah dalam peperiksaan tiga tahun PSR, pada tahun 2002 telah berjaya mencapai 75 peratus, manakala tahun 2003 100 peratus dan 2004 hanya mencapai 50 peratus lulus.

Dari Sekolah Rendah Benutan DYTM meneruskan lagi lawatan menuju ke rumah kediaman rasmi Penghulu Mukim Rambai yang berdekatan. Keberangkatan DYTM dijunjung untuk menyaksikan pameran kraf tangan yang dihasilkan oleh penduduk kampung dan seterusnya beramah mesra bersama Penghulu Mukim Rambai, Awang Khairul Nurul Arsyad bin Haji Abdul Malek dan juga berkenan menurunkan tandatangan di buku pelawat khas sempena lawatan tersebut.

Mukim Rambai mengandungi tujuh buah kampung dengan keramaian penduduk 1,209 orang yang mana dari jumlah itu 585 orang penduduk adalah beragama Islam dan 624 lagi bukan beragama Islam dan mengahuni 223 buah rumah dan empat rumah panjang.

Kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh pihak kerajaan termasuklah jalan raya, bekalan elektrik, air dan sebagainya.

Secara keseluruhannya Mukim Rambai merupakan mukim yang masih mengusahakan penanaman padi iaitu jenis padi paya pusu, berio dan pulut dan merupakan sebahagian hasil pendapatan penduduk kampung.

DYTM juga berkenan berangkat melawat dan melihat lebih dekat penanaman padi yang diusahakan oleh Haji Abdul Razak bin Abdullah Sedai. Sejurus keberangkatan itu DYTM ber-



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah disembahkan taklimat mengenai padi yang diusahakan sendiri oleh Haji Abdul Razak.

kenan menyaksikan pameran mini berkaitan penanaman padi yang dikendalikan oleh Jabatan Pertanian.

Kemudian DYTM dijunjung oleh Haji Abdul Razak untuk melihat sendiri dan menyembahkan taklimat ringkas mengenai padi yang diusahakan oleh beliau yang hanya terletak di belakang rumah beliau sendiri. Dari sana DYTM dijunjung menyaksikan proses penghasilan padi setelah dituai untuk dijadikan beras, di samping menyaksikan beberapa peralatan mesin lama dan moden yang digunakan untuk pembersihan padi menjadi beras.

Pihak PELITA BRUNEI sempat mendengar penjelasan salah seorang penduduk kampung di mana mesin lama padi itu telah berusia kira-kira 22 tahun. Mesin tersebut masih baik untuk digunakan yang hanya diperbuat daripada kayu. Untuk menghasilkan beras terpaksa memakan masa yang lama berbanding dengan mesin moden yang ada sekarang.

Haji Abdul Razak telah mengusahakan penanaman padi seluas 2.20 hektar dengan tiga jenis padi paya iaitu padi pusu, berio dan pulut. Haji Abdul Razak juga menerima bantuan subsidi daripada pihak kerajaan melalui Jabatan Pertanian seperti racun rumput, racun serangga dan penyakit dan juga khidmat nasihat dan perkhidmatan mesin pengirik.

DYTM kemudian berkenan meneruskan lawatan menuju Masjid Kampong Benutan di mana Majlis Pengislaman juga dilangsungkan sempena keberangkatan DYTM ke Mukim Rambai bagi Awang Matazari yang berbangsa Dusun.

Majlis Pengislaman dikendalikan oleh pegawai-pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah Daerah Tutong. Awang Matazari, 17 tahun, kini dikenali sebagai Muhd. Faizal bin Abdullah yang masih menuntut di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah, Lumut.

Majlis Pengislaman diserikan dengan Dikir Marhaban di mana DYTM berkenan merenjis air mawar kepada Awang Muhd. Faizal dan berkenan menerima junjung ziarah. Selepas itu DYTM juga menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur

Berjemaah bersama-sama penduduk kampung.

Masjid Kampong Benutan siap dibina pada bulan Oktober 1996 dan digunakan pada bulan Disember 1996 dengan kos pembinaan \$375,000.00 dari bantuan kewangan Asnaf Al-Gharimin, Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan juga kutipan derma orang ramai.

Masjid Kampong Benutan di bawah jagaan seorang Imam, Awang Haji Mohd. Hairol Mazlan bin Haji Abdul Razak dan Bilal Awang Haji Mohd. Akin bin Abdullah. Masjid yang dilengkapi dengan penghawa dingin juga mengendalikan aktiviti Kelas Al-Quran dan Muqaddam dan Kelas Dewasa Agama serta dilengkapi penyediaan peralatan penyempurnaan jenazah.

Dari Masjid Kampong Benutan, DYTM berkenan berangkat menuju ke Taman Warisan Tasek Merimbun iaitu kira-kira dua minit perjalanan bagi Majlis Santap Tengah Hari.

Di Taman itu Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan keindahan pemandangan flora dan fauna serta hidupan binatang-binatang seperti burung dengan menggunakan teropong khas. Sebelum berangkat melawat Balai Pameran, Balai Kajian Flora dan Fauna serta pembelajaran ekologi, DYTM berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama ketua-ketua keluarga Mukim Rambai.

Setelah santap tengah hari DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung berangkat untuk melawat Balai Pameran Taman Warisan Tasek Merimbun yang terletak berdekatan di bawah pentadbiran Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

Balai Pameran Taman Warisan berkenaan merupakan sumbangan sebuah bank komersil di negara ini yang dibuka rasmi pada tahun 2000 lalu dan sejak tahun 1984 taman itu telah diisytiharkan menjadi Taman Warisan ASEAN.

Antara lain ia memaparkan beberapa spesies hidupan air tawar, serangga dan tumbuhan yang terdapat di sekitar Taman Warisan Tasek Merimbun yang luasnya 7,800 hektar. Dianggarkan lebih dari 100 orang

berkunjung ke taman itu setiap bulan terutamanya pada hujung minggu yang terdiri dari penuntut sekolah dan kumpulan pelancong.

Selain dijadikan Balai Pameran ia juga dijadikan sebahagian dari tempat penyelidikan hidupan serangga dan tumbuhan oleh para penyelidik tempatan dan luar negeri.

Kemudian DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung berangkat melawat ke Bangunan Makmal, Taman Warisan Tasek Merimbun yang terletak bersebelahan.

Di sini para penyelidik membuat pelbagai jenis penyelidikan terutama pada tumbuhan flora dan fauna dengan tersedia beberapa jenis alat dan kemudahan penyelidikan seperti komputer, di samping tempat penginapan yang selesa di mana DYTM dijunjung berangkat melawat ke Bangunan 'Researchers Quarters' Taman Warisan Tasek Merimbun.

Lawatan DYTM seterusnya ialah berangkat melawat ke Balai Bomba, Lamunin yang mula digunakan sejak Ogos 1993 bagi memberi khidmat perlindungan kebakaran, menyelamatkan dan kecemasan di kalangan penduduk-penduduk di sekitarnya.

Balai Bomba Lamunin dianggotai oleh lebih 34 orang anggota bomba dengan diketuai oleh seorang Pegawai Balai, Awang Mohd. Sofian Suhaili. Di sini terdapat perumahan untuk para anggota selain peralatan dan kemudahan bagi perkhidmatan bomba di mana DYTM juga berkenan meninjau dan menyaksikan pameran berkenaan.

Sebelum berangkat untuk meneruskan lawatan ke Empangan Air Benutan, DYTM berkenan menyaksikan persembahan menyelamat seorang pemandu yang tersepit dalam kenderaan setelah keretanya dihepang seponon kayu yang tumbang.

Kerja-kerja menyelamat yang dibuat oleh lebih 15 orang anggota yang terlatih hanya mengambil masa lebih kurang lima minit di mana mangsa dapat dikeluarkan dan diselamatkan untuk dihantar ke rumah sakit di ibu negara.

Persembahan tersebut

bahawa kualiti dan khidmat yang diberikan oleh anggota-anggota bomba Brunei tidak diragukan lagi walaupun apa jenis kecemasan dan kemalangan yang terjadi.

Dari Balai Bomba Lamunin, DYTM meneruskan lawatan ke Empangan Air Benutan yang di bawah pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Air, Kementerian Pembangunan yang mula digunakan sejak tahun 1991 lalu.

Dengan kos pembinaan lebih \$42 juta bagi membekalkan air bersih ke Daerah Brunei dan Muara dan Tutong terutama di musim kemarau yang memproses aliran Sungai Tutong untuk dijadikan air bersih mempunyai keluasan lebih 28.6 kilometer persegi dilengkapi dengan perahu, generator dan talian telefon, berfungsi sebagai mengawal aliran air Sungai Tutong.

Kawasan tadahan Empangan Air Benutan lebih kurang 28.6 kilometer dengan kawasan takungan lima kilometer, secara kasar isipadu airnya melebihi 44 juta meter padu.

Empangan ini dibina panjangnya lebih 420 meter di puncaknya dengan lebar 450 meter serta ketinggian puncak 20 meter, empangan ini berkeupayaan membuat pumbuangan maksima air sembilan meter padu air sesaat.

Terdapat 11 orang kakitangan menjalankan tugas di sini secara bergilir dengan diketuai oleh seorang Jurutera Air.

DYTM mengakhiri lawatan di sini dengan dijunjung berangkat balik oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Gambar-gambar dimuatkan di muka 12 dan 13

SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN KE-21



AWANG Haji Latif bin Haji Aspar ... Dengan bersepadu kita dapat memperkasa negara, bangsa dan agama.



AWANG Haji Ali bin Haji Hidup ... Setiap pegawai dan kakitangan kerajaan perlu memberikan tanggungjawab yang penuh ke arah pembangunan dan kemajuan negara.



DAYANG Salliza binti Haji Bujang ... Seorang guru berperanan menanamkan semangat kebangsaan dan kemerdekaan kepada murid-murid selain dari mengajar.

Pembangunan negara perlukan komitmen semua pihak

Oleh Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh
Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim

Rakyat perlu bersikap positif, memajukan negara

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Februari. - Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-21 tahun ini walaupun disambut secara sederhana tetap meriah dan menarik.

Pelbagai lapisan masyarakat dan peringkat usia dari seluruh daerah serta pelancong asing yang berada di negara ini membanjiri Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin bagi menyaksikan persembahan padang warna-warni yang dihasilkan dari gabungan tenaga melalui sikap bersatu hati dan bekerjasama sesama peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah, institusi pengajian tinggi, pegawai dan kakitangan kerajaan, syarikat swasta dan pasukan beruniform.

Gabungan tenaga dan sikap sedemikian itu mencerminkan perpaduan di kalangan rakyat yang hidup dalam keadaan aman damai, saling bantu-membantu bagi membangun negara di bawah pimpinan raja yang adil dan bijaksana sesuai dengan tema sambutan 'Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa'.

Dayang Aisah Timbang, seorang kakitangan kerajaan ketika ditemui bual berkata, selama Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan pelbagai usaha dilakukan oleh pihak-pihak tertentu terutama yang ada kaitan dengan ekonomi, pembangunan, agama, budaya, sosial dan sebagainya. Bersatu hati memajukan bangsa dan negara sehingga mampu berdiri sendiri tanpa bergantung kepada pihak lain.

Katanya, maju mundur bangsa dan negara bergantung kepada anak bangsa itu sendiri. Untuk mencapai kemajuan setiap rakyat perlu bersikap positif dalam pelbagai aspek tanpa menjejaskan identiti bangsa, agama dan tatasusila selain mempunyai wawasan dan daya intelektual.

yang Norhaszlin Yunus, graduan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam jurusan Sarjana Muda Pendidikan pula berkata, ibu bapa, guru, masyarakat terutama golongan belia remaja sama-sama memainkan peranan penting untuk mandiri bangsa de-

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarali

ngan memperbanyakkan mendalami ilmu pengetahuan dunia dan akhirat.

Katanya, sejak negara mencapai kemerdekaan, pembangunan infrastruktur, pendidikan, perusahaan dan sebagainya semakin berkembang maju dari masa ke semasa. Sebagai contoh di sekolah-sekolah rendah hingga pengajian tinggi hampir keseluruhannya telah dibekal dan didedahkan dengan penggunaan ICT mengikut peredaran zaman dan era globalisasi.

Sementara itu Dayang Hajah Kartini OK Abang Abu Hanifah, guru Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah menafirkan tema Hari Kebangsaan bermaksud rakyat Brunei tanpa mengira kaum dan bangsa bersatu padu dalam mengukuh dan membangun negara tanpa meminta bantuan dari manamana negara. Namun begitu kita boleh mencontohi negara-negara yang telah maju kerana dari situlah kita dapat mempelajari bagaimana untuk membangun negara sendiri.

Selain itu semua pihak harus bersatu padu terutama dalam mengukuhkan golongan belia kerana majoriti penduduk negara terdiri daripada golongan tersebut dengan menanamkan semangat patriotik dalam diri mereka bagi mengukuh dan mempertahankan negara sebagai sebuah negara yang digalati oleh masyarakat antarabangsa.

Dalam pada itu, tambahnya, selaku rakyat kita harus bersatu padu dan menyokong pihak kerajaan sama ada dari segi tenaga, buah fikiran untuk memperkasa bangsa supaya sejajar dengan negara-negara lain.

Menyentuh penglibatan belia dalam sambutan Hari Kebangsaan, beliau merasa kagum penglibatan mereka menyemarakkan sambutan tersebut namun begitu beliau berharap para belia tidak hanya melibatkan diri pada hari-hari sedemikian sahaja bahkan semangat cintakan negara perlu ditanam dalam diri mereka.

Katanya, bagi menyuntik semangat patriotik di kalangan kanak-kanak dan belia misalnya di sekolah-sekolah pelbagai langkah telah diserapkan antaranya menyanyikan Lagu Kebangsaan, sambutan Hari Kebangsaan di setiap sekolah, Pertandingan Lukisan dan Mencipta Logo Hari Kebangsaan serta Pertandingan Lagu Patriotik.

Selain itu bagi mengisi Hari Kebangsaan pula beliau berpendapat pihak tertentu hendaklah memperbanyakkan lagi tayangan gambar, drama dan elemen-elemen yang berunsurkan kesenian mengenai Hari Kebangsaan di kaca televisyen bagi memperkasa lagi budaya dan membangkitkan lagi semangat patriotik dalam jiwa rakyat negara ini.



DAYANG Aisah Timbang ... Maju mundur negara bergantung kepada anak bangsa.

Semua bentuk persembahan dapat menyokong tema tahun ini 'Bersepadu Memperkasa Mandiri Bangsa' kerana dengan bersepadu kita dapat memperkasa negara, bangsa dan agama dengan tidak mengharapakan pertolongan orang lain kerana kita yakin boleh melakukannya.

"Kegemilangan negara dapat dirasakan walaupun kita baru merdeka 21 tahun namun kejayaan-kejayaannya yang dicapai oleh anak bangsa sendiri dan inilah yang kita harapkan dari golongan generasi muda di masa akan datang jika mereka menjadi pemimpin di satu hari nanti," jelasnya.

Perkara ini antara lain yang dilahirkan oleh orang ramai ketika memberitahu wakil PELITA BRUNEI

di Taman Haji Sir muda Omar 'Ali Saifuddin di sini.



DAYANG Norhaszlin ... Golongan belia remaja memainkan peranan penting untuk mandiri bangsa.



DAYANG Hajah Kartini ... Rakyat Brunei tanpa mengira kaum harus bersatu padu membangun negara.

"Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan perlu memberikan komitmen seratus peratus dalam menjalankan tugas sehari-hari. Tanpanya sebanyak manapun pegawai-pegawai dan kakitangan sesuatu per-

kembangan dan kemajuan itu akan sukar dicapai," katanya.

Jelasnya, apa yang harus ada pada setiap pegawai dan kakitangan ialah sokongan dan dukungan yang bersepadu dalam pembangunan negara atau mekanisme jentera pentadbiran yang benar-benar efisien seperti yang diharapkan oleh rakyat dan penduduk di negara ini.

Kerana, tambahnya, pegawai dan kakitangan kerajaan adalah jentera penggerak kepada pentadbiran kerajaan, hanya dengan cara inilah negara akan boleh setanding dengan negara-negara lain di dunia.

Sementara itu, bagi Ketua Media Pendidikan, Jabatan Perkembangan Kurikulum, Awang Haji Ali bin Haji Hidup pula menegaskan, tema tahun ini adalah bersesuaian kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan selama 21 tahun yang disifatkan sebagai matang dalam usaha membangun negara.

"Saya merasa bersyukur kepada kerajaan kerana dalam 21 tahun kita merdeka, negara dalam keadaan aman, makmur dan terhindar dari kejadian yang tidak diinginkan walaupun terjadi tahun lalu kes-kes jenayah meningkat tetapi ia tetap terkawal," katanya.

Jelasnya, apa yang perlu dilakukan oleh setiap pegawai dan kakitangan dalam mengisi kemerdekaan yang telah dicapai adalah memberikan sepenuh tanggungjawab bagi

membangun negara supaya ia setanding dengan negara lain di dunia ini.

Manakala bagi seorang guru dari Sekolah Menengah Sayyidina Hasan, Dayang Salliza binti Haji Bujang pula menjelaskan agar setiap lapisan rakyat dan penduduk di negara ini perlu memberikan sumbangan yang termampu dalam pembangunan.

Katanya, dalam meraikan sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan, rakyat dan penduduk negara ini boleh memainkan peranan dengan menyertai dan mengambil bahagian dalam Persembahan Padang dan Perhimpunan Agung.

Tambahnya, dengan memberi komen bahawa acara yang dipersembahkan akan menampilkan kesepaduan orang-orang Brunei yang tidak mengira bangsa bersatu bagi membuat persembahan.

"Perkara beginilah yang dikehendaki oleh negara dalam usianya mengisi hari-hari kemerdekaan dengan tekad bersatu untuk membangun negara, menjaga keamanan dan ketenteraman dan menjauhi diri dari sebarang kegiatan yang tidak mendatangkan faedah sama sekali," jelasnya.

Katanya, seorang pendidik berperanan bagi mengasuh dan mendidik murid ke arah jalan yang sempurna antara lain dengan menanamkan semangat cintakan negara dan kemerdekaan dengan menggalakkan mereka menyertai persembahan Hari Kebangsaan jika dipilih.

KKBS sambut awal Tahun Hijrah 1426

BERAKAS, 27 Februari. - Sambutan Awal Tahun Baru Hijrah 1426 terus diraikan lagi dengan adanya majlis-majlis keagamaan yang dianjurkan oleh kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, di samping pertubuhan awam di seluruh negara.

Majlis sambutanannya bukan saja menyemarakkan kedatangan tahun baru Islam itu malah dijadikan sebagai jambatan bagi memupuk semangat dan perpaduan di kalangan sesama Islam dan kakitangan kerajaan serta

Oleh Samle Haji Jait

agensi masing-masing.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) juga mengadakan majlis serupa yang turut dihadiri oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain.

Majlis diserikan lagi dengan ceramah agama

oleh Ustaz Haji Mohammad Syahrini bin Haji Abdul Kahar dari Pusat Da'wah Islamiyah, sementara Kumpulan An-Nur gabungan pegawai dan kakitangan KKBS turut menghiburkan hadirin.

Sambutan berkenaan merupakan salah satu aktiviti keagamaan kementerian tersebut dalam memeriahkan lagi sambutan Awal Tahun Baru Hijrah, di samping mengeratkan lagi hubungan sesama pegawai dan kakitangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan melihat dengan lebih dekat lagi pameran mengenai penanaman padi di Daerah Tutong.

LAWATAN KERJA DPMM KE MUKIM RAMBAI



Gambar-gambar oleh
Harun Haji Rashid, Haji Masmaleh Haji
Mohd. Ali dan Masri Osman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan melawat Klinik Kampong Rambai.



TAMAN Warisan Tasik Merimbun juga menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia semasa lawatan kerja tersebut (atas).

DULI Yang Teramat Mulia ketika meninjau lebih dekat lagi peralatan yang digunakan oleh anggota bomba di Balai Bomba Lamunin (atas).



CARA mengisar padi menggunakan alat pengisar juga menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia.



ALAT menampi padi yang lama juga menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia.



DULI Yang Teramat Mulia ketika disebarkan penjelasan oleh seorang penyelidik mengenai bahan kajiannya.



DULI Yang Teramat Mulia menggunakan teropong khas bagi memerhatikan sesuatu di Tasik Merimbun.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menerima penerangan ringkas mengenai Empangan Air Benutan.



PENDUDUK-PENDUDUK Kampong Benutan berpeluang menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah bersama Duli Yang Teramat Mulia (atas).



DYTM ketika berkenan merenjis air mawar kepada saudara baru yang memeluk Islam di hadapan majlis Duli Yang Teramat Mulia ketika lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia (kiri).



PRIHATIN ... Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota ketika menyabdakan pertanyaan kepada seorang murid Sekolah Rendah Rambai.



DULI Yang Teramat Mulia ketika berkenan menyaksikan pameran sebahagian dari hasil kraf tangan penduduk-penduduk Kampong Benutan (atas).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ketika berkenan meninjau ke Kelas Komputer di Sekolah Rendah Benutan.

ARENA SUKAN

Kejohanan Menembak Kebangsaan Ke-1 bermula

Liputan Haji Ahat Haji Ismail
Gambar-gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit



KEBERANGKATAN Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam memperlihatkan sokongan dan galakan kepada atlet-atlet menembak negara untuk mencapai kecemerlangan (atas).

MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain merasmikan pembukaan Kejohanan Menembak Ke-1 (kanan).

JERUDONG, 7 Mac. - Kejohanan Menembak Kebangsaan Ke-1 bermula dengan dirasmikan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain di Padang Tembak Jerudong Park.

Dalam ucapan perasmian,

Yang Berhormat antara lain menyatakan bahawa melalui kejohanan tersebut akan dapat meningkatkan tahap prestasi yang membanggakan dan meraih kemenangan pada Sukan SEA akan datang.

Dalam pada itu juga, kata Yang Berhormat, keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara

Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam menunjukkan Duli Yang Teramat Mulia sangat mengambil berat akan perkembangan sukan terutama sukan menembak.

Dengan sokongan Duli Yang Teramat Mulia itu memberikan lagi dorongan kepada atlet-atlet negara ini untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan.

Pada kejohanan selama lima hari ini, beberapa acara dipertandingkan iaitu trap lelaki, acara trap wanita, double trap lelaki, skeet lelaki dan skeet lelaki yang kesemuanya berjumlah lebih 30 peserta yang mewakili pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) dan Pasukan Jabatan Penjara.

Kejohanan julung kali ini merupakan kesinambungan perancangan Jabatan Belia dan Sukan dalam mengembangkannya sukan menembak di negara ini.

Dalam beberapa penyertaan kejohanan serantau dan antarabangsa, para penembak negara telah berjaya mencapai beberapa kejayaan dan melalui kejayaan tersebut Jabatan Belia dan Sukan telah mengambil langkah positif dengan memulakan Skim Latihan Menembak yang melibatkan penyertaan anggota ABDB, PDB dan Jabatan Penjara.

Skim menembak yang telah berjalan selama lebih kurang setahun yang lalu itu memberikan pendedahan berguna kepada para peserta dan melalui kejohanan ini akan dapat dijadikan sukat-sukat bagi melihat sejauh mana pencapaian para peserta skim tersebut.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Dipertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPNBD) berkenan menerima sumbangan untuk Tabung Mangsa Bencana Tsunami oleh seorang ahli PPNBD (kiri). Sementara gambar kanan, YTM berkenan menyaksikan antara barangan yang dijual di bazar tersebut. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.



Berangkat ke Sambutan Hari Peringatan

BERAKAS, 27 Februari. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berkenan berangkat ke Sambutan Hari Peringatan 2005 yang dianjurkan oleh Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPNBD) yang berlangsung di ibu pejabat persatuan berkenaan di Kampung Ang-

Oleh
Abu Bakar Haji
Abd. Rahman

gerek Desa di sini.

Keberangkatan Yang Teramat Mulia ke majlis sambutan pagi itu dijunjung oleh Naib Yang Dipertua III, Datin Hajah Masni selaku Pengerusi sambutan berserta Ahli Jawatankuasa Tertinggi sambutan berkenaan.

Sambutan bermula dengan menyanyikan Lagu Kebangsaan dan seterusnya lagu Dunia Pandu Puteri secara beramai-ramai.

Yang Teramat Mulia yang merupakan Yang Dipertua PPNBD kemudiannya berkenan menyempurnakan perasmian Bazar Tabung Bencana Mangsa Tsunami yang diadakan dari pagi hingga petang hari itu dan menyaksikan barangan yang dijual.

Selepas menyertai senam robik beramai-ramai yang diadakan di kawasan ibu pejabat persatuan itu, Yang Teramat Mulia kemudiannya berkenan menerima sumbangan kutipan derma yang diserahkan oleh Pasukan Pandu Puteri dan Pek Tunas Puteri dari sekolah-sekolah menengah dan rendah untuk dimasukkan ke dalam Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami.

Pos berkempen penggunaan alamat yang betul

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Februari. - Jabatan Perkhidmatan Pos mengukuhkan Kempen Penggunaan Pengalamatan Betul bagi seluruh negara yang berlangsung di ruang legar Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di sini.

Majlis Pelancaran Kempen Pengalamatan Betul telah dilancarkan oleh Pemangku Ketua Pos Agung, Awang Haji Azahari bin Haji Mohd. Ali.

Tujuan kempen itu diadakan untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai usaha berterusan

Oleh
Aliddin Haji Moktal

jabatan tersebut dalam memperbaiki mutu pengalamatan rumah-rumah, gedung-gedung perniagaan, bangunan-bangunan tinggi dan sebagainya.

Menurut Jabatan Perkhidmatan Pos, antara sebab yang mendorong kepada pembaikan ini kerana kehadiran berterusan sistem penomboran alamat yang tidak teratur di negara ini umpamanya alamat-alamat yang menggunakan penomboran lot-lot tanah,

tidak mempunyai nombor simpang, nama jalan tidak ada atau tidak jelas dan tidak berposkod atau penggunaan poskod yang salah oleh sebilangan orang ramai. Ini sedikit sebanyak menjejaskan sistem penyerahan surat-surat ke destinasi-destinasi berkenaan dan akibatnya terdapat banyak surat-surat penting yang tidak dapat diserahkan.

Kempen ini juga diharapkan akan dapat membantu sistem mekanisasi Jabatan Perkhidmatan Pos yang bertujuan mempercepatkan dan memudahkan pemprosesan surat-surat dengan adanya penomboran pengalamatan yang betul dan sempurna nanti.

Selain itu beberapa usaha juga telah, sedang dan akan diambil oleh jabatan tersebut melalui Bahagian Operasinya yang diberikan tanggungjawab untuk mengatasi permasalahan tersebut dari masa ke masa.

Dua unit khusus akan mengendalikannya iaitu Unit Pemprosesan Surat dan Unit Penyerahan yang bergandingan memajukan proses pembaikan pengalamatan tersebut.

Usaha-usaha berterusan juga akan dilaksanakan seperti mengadakan jerayawara mengenai projek dan mengadakan sistem berdatabase pengalamatan betul sebagai petunjuk di masa akan datang.

Jabatan Perkhidmatan Pos juga bekerjasama dengan pihak-pihak berkenaan seperti jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Ukur, Tanah dan Kemajuan Perumahan serta agensi-agensi swasta seperti perbankan dan sebagainya.

Jabatan Perkhidmatan Pos meminta orang ramai untuk mengambil perhatian dengan memberikan kerjasama yang padu bagi menjayakan projek ini memandangkan ianya adalah untuk kepentingan bersama.



PEMANGKU Ketua Pos Agung, Awang Haji Azahari bin Mohd. Ali ketika melancarkan Majlis Kempen Pengalamatan Betul yang diadakan di ruang legar Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

ARENA SUKAN

Kumpulan A

Republik Indonesia
Thailand
Malaysia
Viet Nam
Republik Filipina

Kumpulan B

Negara Brunei Darussalam
Laos
Myanmar
Republik Singapura



KEJOHANAN BOLA
SEPAK PIALA
HASSANAL BOLKIAH
12 - 26 MAC



3 HARI
LAGI

www.hassanalbolkiatrophycup.com

SKUAD belia negara semasa menjalani latihan intensif di bawah asuhan jurulatih dari Republik Korea (kiri).

Muncul juara menjadi impian

BERAKAS, 2 Mac. - Skuad Bola Sepak Di Bawah Umur 21 Tahun Kebangsaan sudah bersedia dengan semangat juang yang tinggi untuk membuka lembaran kejohanan Piala Hassanal Bolkiah Belia 21 Tahun Ke Bawah Ke-2 yang akan bermula pada 12 hingga 26 Mac 2005.

Malah skuad asuhan jurulatih dari Korea, Kwon Oh Son itu menyasarkan pasukannya bakal tampil selaku juara pada kejohanan musim kedua selepas melihat prestasi anak buahnya yang meningkat sejak menjalani latihan empat bulan lalu.

"Selaku tuan rumah, kita mempunyai peluang besar untuk menjulang Piala Hassanal Bolkiah. Bagaimanapun kita perlu berusaha dan bekerja lebih keras untuk menempati target pada kejohanan ini," jelas Ketua Jurulatih kepada Pemberita PELITA BRUNEI.

Beliau menambah sebarang latihan pemain-pemain telah menunjukkan semangat yang tinggi dengan kesungguhan dan komitmen kepada jurulatih.

Kwon Oh Son mengelaskan harapan tinggi kerana barisan pemain-pemain muda yang telah diserapkan ke dalam skuad keseluruhan mempunyai potensi besar untuk memberikan persaingan yang terbaik pada kejohanan kali ini.

Menurutnya, pasukan-pasukan telah menjalani latihan secara sistematis dengan menumpukan stamina, kombinasi kemahiran dan fizikal secara peringkat-peringkat.

"Sejak menjalani latihan, pasukan kita telah menunjukkan kemajuan dari satu tahap ke satu tahap dan ia membuktikan pe-

Berita dan gambar-gambar oleh Samlee Haji Jait

main-pemain telah semakin mantap untuk membentuk pasukan yang lebih baik musim ini," jelas Kwon Oh Son.

Malah keberanian pasukan mula diterjemahkan menerusi beberapa siri perlawanan persahabatan bersama beberapa pasukan hand-dal tempatan termasuk pasukan ABDB dan DPMM F.C. yang berkesudahan dengan kemenangan.

Sementara itu, pemain tepi, Sairol Sahari turut bertekad untuk membawa pasukan Brunei mara ke pusingan kedua seterusnya mencapai sasaran untuk menjulang kejohanan kali ini.

Beliau mengakui persaingan kali ini juga sengit tetapi pemain yang pernah mewakili negara dalam Sukan SUKMA baru lalu yakin dengan adanya komitmen dan kerjasama serta usaha gigih semua pemain kerana itu tidak mustahil akan tercapai.

Keyakinannya terus memuncak apabila melihat semangat rakan-rakan yang gigih menjalani latihan sambil mengikuti segala arahan jurulatih.

"Jurulatih telah membentuk kita menjadi sebuah pasukan yang mantap dan mempunyai kelebihan, disamping berusaha menu-runkan segala pengalamannya," jelasnya.

Sementara itu, Yussof Md. Salleh juga mengong-sikan harapan agar pasukan negara berjaya mencapai sasaran untuk menjulang

Piala Hassanal Bolkiah yang menjadi kejohanan yang berprestij di bawah umur 21 tahun negara-negara ASEAN.

Beliau yang mewakili negara dalam kempen Liga Malaysia musim lalu mahu pengalaman beraksi dalam pasukan negara akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi kejayaan pasukan negara.

Dalam masa yang sama, beliau mengakui kemantapan setiap pasukan yang menyertai kejohanan kali ini menjadi cabaran hebat untuk merealisasikan harapan kerana pasukan berkenaan juga membuat persiapan yang rapi untuk memburu kemenangan.

Pasukan Brunei berada dalam Kumpulan B bersama-sama dengan pasukan Myanmar, Republik Singapura, Kemboja dan Laos.

Sementara Kumpulan A pula dibarisi oleh pasukan-pasukan Republik Indonesia, Thailand, Malaysia, Viet Nam dan Republik Filipina.

Kejohanan yang menjanjikan persaingan hebat semua perlawanan yang akan diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Kompleks Sukan Berakas, Kompleks Balapan dan Padang Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Pada kejohanan yang lalu, pasukan Republik Indonesia berjaya menjulang Piala Hassanal Bolkiah, sementara Thailand pulang selaku naib juara, manakala pasukan Brunei Darussalam yang gagal melayakkan diri ke pusingan kedua selepas hanya menduduki tempat ketiga dengan memperolehi empat mata.



BARISAN PEMAIN SKUAD BELIA NEGARA

Najib Haji Tarif	Mohd. Yusmin Hatta Md. Yussof
Haji Khairul Anwar Haj Md. Yaakub	Budiman Jumat
Mohd. Helme Panjang	Tarmizi Haji Md. Johari
Ak. Safri Pg. Hj. Othman	Mohd. Sahan Muntazali
Hardi Bujang	Mohd. Khairul Azri Bujang
Mardi Bujang	Fairuz Junit
Hadiman Lamit	Md. Faizul Ambotang
Yussof Md. Salleh	Azmanilham Haji Md. Noor
Mohd. Hadiman Abdul Hadi	Amzar Mu'az Tamit
Md. Shah Rezan Said	Mohd. Kahyun Salleh
Sairol Sahari	Marhazi Ahad
Yunus Lupat	

JADUAL KEJOHANAN BOLA SEPAK PIALA HASSANAL BOLKIAH

Tarikh	Hari	Kumpulan	Lawan	Tempat	Masa
12 Mac 2005	Sabtu	B	Myanmar lwn Republik Singapura	KSB	4.00 ptg
12 Mac 2005	Sabtu		Pembukaan Rasmi	SHNB	8.00 mlm
12 Mac 2005	Sabtu	B	Brunei DS lwn Laos	SHNB	8.45 mlm
13 Mac 2005	Ahad	A	Republik Filipina lwn Malaysia	KSB	4.00 ptg
13 Mac 2005	Ahad	A	Thailand lwn Viet Nam	KBP	4.00 ptg
14 Mac 2005	Isnin	B	Republik Singapura lwn Laos	KSB	4.00 ptg
15 Mac 2005	Selasa	A	Thailand lwn Republik Filipina	KSB	4.00 ptg
15 Mac 2005	Selasa	A	Viet Nam lwn Republik Indonesia	KBP	4.00 ptg
16 Mac 2005	Rabu	B	Myanmar lwn Brunei DS	KBP	4.00 ptg
17 Mac 2005	Khamis	A	Republik Filipina lwn Viet Nam	KSB	4.00 ptg
17 Mac 2005	Khamis	A	Malaysia lwn Republik Indonesia	KBP	4.00 ptg
18 Mac 2005	Jumaat	B	Laos lwn Myanmar	KBP	4.00 ptg
19 Mac 2005	Sabtu	A	Republik Indonesia lwn Republik Filipina	KSB	4.00 ptg
19 Mac 2005	Sabtu	A	Malaysia lwn Thailand	KBP	4.00 ptg
20 Mac 2005	Ahad	B	Brunei DS lwn Republik Singapura	KBP	4.00 ptg
21 Mac 2005	Isnin	A	Viet Nam lwn Malaysia	KSB	4.00 ptg
21 Mac 2005	Isnin	A	Republik Indonesia lwn Thailand	KBP	4.00 ptg
23 Mac 2005	Rabu		Juara Kumpulan A lwn Naib Juara Kumpulan B	SNHB	4.00 ptg
23 Mac 2005	Rabu		Juara Kumpulan B lwn Naib Juara Kumpulan A	SNHB	8.15 mlm
25 Mac 2005	Jumaat		Perlawanan Akhir	SNHB	8.15 mlm

SHNB - Stadium Negara Hassanal Bolkiah
KBP - Kompleks Balapan dan Padang
KSB - Kompleks Sukan Berakas



KETUA Jurulatih, Kwon Oh Son



SAIROL Sahari



YUSSOF Md. Salleh

BERILAH SOKONGAN PADU KEPADA PASUKAN BELIA NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan menerima mengadap Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein di Istana Nurul Iman.

Menerima mengadap Menteri Pelajaran Malaysia

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Menteri Pelajaran Malaysia, Yang Berhormat Dato' Sri Hishammuddin Tun Hussein di Istana Nurul Iman.

Turut hadir di majlis itu ialah Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Saiful Azam Abdullah.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz bin Begawan Pehin Udana Khatib Dato Seri Paduka Haji Awang Umar; Setia-

Oleh
Abd. Karim Haji
Abu Bakar

usaha Tetap Kementerian Pendidikan, Dato Paduka



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah menadah tangan ketika doa selamat dibacakan sebelum berangkat ke Republik Singapura.

Berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Salleh Ab. Rahaman hari ini berkenan menerima mengadap secara bersama Setiausaha Hal Ehwal Luar Republik Filipina, Yang Berhormat Alberto

Oleh
Abd. Karim
Haji Abu Bakar

G. Romulo dan isteri, Puan Rosie Lovely T. Romulo di Istana Nurul Iman.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat dan isteri adalah dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini bermula hari ini.

Turut hadir ialah Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Virgina H. Benavidez.

Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohamad dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin juga hadir di majlis itu.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar juga hadir di majlis itu.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah semasa berkenan menerima mengadap Setiausaha Hal Ehwal Luar Republik Filipina, Yang Berhormat Alberto G. Romulo dan isteri, Puan Rosie Lovely T. Romulo di Istana Nurul Iman (kanan).

Menerima mengadap Menteri Gambia

Oleh Haji Dayang Haji Kasim



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Setiausaha Negara (Menteri) bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Gambia, Yang Berhormat Sidi Morro Sanneh di Istana Nurul Iman.

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam petang ini berkenan menerima mengadap Setiausaha Negara (Menteri) bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Gambia, Yang Berhormat Sidi Morro Sanneh. Majlis Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman.

Yang Berhormat Sidi Morro Sanneh adalah utusan khas Dr. Alhaji Yahya A J J Jammeh, Presiden Republik Gambia.

Hadir sama di Majlis Mengadap tersebut ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.

DYTM dan YTM
berangkat adakan
lawatan ke Singapura

Oleh Haji Ahmad Haji Salim

BERAKAS, 8 Mac. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah berangkat ke Republik Singapura bagi lawatan rasmi selama lima hari.

Sebelum berangkat, doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Menyertai Duli Yang Teramat Mulia dan Yang Teramat Mulia ialah Yang Amat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Qawi.

Berangkat dan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei untuk mengucapkan selamat belayar ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cehteria, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap dan para pembesar negara yang lain.

Menerima mengadap

Oleh
Haji Ahat Haji Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN, 8 Mac. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Setiausaha Hal Ehwal Luar Republik Filipina, Yang Berhormat Alberto G. Romulo di Istana Nurul Iman.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Alberto G. Romulo berada di ne-

gara ini dalam siri lawatan ke Negara Brunei Darussalam selama tiga hari bermula dari 7 hingga 9 Mac 2005.

Mengiringi Yang Berhormat di majlis tersebut ialah Duta Besar Republik Filipina ke negara ini, Puan Yang Terutama Virgina H. Benavidez.

Hadir sama di majlis tersebut ialah Penasihat Khas Kebawah Duli Yang

Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng.



كجوهنن فيالا حسن البلقية منجادي واده قرقادوان بليا اسيان
KEJOHANAN PIALA HASSANAL BOLKIAH MENJADI WADAH PERPADUAN BELIA ASEAN

دتریتکن اوله جیائن قراغن، جیائن فردان منتري دان دجیتق اوله جیائن فرچیتقن کراچان، جیائن فردان منتري، نکارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

**PERKHIDMATAN-
PERKHIDMATAN
PENTING**

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

Hubungan kekeluargaan orang Islam dengan bukan Islam tidak terputus

Oleh
Aliddin Haji Moktal

TEMBURONG, 17 Februari. - Seseorang yang memeluk agama Islam bukanlah bererti hubungan antara dirinya dengan keluarga dan masyarakatnya terputus bahkan hubungan itu masih wujud.

"Janganlah hendaknya perbezaan agama dan kepercayaan menjadikan kita berselisih faham, berpecah belah sehingga menimbulkan buruk sangka, bermusuhan sesama keluarga dan sesama bahkan orang yang memeluk agama Islam itu hendaklah terus berhubung dengan keluarganya, hendaklah menghormati ibu bapanya, hendaklah memeduli dan membantu ibu bapanya khasnya ketika mereka dalam kesusahan. Wujudkanlah sikap saling hormat-menghormati sesama keluarga, puak dan bangsa terutama hubungan anak dengan kedua-dua ibu bapa."

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin berucap demikian di Majlis Penyerahan Anak Kunci Rumah Bantuan Pusat Da'wah Islamiah bagi saudara-saudara baru dan Majlis Pengislaman sekeluarga berbangsa Iban yang berlangsung di Pos Dakwah Kampong Selapon di sini.

Keharmonian hidup berkeluarga, bermasya-

rakat dan bernegara, kata Yang Berhormat, hendaklah sentiasa dipupuk dan dipelihara dengan sebaik-baiknya dan adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab setiap individu dalam masyarakat tanpa mengira perbezaan puak, bangsa dan agama supaya menjaga keharmonian dan memelihara kerukunan hidup berkeluarga, berkampung dan bermasyarakat serta bernegara.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, mengambil berat mengenai kebajikan dan pemeliharaan saudara-saudara baru khususnya mereka yang baru memeluk agama Islam.

Mereka diberikan bimbingan yang berterusan mengenai pelajaran agama Islam khasnya supaya mereka dapat menunaikan amal ibadat dengan sempurnanya seperti sembahyang, puasa dan seumpamanya, tambah Yang Berhormat.

"Dengan adanya bimbingan pelajaran agama dan bantuan yang dihulurkan kepada mereka, maka pengetahuan agama mereka akan meningkat dan dapat dijadikan sebagai asas kepada pengu-kuhan akidah yang benar



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin ketika menyerahkan kunci rumah kepada penerima perumahan Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Nordiah binti Abdullah. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Hj. Omar.

lagi murni dan mereka terhindar dari ajaran-ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam. Begitu juga dengan bantuan yang dihulurkan kepada mereka, seperti majlis pada hari ini akan dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat berharap kepada saudara-saudara baru supaya mengambil sikap proaktif khususnya supaya mereka terus belajar dan berusaha sendiri untuk meningkatkan lagi kualiti dan taraf hidup mereka sebagai seorang Muslim dan Muslimah yang baik yang menjunjung tinggi perintah Allah Subhanahu Wataala serta menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerajaan baginda.

Terdahulu sebelum itu Majlis Pengislaman bagi sekeluarga Iban seramai enam orang telah diadakan. Ketua keluarga tersebut telah memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Azman bin Abdulah Jingan dan isterinya dikenali sebagai Dayang Aminah binti Abdullah Jingga.

Sementara empat orang anak mereka, masing-masing memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nur Fatimah binti Muhammad Azman, Dayang Nur Razita binti Muhammad Azman, Awang Muham-

mad Azri bin Muhammad Azman dan Awang Aswandy bin Muhammad Azman.

Juga memeluk agama Islam seorang wanita Iban yang berusia 48 tahun yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nur Sakinah binti Abdullah Rangga.

Kesemua mereka telah melafazkan Dua Kalimah Syahadat di hadapan para pegawai Pusat Da'wah Islamiah yang disaksikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dan para pegawai kanan kementerian berkenaan.

Ini adalah Majlis Pengislaman yang pertama di Daerah Temburong sejak awal tahun 1426 Hijrah.

Pada tahun lepas sahaja seramai 33 orang telah memeluk agama Islam di daerah ini dan dari jumlah tersebut, 25 orang berbangsa Iban, lima orang Murut, seorang Filipina, seorang Cina dan seorang bangsa lain.

Menteri Hal Ehwal Ugama kemudiannya menyerahkan anak kunci rumah kepada penerima bantuan perumahan Pusat Da'wah Islamiah iaitu Awang Haji Faizan bin Metussin dan Dayang Nordiah binti Abdullah.

Yang Berhormat juga menyerahkan bantuan berupa generator kepada saudara baru, Awang Azman bin Abdulah Jingan dan sebuah mesin pemotong rumput kepada seorang lagi saudara baru,

Awang Muhammad Yusof bin Abdullah.

Bantuan-bantuan yang dihulurkan menunjukkan sikap pemeduliaan Pusat Da'wah Islamiah terhadap kesejahteraan dan kehidupan saudara-saudara baru.

Sejak tahun 1993, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah membelanjakan hampir \$2 juta sebagai bantuan kepada saudara-saudara baru.

Sehingga hari ini 55 buah rumah telah diserahkan kepada saudara-saudara baru di seluruh negara.

Selain membina rumah-rumah baru, beberapa bantuan lain juga dihulurkan seperti membaiki pulih dan membesarkan rumah, membekalkan generator, mesin pemotong rumput, mesin jahit dan beberapa kemudahan lain kepada saudara-saudara baru yang memerlukan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sempat berkunjung ke rumah seorang saudara baru yang bernasib baik menerima bantuan perumahan Pusat Da'wah Islamiah di Kampong Selapon yang dimiliki oleh Dayang Nordiah binti Abdullah yang tinggal bersama keluarganya sejak tahun 2003, bagaimanapun rumah tersebut tidak menerima bekalan air.

Semasa lawatan Yang Berhormat ke rumah berkenaan, telah memaklumkan kepada para pegawai kementeriannya, rumah berkenaan perlu dibekalkan dengan beberapa kemudahan.

Seterusnya Yang Berhormat juga berkesempatan meninjau lebih dekat lagi tapak bangunan Pusat Kegiatan Ugama Daerah Temburong yang dijangka siap dan memulakan operasinya tahun ini.

Selain dari bantuan berupa barangan dan prasarana, kursus-kursus pengenalan asas dan peringkat lanjutan mengenai agama Islam juga diberikan. Bagi bantuan ini sahaja Pusat Da'wah Islamiah memperuntukkan tidak kurang \$17 ribu setiap tahun dalam usahanya untuk memastikan setiap saudara baru menerima bimbingan dan pengetahuan mengenai agama Islam.



MENTERI Hal Ehwal Ugama ketika menyaksikan Majlis Pengislaman tujuh orang berbangsa Iban semasa melafazkan Dua Kalimah Syahadat di hadapan para pegawai Pusat Da'wah Islamiah berlangsung di Pos Dakwah Kampong Selapon. - Gambar oleh Pg. Haji Bahar Pg. Hj. Omar.

PENJAGAAN ALAM SEKITAR

'Perlaksanaan secara komprehensif dan bersepadu'



Oleh Sahari Akim

PADA amnya kualiti alam sekitar di negara ini masih berada di tahap yang baik. Negara Brunei Darussalam tidak mengalami pencemaran kritikal yang boleh menjejaskan kualiti alam sekitar kecuali kejadian kebakaran hutan yang mengakibatkan udara berjerebu pada tahun 1997-1998.

Bagaimanapun terdapat juga beberapa kejadian yang sedikit sebanyak menjejaskan keadaan alam sekitar seperti kebocoran bahan kimia di Serasa, kebakaran di beberapa kawasan, pencemaran bau, pembuangan sampah merata-rata, pembuangan sisa minyak terpakai, banjir kilat dan seumpamanya.

Walaupun tidak seburuk mana, pihak kerajaan dan agensi-agensi berkenaan sentiasa memberikan perhatian dan berusaha menanganinya dari masa ke semasa. Ke arah itu pelbagai program dan mekanisme dilaksanakan untuk mengawal dan mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.

Ke arah itu semua pihak dan peringkat masyarakat secara bersepadu perlu berusaha menentukan alam sekitar sentiasa bersih dan selamat. Tugas ini perlu dipikul bersama oleh sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan dan masyarakat umumnya.

FOKUS kali ini akan membicarakan mengenai alam sekitar, kepentingan kepada manusia, usaha dan mekanisme menjaga kebersihan alam sekitar, penglibatan pelbagai sektor dan lain-lain untuk dikongsi bersama.

KEBERSIHAN

Islam menggalakkan umatnya supaya menjaga kebersihan kerana kebersihan itu sebahagian daripada iman. Sememangnya kebersihan itu berkait rapat dengan kesihatan, ketenangan jiwa dan kesejahteraan dalam kehidupan seharian kita.

Jika tubuh badan, pakaian, rumah, pejabat dan kawasan persekitaran sentiasa bersih, maka akan dapat menyumbang kepada kemantapan kesihatan tubuh badan. Tubuh badan yang sihat akan menjadikan otak kita lebih cergas. Pada masa yang sama persekitaran yang bersih juga akan membuat kita sentiasa berada dalam suasana selesa dan ceria.

Manusia memerlukan ketenangan dan berusaha menjauhi ketegangan dan apa juga yang boleh mengganggu keselesaan. Persekitaran tidak bersih dan berbau busuk tentu sahaja menyakitkan mata memandang malah meloyakan tekak. Lebih dari itu ia juga menjadi 'sarang tempat kediaman' binatang-binatang seperti tikus, lipas, lalat, nyamuk dan seumpamanya yang boleh membawa kuman dan mengakibatkan merebaknya pelbagai penyakit.

Sebaliknya persekitaran yang bersih membuatkan kita berada dalam suasana damai, tenang yang menjadikan kita bukan sahaja berasa selesa, malah merangsang kecerdasan, kreativiti dan inovasi dalam menjalani kehidupan dan tugas seharian.

PENCEMARAN

Seperti yang diketahui pencemaran alam sekitar boleh sahaja berlaku sama ada di darat, di air atau di udara akibat pelbagai sebab. Kebanyakan pencemaran adalah disebabkan oleh tabiat manusia sendiri yang kurang prihatin dan tidak bertanggungjawab.

Semakin pesat pembangunan maka akan semakin bertambahlah pencemaran jika tidak dikawal sebaiknya. Umpamanya penebangan pokok, kerja-kerja pemohtongan bukit dan penembukan tanah untuk tujuan pembangunan boleh menjejaskan sistem ekologi dan biodiversiti jika tidak terurus dan mengikut peraturan.

Industri pembinaan dan perkilangan juga turut menyumbang kepada pencemaran alam sekitar akibat dari asap, habuk, sampah sarap, bunyi, sisa pepejal termasuk minyak dan kimia dan seumpamanya. Pencemaran dari bahan kimia sangat berbahaya dan boleh mengakibatkan penyakit dan kehilangan jiwa.

Kebakaran hutan dan pembakaran terbuka yang mengakibatkan udara berjerebu terutama pada musim kemarau sering berlaku hampir setiap tahun. Ia berlaku sama ada melalui pembakaran terbuka bagi tujuan perladangan dan pertanian atau secara tidak sengaja disebabkan hutan yang terbakar. Pencemaran udara tidak mempunyai batas sempadan, umpamanya kita mengalami udara berjerebu akibat pembakaran terbuka dan kebakaran hutan di negara-negara jiran.

Satu lagi pencemaran ialah banjir kilat dan hakisan tanah yang berlaku di setengah kawasan pada musim hujan. Ia disebabkan oleh longkang dan saluran sama ada tidak disediakan, tidak cukup untuk menampung pengaliran air, tidak diurus sebaiknya atau tersumbat oleh sampah sarap.

Fenomena biasa dan sentiasa berlaku ialah pembuangan sampah sarap merata-rata yang dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Sampah sarap dilonggokkan tidak terurus di belakang-belakang bangunan, di tepi-tepi jalan atau di kawasan-kawasan bukan tempat pembuangan sampah yang disediakan.

Masyarakat umumnya harus peka terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar. Kita harus membuang tabiat yang boleh menyumbang kepada pencemaran alam persekitaran yang akibatnya akan memudaratkan orang ramai termasuk kita sendiri. Dalam hal ini, kefahaman dan kesedaran sivik harus disemai kepada masyarakat terutama kepada generasi muda dan

para pelajar.

PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN

Selain dari penyediaan rangka peraturan alam sekitar yang komprehensif, beberapa garis panduan dan piawaian alam sekitar telah disediakan dan dilaksanakan. Ini termasuklah Garis Pandu Pengawalan Pencemaran Industri iaitu 'Pollution Control Guidelines For Industries', Garis Pandu Alam Sekitar Bagi Kegiatan Perlombongan Batu Kelikir, Garis Pandu Pembakaran Terbuka, Garis Pandu Pembuangan Bahan Asbestos dan Pembentukan dan Penguatkuasaan Piawaian Pengeluaran Ke Udara dan Air.

Pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi - JASTRE telah mengambil tindakan tertentu dalam menangani beberapa kejadian pencemaran seperti kebocoran kimia, tumpahan minyak, pembuangan minyak terpakai dan pembuangan sampah di merata tempat.

Jabatan ini dipertanggungjawabkan dalam pengendalian, pengambilan dan pembuangan sampah. Pengurusan tapak pelupusan sisa pepejal diambil alih oleh JASTRE bermula 1 Januari 2004, sementara pengurusan pengambilan sisa pepejal pada 2005.

Sementara itu memandangkan kita belum lagi mempunyai fasiliti sisa buangan berbahaya, pihak JASTRE melalui kerjasama dan perjanjian antarabangsa menghantar sisa berbahaya untuk dilupuskan di seberang laut.

KESEDARAN

Usaha memupuk kesedaran awam terus dilakukan oleh agensi-agensi terlibat dengan kerjasama berbagai pihak di negara ini. Kempen kebersihan, perkhemahan alam sekitar bagi belia, seminar, bengkel, pameran, promo media dan penerbitan bahan-bahan cetak yang menjurus kepada meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan penyertaan

orang ramai dalam sama-sama memelihara alam sekitar merupakan projek dan aktiviti tahunan yang dilaksanakan oleh JASTRE.

Ke arah memperluaskan penyebaran maklumat alam sekitar kepada orang ramai, Pusat Maklumat Sumber Alam Sekitar iaitu 'Nasional Environmental Resource Information Centre' dan Laman Web Alam Sekitar telah disediakan.

Projek dan aktiviti berkenaan telah dapat mempertingkatkan sokongan dan penyertaan masyarakat dalam sama-sama memainkan peranan dalam pemeliharaan alam sekitar. Antara pencapaian ketara dalam bidang ini termasuklah sumbangan pihak bank, badan korporat, syarikat swasta dan orang ramai untuk membentuk Dana Alam Sekitar pada pertengahan tahun 1998. Sejauh ini dana tersebut telah digunakan untuk membiayai penyerntaan penuntut dan belia dalam aktiviti alam sekitar di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

ANTARABANGSA

Menyadari hakikat pencemaran merentas sempadan seperti kejadian kebakaran hutan yang mengakibatkan jerebu pada tahun 1997/1998, JASTRE dan Kementerian Pembangunan telah secara aktif menyertai kerjasama alam sekitar di peringkat dua hala, serantau khususnya ASEAN dan antarabangsa melalui United Nations Environment Programme.

Di peringkat dua hala Negara Brunei Darussalam telah menjalin kerjasama alam sekitar dengan Malaysia dan Republik Singapura. Di peringkat serantau (ASEAN) kita telah menjadi ahli kepada ASEAN Agreement On Transboundary Haze Pollution pada tahun 2002 dan ASEAN Agreement On Conservation of Nature and Natural Resources. Negara Brunei Darussalam juga merupakan Pengerusi Bersama ASEAN Working Group On Sub Regional Fire

Fighting Arrangement For Borneo and Sumatera.

Sementara itu di peringkat antarabangsa negara ini telah menjadi ahli kepada Perjanjian dan Konvensyen Antarabangsa: The Vienna Conventions On The Protection of The Ozone Layer; Montreal Protocol On Substances That Deplete The Ozone Layer; Basel Convention On The Transboundary Movement of Hazardous Waste and Its Disposal; Stockholm Convention On Persistent Organic Pollutants; Cities and United Nations Conventions To Combat Desertification.

PROGRAM DAN STRATEGI

Antara langkah bagi memenuhi kehendak konvensyen dan perjanjian itu Negara Brunei Darussalam telah membentuk dan melaksanakan beberapa program dan projek seperti:

*Rancangan negara bagi penghapusan secara berperingkat penggunaan bahan-bahan yang mengancam lapisan ozon.

*Dioxin Inventory For Brunei Darussalam bagi Stockholm Convention On Persistent Organic Pollutants.

*Memperkenalkan kaji selidik tahunan mengenai jumlah import bahan-bahan yang terkawal di bawah Montreal Protocol.

*Institutional Strengthening Project For Implementation of Brunei Darussalam Country Programme To Phase-Out Consumption of Ozone Depleting Substances.

*Refrigerant Manage-

ment Plan.

Pada masa yang sama pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan bagi menangani masalah alam sekitar. Keupayaan dan keberkesanan inisiatif tersebut akan bertambah apabila:

*Isu-isu sumber alam sekitar dan sumber asli disepadukan dalam sosioekonomi.

*Perancangan tanah dan pembaikan landskap diserapkan dalam semua inisiatif pembangunan.

Dasar-dasar dan program-program yang menggalakkan kesedaran alam sekitar dan mempromosikan pandangan yang sihat dari segi pemikiran dan cara bekerja orang ramai yang berhubung kait dengan alam sekitar dan sumber-sumber asli. Ini diusahakan dengan inisiatif dan mekanisme seperti perubahan dasar makroekonomi, dasar dan program alam sekitar, kesedaran dan penyertaan orang awam.

*Penyertaan pihak yang berkenaan seperti sektor sosioekonomi, kerajaan, organisasi awam, pakar-pakar dan orang ramai.

*Prinsip strategik yang boleh memandu dalam pembangunan sosioekonomi boleh menjadi alat dalam membimbing dasar-dasar alam sekitar, agar kerjasama terjalin di antara pembangunan ekonomi dan sosial serta dapat dilaksanakan secara bersepadu.

Kita akhiri FOKUS kali ini dengan peringatan bahawa kehidupan kita banyak bergantung kepada alam sekitar.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN BANDARAN, BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
(BAHAGIAN PERANCANGAN DAN KAWALAN KEMAJUAN)

Bahagian II

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Permohonan bagi mendapatkan kebenaran memasang papan tanda dan kain rentang	
	* Pemasangan Papan Tanda	7 hari
	* Pemasangan Kain Rentang	7 hari



PASUKAN Polis Diraja Brunei yang ditubuhkan pada 1 Januari 1921 kini mencapai usia 84 tahun. Sebelum beribu pejabat di Gadong, pasukan itu beribu pejabat di Bandar Brunei (gambar kiri) iaitu di kawasan yang sekarang menempatkan letak kereta Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolkiah, di antara

Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin dan Masjid Omar 'Ali Saifuddin. - Sumber : State of Brunei Annual Report 1964. Printed by Simon Marinus Buse, Government Printer For The State of Brunei. (1966 : facing Content Page) & PELITA BRUNEI, Hari Rabu, 5 Januari 2005, Berakas : Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam (2005 : 4)

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Islam adalah agama yang sempurna yang membimbing dan mendidik umatnya supaya melakukan kebaikan agar hidup sempurna dan bahagia serta selamat baik di dunia mahupun di akhirat. Bagi mencapai tujuan tersebut, seseorang itu memerlukan ada sifat reda terhadap ketetapan dan ketentuan Allah Subhanahu Wataala.

Reda merupakan antara sifat mulia yang amat dituntut dalam Islam. Kita sebagai umat Islam hendaklah reda menerima hukum-hukum Allah iaitu menerima segala yang telah ditetapkan dalam Islam dengan penuh ikhlas, tunduk dan patuh terhadap perintah-perintah Allah serta menjauhi larangan-Nya dengan senang hati, tanpa merasa terpaksa atau dipaksa. Inilah tanda cinta dan mahabbah hamba-hamba-Nya yang benar-benar mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wataala. Itulah yang dapat melahirkan keimanan dan ketakwaan dalam diri seseorang.

Sifat reda pada kelazimannya hanya dimiliki oleh orang yang beriman dan tidak dimiliki oleh orang-orang munafik kerana orang munafik menentang ketetapan Allah Subhanahu Wataala. Jika mereka beribadat, maka mereka melakukan ibadat itu bukan kerana Allah Subhanahu Wataala, tetapi dilakukan hanya kerana terpaksa dan berpura-pura serta menunjuk-nunjuk, bukan benar-benar ikhlas dan reda kerana Allah Subhanahu Wataala. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 142 yang tafsirannya:

"*Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipu daya terhadap agama Allah dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya, dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik. Mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas. Mereka hanya bertujuan riyak memperlihatkan sembahyangnya kepada manusia supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman dan mereka pula tidak mengingati Allah dengan mengerjakan sembahyang melainkan sedikit sekali.*"

Percaya kepada qadq dan qadar adalah salah satu dari Rukun Iman yang enam yang wajib diimani, dan beriman dengannya itu termasuklah reda yakni rela menerima ketentuan nasib yang telah ditentukan Allah Subhanahu Wataala baik berupa nikmat mahupun berupa musibah. Tetapi lain halnya dengan manusia yang tidak beriman, kehidupannya tidak seimbang, hanya bersyukur di kala senang dan menerima nikmat tetapi akan kecewa dan tidak sabar ketika dalam kesusahan dan menerima musibah, sedangkan mukmin sejati tetap menerima qadq dan qadar Allah Subhanahu Wataala dengan lapang dada dan senang hati. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim yang bermaksud:

Rasulullah Sallallahu

REDA SIFAT MULIA DITUNTUT DALAM ISLAM

bererti kebaikan baginya."

Jika seseorang menghadapi kebimbangan dalam sesuatu urusan atau pekerjaan kerana hatinya merasa ragu-ragu sama ada mahu melakukannya atau tidak dan merasa bimbang terhadap hasil yang akan diperolehinya adakah bermanfaat ataupun tidak, maka agama Islam telah memberikan kita jalan mengatasinya iaitu dengan mengerjakan Sembahyang Istiharah bagi mendapat pertolongan dan petunjuk dari Allah Subhanahu Wataala. Setelah melakukannya, kita hendaklah reda terhadap apa jua hasil yang kita dapat, kerana itulah yang ditakdirkan Allah untuk kita, janganlah berkata sesuatu yang menandakan rasa tidak puas hati dan tidak reda jika yang diharapkan tidak tercapai dan dimakbulkan.

Rasulullah Sallallahu


Alaihi Wasallam ada bersabda yang bermaksud:

"*Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Jikalau engkau terkena oleh sesuatu musibah, maka janganlah engkau berkata: Andai kata saya mengerjakan begini, tentu akan menjadi begini dan begitu. Tetapi berakallah: Ini adalah takdir Allah dan apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya tentu Dia melaksanakannya, sebab sesungguhnya ucapan andai kata itu membuka pintu godaan syaitan.*" (Hadis riwayat Al-Imam Muslim).

Rezeki yang dianugerahkan Allah Subhanahu Wataala kepada hamba-Nya adalah ditentukan oleh Allah sendiri, ada yang banyak dan mewah dan ada yang sedikit dan susah yang perlu disyukuri dan diredai dan diterima dengan hati terbuka. Itulah kekayaan rohani yang tinggi nilai dan harganya. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Bukhari yang tafsirannya:

"*Dari Abu Hurairah Radiallahuanhu, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Bukanlah kekayaan itu kerana*

MARILAH kita sama-sama membersihkan jiwa kita dengan sentiasa reda dalam apa jua keadaan apatah lagi terhadap ketentuan yang telah ditetapkan Allah Subhanahu Wataala. Jadikanlah diri kita insan yang benar-benar beriman dan bertakwa, patuh dan tunduk ke atas perintah dan larangan-Nya, mudah-mudahan kita mendapat ketenangan jiwa dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.



banyaknya harta. Akan tetapi kekayaan yang sebenar ialah kekayaan jiwa."

Sesungguhnya jika kita bersikap reda terhadap apa yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala, maka kita juga akan memperoleh keredaan dari Allah. Dan keredaan Allah Subhanahu Wataala itulah sebenar-benar nikmat yang agung dan mulia dan merupakan kunci kebahagiaan sejati. Firman

Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Fajr ayat 27 hingga 30 yang tafsirannya:

"*Wahai orang yang mempunyai jiwa yang sentiasa tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan keadaan engkau berpuas hati dengan segala nikmat yang diberikan, lagi reda di sisi Tuhanmu. Serta masuklah engkau dalam kumpulan hamba-hamba-Ku yang berbahagia. Dan masuklah ke dalam Syurga-Ku.*"

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"*Dari Anas Radiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Bila Allah cinta kepada suatu kaum, mereka diuji.*"

Barangsiapa reda menerima ujian itu, Allah reda pula kepadanya. Dan barangsiapa yang marah (tidak reda), maka Allah pun murka kepadanya." (Hadis riwayat Al-Imam At-Tarmizi).

Akhirnya marilah kita sama-sama membersihkan jiwa kita dengan sentiasa reda dalam apa jua keadaan apatah lagi terhadap ketentuan yang telah ditetapkan Allah Subhanahu Wataala. Jadikanlah diri kita insan yang benar-benar beriman dan bertakwa, patuh dan tunduk ke atas perintah dan larangan-Nya, mudah-mudahan kita mendapat ketenangan jiwa dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Bayyinah ayat 7 - 8 tafsirannya:

"*Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal salih, mereka itulah sebaik-baik makhluk. Balasan mereka di sisi Tuhannya ialah Syurga Adnin (tempat tinggal yang tetap) yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, kekal mereka di dalamnya selama-lamanya. Allah reda akan mereka dan mereka pun reda (serta syukur) akan nikmat pemberian-Nya. Balasan yang demikian itu untuk orang-orang yang takut melanggar perintah Tuhannya.*"

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضھر

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضھر باكي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 28 محرم، 1426 برسمان دغن
9 مرج، 2005 هيگك كهاري ثلاث، 4 صفر، 1426 برسمان دغن 15 مرج، 2005 اداله سمرت دباوه اين :-

مجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحى	مسيحي
محرم									مرج
28	12.33	3.46	6.33	7.42	5.03	5.13	6.29	6.52	9
29	12.32	3.45	6.33	7.42	5.02	5.12	6.29	6.52	10
30	12.32	3.45	6.33	7.42	5.02	5.12	6.28	6.51	11
صفر									
1	12.32	3.44	6.33	7.42	5.02	5.12	6.28	6.51	12
2	12.32	3.43	6.33	7.42	5.01	5.11	6.27	6.51	13
3	12.31	3.42	6.33	7.42	5.01	5.11	6.27	6.50	14
4	12.31	3.42	6.32	7.41	5.01	5.11	6.27	6.50	15

وقت ۲ سمبھيغ باكي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلوره نكارا بروني
دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تفهاري.

"*Dari Suhulul Raumi Radiallahuanhu ia berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Betapa ajaibnya orang-orang yang beriman itu. Sesungguhnya semua perkara adalah baik bagi mereka. Dan tiadalah kebaikan itu kecuali bagi mukmin. Jika memperoleh kegembiraan dia berterima kasih bererti kebaikan baginya dan jika ditimpa kesulitan dia bersabar*

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

SALAH satu kesempurnaan yang perlu dijaga dalam melakukan ibadat sembahyang secara berjemaah ialah membetulkan atau mengelokkan saf sembahyang. Apa yang dimaksudkan dengan mengelokkan saf sembahyang itu?

Ianya memberi maksud dua perkara, iaitu orang-orang yang mendirikan sembahyang berjemaah itu hendaklah:

- 1) membetulkan atau meluruskan saf mereka sehingga menjadi satu barisan yang lurus, dan
- 2) mengisi atau memenuhi barisan saf yang terdapat ruangan kosong.

BAGAIMANA MENGELOKKAN SAF SEMBAHYANG?

Jumhur ulama berpendapat bahawa disunatkan bagi makmum meluruskan saf-saf mereka ketika bersembahyang jemaah supaya tidak terdapat sebahagian jemaah terkehadapan atau terkebelakang daripada jemaah yang lainnya sehingga menyebabkan tidak sama dan tidak lurus saf

mereka. Ketika makmum berdiri, mereka hendaklah meluruskan saf dalam keadaan yang berdekatan sehingga bersentuhan bahu dengan bahu, kaki dengan kaki dan tumit dengan tumit supaya tidak terdapat ruang yang kosong dan renggang.

Sehubungan dengan itu, disunatkan bagi imam mengarahkan makmumnya supaya meluruskan saf-saf mereka sebagaimana yang biasa kita dengar sebelum imam mendirikan sembahyang, kerana meluruskan dan memenuhi saf itu termasuk dalam kesempurnaan dan keelokkan sembahyang. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Luruskanlah saf-saf kamu, kerana sesungguhnya meluruskan saf itu termasuk kesempurnaan sembahyang." (Hadis riwayat Muslim).

Sabda Baginda lagi yang maksudnya:

"Kamu luruskanlah saf di dalam sembahyang,

kerana meluruskan saf itu termasuk keelokkan sembahyang." (Hadis riwayat Muslim).

Mengikut pendapat sebahagian ulama seperti Ibnu Hajar Al-'Asqalaani Rahimahullahu Taala dan sebahagian ulama hadis bahawa meluruskan saf itu hukumnya wajib. Barang siapa yang melampaui batas (barisan) adalah haram hukumnya, kerana suruhan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam hadis Baginda supaya meluruskan saf adalah menunjukkan perintah wajib. Hal ini jelas diterangkan dengan adanya ancaman mengenainya melalui sebuah hadis yang memerintahkan taswiyah (meluruskan saf) sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sungguh kamu mahu meluruskan saf-saf kamu atau Allah akan menggan-tikan di antara wajah-wajah kamu". (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Dalam kitab Syarh

SAF SEMBAHYANG Elakkan 10 kerugian

Shahih Muslim disebutkan beberapa pendapat yang menerangkan mengenai maksud hadis di atas. Namun begitu, pendapat yang azhhar bagi maksud hadis di atas ialah terjadi di antara mereka (orang-orang yang tidak meluruskan saf) permusuhan, kebencian dan perselisihan di lubuk hati.

Menurut Ibnu Hajar Al-'Asqalaani, walaupun tidak meluruskan saf dalam sembahyang jemaah itu hukumnya adalah haram, akan tetapi yang demikian itu tidaklah membatalkan sembahyang.

TUNTUTAN MEMENUHI SAF PERTAMA

Para fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa sunat bagi para jemaah untuk memenuhi saf yang pertama terlebih dahulu sehingga tidak ada ruang yang kosong atau renggang. Kemudian baharulah diikuti dengan saf yang kedua dan seterusnya. Ini adalah berdasarkan hadis-hadis sahih yang menerangkan mengenainya, antaranya sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Sempurnakanlah oleh kamu saf yang depan (saf yang pertama), kemudian saf-saf berikutnya, maka saf yang kurang itu (disebabkan sedikit makmum) hendaklah (saf yang kurang itu berada di saf bahagian belakang)." (Hadis riwayat Abu Daud dan Nasa'i).

Oleh yang demikian,

tidak digalakkan bagi para jemaah untuk mendirikan saf yang kedua atau berikutnya melainkan selepas sempurna saf yang pertama atau berikutnya. Dalam erti kata lain, jangan dibiarkan saf yang di hadapan makmum itu kosong atau renggang begitu sahaja, bahkan disunatkan ke atas mereka mengisinya dan merapatkannya.

Disunatkan juga ke atas makmum yang berada di hadapan memberikan ruang kepada makmum yang di belakang yang hendak masuk ke saf hadapan selagi ada ruang baginya, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Luruskanlah oleh kamu saf-saf dan sejajarkanlah di antara bahu-bahu kamu, tutupi celah-celah dan berlaku lembutlah ketika memegang tangan saudaramu (waktu merapatkan saf), dan janganlah kamu biarkan celah-celah (yang kosong) itu untuk syaitan. Barang siapa menghubungkan saf, maka Allah menghubungkannya (dengan rahmat-Nya) dan barang siapa memutuskan saf, maka Allah memutuskan-nya (daripada rahmat dan pertolongan-Nya)." (Hadis riwayat Abu Daud).

FADILAT MEMENUHI RUANG SAF YANG KOSONG

Memenuhi ruang-ruang saf bukanlah suatu kerja yang susah. Ia suatu kerja yang

Bilangan 201
Bahagian Pertama



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

menghubungkan saf-saf dan barang siapa yang menutupi celah-celah yang kosong, nescaya Allah akan meninggikannya dengan satu darjat." (Hadis riwayat Ibnu Majah dan Ahmad).

2) Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya:

"Barang siapa yang menutupi celah-celah saf yang kosong, nescaya Allah akan meninggikannya dengan satu darjat dan menyediakannya sebuah rumah di dalam Syurga." (Hadis riwayat At-Tabarni dalam kitab Al-Awsath).

3) Diriwayatkan daripada Abu Juhaifah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Barang siapa yang menutupi celah-celah saf (yang kosong) nescaya akan diampunkan baginya." (Hadis riwayat Al-Bazzar dengan sanad yang baik).

4) Ibnu Umar Radiallahuanhuma berkata yang maksudnya:

"Tidak ada langkah yang lebih besar pahalanya daripada langkah di mana seseorang itu menggerakkan langkahnya menuju celah-celah saf (yang kosong) lalu dia menutupi celah-celah itu." (Hadis riwayat At-Tabarni dalam kitab Al-Awsath).

BERSAMBUNG

amat senang dilakukan. Namun begitu, sikap sesetengah orang amat payah untuk menggerakkan kakinya satu atau dua langkah untuk memenuhi ruang-ruang saf yang masih renggang atau kosong. Dia lebih rela membiarkannya begitu sahaja dalam keadaan renggang atau kosong ataupun dia lebih rela menyuruh orang lain memenuhinya. Walhal mengisi atau memenuhi ruang-ruang saf yang kosong atau renggang itu mempunyai kelebihan yang besar. Jika dia tahu nescaya dia tidak akan

melepaskannya kepada orang lain.

Apakah kelebihan atau fadilat memenuhi celah-celah atau ruang-ruang saf yang kosong itu? Berikut adalah beberapa riwayat yang menjelaskan mengenainya:

1) Diriwayatkan daripada 'Aisyah Radiallahuanha, beliau berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sesungguhnya Allah memberi rahmat dan para Malaikat-Nya mendoakan ke atas orang-orang yang

KEWAJIPAN MENDIDIK ANAK-ANAK MENURUT ISLAM

ANAK-ANAK merupakan amanah Allah yang diberikan kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Oleh itu adalah menjadi kewajipan terhadap ibu bapa menjaga dan memelihara mereka bukan sahaja memberi mereka makan dan minum, pakaian, kesihatan, akan tetapi yang lebih penting ialah memberi pendidikan dan ilmu pengetahuan. Melalui pendidikan ilmu dan juga akhlak yang mulia kepada anak-anak, insya-Allah kelak mereka akan menjadi anggota masyarakat Islam yang beriman dan sentiasa bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala.

Cita-cita dan harapan tersebut tidak akan menjadi kenyataan jika sekiranya ibu bapa jahil dengan peranan ini, apatah lagi gagal menjadikan diri ibu bapa itu sendiri sebagai seorang Muslim dan Muslimah yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala. Ibu bapa hendaklah terlebih dahulu menjadikan diri masing-masing sebagai contoh teladan yang baik dalam semua segi kepada anak-anak.

Agama Islam telah memberikan prinsip panduan kepada kedua-dua ibu bapa atau pendidik iaitu mengutamakan didikan akidah dan keimanan kepada anak-anak, menanamkan keyakinan yang mendalam ke dalam hati dan pemikiran mereka agar dengan demikian akan menjadi perisai dan pengawal mereka daripada tercedur dengan gejala-gejala yang tidak sihat dan yang menyalahi hukum syarak. Hanya melalui didikan iman dan Islam satu-satunya jalan yang akan meletakkan manusia kepada keredaan dan pemeliharaan Allah di dunia dan di akhirat. Adapun jalan yang lain tidak mampu membawa kita kepada Allah dan keredaan-Nya, malah menghantarkan kita kepada kesesatan dan penderitaan.

Bagi mendapat kesan dan natijah yang baik lagi sempurna terhadap proses mendidik anak-anak, ibu bapa hendaklah mempamerkan contoh teladan yang baik, nasihat

yang berguna, tunjuk ajar yang berkesan dan bersabar menghadapi tabiat dan naluri anak-anak. Amat malang sekiranya ibu bapa hanya menyuruh anak-anak melakukan salat, melakukan kebaikan, sedangkan mereka melupai diri mereka sendiri, gagal menunjukkan teladan yang baik, tidak ada perasaan kasih sayang yang mendalam, bersikap kasar dan bengis terhadap anak-anak, tidak mengambil tahu dengan siapakah dia berkawan dan membenarkan pergaulan bebas lelaki dan perempuan. Amat malang lagi sekiranya suami isteri sendiri sentiasa bergaduh, tidak ada kebahagiaan rumah tangga, menjadikan rumah tangga sentiasa bergolak dan tidak aman, jika begini keadaan, bagaimana hendak mewujudkan ketenteraman dan keselesaan kepada anak-anak kita?

Di akhir-akhir ini masalah kerosakan akhlak remaja dan muda-mudi kian menjadi suatu perkara serius dan membimbangkan terutama kepada mereka yang cintakan kebahagiaan dan kejayaan umat. Siapakah yang harus dipersalahkan?

Ternyata ibu bapa merupakan guru yang pertama yang ditemui oleh anak-anak, maka sewajarnya ibu bapa mempunyai ilmu agama terlebih dahulu agar ianya lebih memberi kesan mendalam dalam mendidik anak-anak mereka. Malangnya dalam hubungan ini sebahagian ibu bapa didapati jahil dalam soal agama, tidak memiliki kekuatan akidah,

mudah tunduk kepada tuntutan hawa nafsu dan tidak menghayati ajaran hidup Islam dalam rumah tangga. Demikian juga terdapat sebahagian ibu bapa yang kurang memberi perhatian pendidikan agama kepada anak-anak. Selain dari itu sebahagian ibu bapa terlalu sibuk bekerja di luar menyebabkan anak-anak terbiar, lalu anak-anak terasa dirinya kurang diperlukan seterusnya banyak masa dihabiskan di luar rumah, rumah hanya menjadi tempat tidur sahaja. Selain itu ada juga sebahagian ibu bapa yang bersikap kasar kepada anak-anak, memaki hamun menyebabkan anak serba bermasalah akan membawa diri untuk melepaskan rasa ketegangan di dalam dirinya, di samping melahirkan sikap protes atau melawan terhadap kedua-dua ibu bapanya.

Oleh kerana itu marilah kita berusaha untuk menjadikan seluruh kehidupan ahli keluarga dengan mengikut ajaran Islam, tanggungjawab suami isteri hendaklah ditunaikan dengan sebaik-baiknya, anak-anak wajib menghormati ibu bapa, berkasih sayang di antara ahli keluarga dengan hidup rukun damai dan dengan demikian insya-Allah akan lahir keluarga bahagia dan masyarakat aman sejahtera. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Tahrim ayat 6 yang tafsirannya :

"Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakaran-

منوجو كرىضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

nya manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh Malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan."

DI AKHIR-AKHIR ini masalah kerosakan akhlak remaja dan muda-mudi kian menjadi suatu perkara serius dan membimbangkan terutama kepada mereka yang cintakan kebahagiaan dan kejayaan umat. Siapakah yang harus dipersalahkan?

PEMBANGUNAN sebuah negara itu memang bergantung kepada sikap dan komitmen pemerintah dan rakyatnya yang memerlukan keduanya bekerjasama erat dan padu. Banyak isu yang perlu diambil kira seperti pembangunan infrastruktur, tenaga kerja, ekonomi, politik, keagamaan dan sebagainya. Semua itu menjurus kepada pembangunan negara yang kukuh dan terarah yang mana nanti akan menjamin kemakmuran dan kestabilan negara dan bangsa.

Namun dalam membangun negara, kita tidak wajar hanya membabitkan bidang kemahiran dan kepakaran tertentu sahaja, tetapi juga ianya perlu seiring dengan pengukuhan sistem nilai yang mana nanti akan memantapkan pembangunan moral, nilai murni dan budi pekerti yang tinggi.

Negara kita perlu memiliki rakyatnya yang berbudi bahasa, bertanggungjawab, hormat-menghormati, amanah dan jujur serta berintegriti kerana sistem nilai akan dijadikan kayu pengukur sebenar tahap moral dan sosial sesebuah negara. Dengan yang demikian pembangunan negara akan menjadi seimbang dengan pembangunan sosial khususnya dalam mewujudkan sebuah masyarakat majmuk yang hidup aman damai dan sejahtera.

Jika diteliti, gejala sosial yang berlaku pada ketika ini adalah sangat berkait rapat dengan nilai hidup sesebuah masyarakat, keluarga atau individu. Oleh itu, dalam usaha ke arah menangani pelbagai masalah sosial yang wujud, ibu bapa perlu sentiasa bersikap prihatin dan 'sidi telinga dan mata' serta sentiasa mengawasi aktiviti dan pergerakan anak-anak remaja mereka.

Pada masa yang sama, ibu bapa juga hendaklah meningkatkan lagi komitmen bagi membina sebuah keluarga yang harmoni, memupuk nilai positif supaya anak-anak kita menjadi warganegara yang produktif, sihat dan mempunyai semangat patriotisme dan sikap mandiri yang tinggi.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi-agensi tertentu serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga telah dan akan terus memainkan peranan, berganding bahu bagi meningkatkan usaha mengatasi masalah sosial. Setiap batang tubuh individu dan keluarga juga perlu membina kekuatan dalaman sebagai asas utama.

Kekuatan dalaman yang dimaksudkan di sini adalah kekuatan iman dan takwa, kerana dengannya kita akan menjadi takut dan ragu untuk melakukan sebarang perbuatan yang tidak mendatangkan faedah atau perbuatan yang sia-sia apatah lagi perbuatan yang memang dilarang oleh agama dan masyarakat untuk dilakukan.

Hal ini memang jelas apabila setiap keluarga dan individu itu perlu mempunyai peranan masing-masing untuk membendung pengaruh negatif luaran kerana kekuatan dalaman dan keluarga perlu menghadapi masalah serta pelbagai penyakit sosial.

Walaupun kekuatan keluarga dan penguatkuasaan undang-undang begitu dekat persamaannya, apa yang lebih penting ialah kebolehan kita memastikan rumah, tempat kerja, sekolah

Kelolaan Haji Dayang Haji Kasim

Kemahiran ibu bapa elak gejala sosial

dan persekitaran kita adalah bebas daripada gejala sosial.

Negara memerlukan generasi penerus yang bijak, berpengetahuan, mandiri, kuat fizikal dan mental serta kukuh kekuatan dalaman, berwibawa, secara tidak langsung akan membolehkan setiap anggota keluarganya memahami keadaan fizikal dan mental, agama, emosi, pembangunan sosiobudaya yang penting sebagai benteng memerangi masalah sosial dan keruntuhan akhlak.

Nilai-nilai murni kekeluargaan seperti kesopanan, pertuturan, adab dan tatasusila serta kelakuan yang baik, hendaklah sentiasa diterapkan kepada anak-anak untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan keluarga. Justeru, ibu bapa yang bijak adalah ibu bapa yang berjaya memupuk nilai murni sosial dan kekeluargaan kepada anak-anak mereka.

Tidak dinafikan unsur kebendaan adalah amat penting dalam penghidupan dan mencari nafkah adalah penting, namun keutamaan masih tetap pada rumah tangga dan keluarga serta anak-anak. Masyarakat boleh berbangga dengan kemajuan dan kepesatan ekonomi sekarang, namun kita juga perlu berhati-hati dengan bahaya yang terselubung di sebalik pelbagai masalah sosial.

Kecanggihan sains dan teknologi yang telah menjadikan dunia ini tanpa sempadan adalah begitu meyakinkan. Dengan adanya pelbagai perhubungan infokomunikasi lebih ramai remaja yang terdedah kepada pelbagai mak-

lumat yang berunsur negatif. Maklumat negatif telah membawa keruntuhan moral dan akhlak kepada kaum remaja. Dengan yang demikian mereka perlulah berawas dan berwaspada sambil memperingkatkan usaha dan ketahanan dalaman diri untuk mengeneipkan budaya negatif dari mempengaruhi diri mereka.

Pembangunan dan keupayaan sesebuah keluarga adalah sangat penting dalam pembebasan, pendidikan serta bimbingan anak-anak hari ini kerana dengannya nanti mereka akan membesar dengan penuh terdidik dan terasus untuk menghadapi cabaran pembangunan negara. Dalam usaha seumpama ini, mengamalkan nilai tradisi, di samping memperkukuh pertalian kekeluargaan adalah perkara yang baik untuk diutamakan.

Apa yang lebih penting juga ialah keupayaan untuk menjauhkan keluarga dan masyarakat daripada serangan masalah sosial melalui pengukuhan institusi kekeluargaan. Dalam hal ini, kita harus mengambil berat dan serius mengenai asuhan budi dan kemajuan pendidikan dan pelajaran anak-anak.

Sikap suka mendengar dan berinteraksi dengan anak-anak secara terbuka dengan memberikan beberapa pandangan akan dapat meningkatkan pemahaman mereka serta memajukan lagi diri mereka dalam bidang pendidikan dan pelajaran.

Walaupun keperluan kebendaan penting untuk terus hidup, kita juga perlu berusaha mempertingkatkan pembangu-



Kelolaan: Sahari Akim

MENGENALI KOMPONEN HADAPAN KOMPUTER

RUANGAN Bicara IT kali ini merupakan sambungan dari siri minggu lepas mengenai pengenalan 'komponen komputer'. Siri kali ini akan membicarakan komponen hadapan komputer untuk manfaat bersama.

MONITOR

Skrin yang kita tatap terdiri dari dua jenis iaitu CRT (tiub sinar katod) dan panel rata. Monitor CRT berfungsi sebagaimana set televisyen - alat pemancar elektron di belakang memancar elektron pada fosfor berwarna yang terdapat di sebelah dalam kaca hadapan, menjadikannya menyala.

Sejak akhir ini skrin dengan panel rata menjadi semakin popular untuk komputer meja. Panel seperti ini menggunakan teknologi TFT (thin film transistor) yang sama dengan skrin komputer riba (laptop) bertaraf tinggi (skrin ini juga dipanggil 'active-matrix display').

PAPAN KEKUNCI

Reka letak papan kekunci mungkin merupakan suatu yang paling tua bagi komponen komputer. Reka letak QWERTY (dinamakan daripada rangkaian enam huruf pertama pada barisan atas) telah direka pada tahun 1868 oleh Christopher Sholes, pencipta mesin taip.

Setiap kali kita menekan kekunci, ia menutup suis yang menghantar kod kepada sistem BIOS. (basic input - output systems). BIOS mengenal pasti sama ada anda menaip huruf, menekan kekunci Shift, Alt atau Ctrl atau menekan kekunci arahan (seperti F1), dan menghantar maklumat kepada program yang kita sedang gunakan.

Dalam pada itu terdapat beberapa cadangan terhadap langkah-langkah asas yang kita boleh lakukan agar dapat menaip secara sihat dan selesa. Ubah suai ketinggian kerusi dan meja supaya lengan bawah selari dengan lantai dan pergelangan tangan sama rata dengan papan kekunci. Tetapkan pergelangan tangan anda agar lurus dan sejajar dengan lengan bawah. Jangan bengkokkan ke sebelah atau lengkokkan jari untuk menekan kekunci. Jangan menaip dengan pergelangan tangan 'rehat' atas meja.

TETIKUS

Secara umumnya semua tetikus sama fungsinya: Sebilangan kecil berputar apabila kita menggerakkan tetikus. Bebola tersebut menggerakkan dua 'roda' dalaman, satu untuk pergerakan menegak dan satu lagi untuk pergerakan mendatar. Bebola tersebut perlu dikeluarkan dan dibersihkan jika perlu dan buangkan kotoran yang melekat pada kedua-dua roda tersebut. Perkembangan teknologi kini telah menghasilkan tetikus yang menggunakan sensor, tanpa bebola.

KAYU BEDIK

Kayu bedik (joystick) digunakan untuk mengawal pergerakan di skrin dalam permainan komputer. Ia memberikan tiga jenis informasi kepada komputer: Pergerakan mendatar, pergerakan menegak dan isyarat tutup - buka (on-off) apabila butang ditekan. Kayu bedik direka bagi membolehkan pemain-pemain penyelaku penerbangan (flight-simulator) mendapat kawalan tambahan yang dipanggil 'top hat' di bahagian atas kayu, berupa set tambahan kawalan mendatar dan menegak menggunakan ibu jari.

Kayu bedik pernah menjadi satu-satunya alat kawalan terpenting bagi pemain-pemain komputer, namun alat kawalan jenis lain juga semakin popular. Untuk permainan lumba telah ada roda pengemudi (yang datang dengan pedal kaki berasingan untuk pecutan dan brek). Bagi pemain yang biasa dengan 'playstation' dan 'nintendo' terdapat pada permainan PC dengan reka letak butang yang menyerupai alat kawalan yang mudah. (Sumber - Internet).

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan SURAT PEMBACA sama ada berupa masalah, kemusykilan, kemusykilan agama, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirimbanya melalui faks 2381004 atau e-mel: pelita@brunet.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 2383804 atau 2383941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

S i B u d i m a n

Tuan ada kerja kosong kah?

Karaja ada pulang ni.. di syarikat Kami ani..., Ada bawa paspot kah? Boleh tengok? Macamana masuk ka Brunei? Manggunakan pas malawat atau pas karja?



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Budaya membaca harus disemai

MEMBACA buku bukan sahaja bertujuan untuk menambahkan ilmu dan pengetahuan kita terhadap pelbagai perkara atau kejadian tetapi ia merupakan tabiat yang patut diamalkan bagi memantapkan tahap ilmu pengetahuan dan minda kita.

Setentunya membaca buku bagi semua golongan tidak kira tua, muda mahupun di peringkat kanak-kanak lagi perlu ditanamkan agar kita tidak ketinggalan mengetahui apa-apa jua kejadian yang berlaku di luar sana. Tanpa membaca hidup kita seperti kehilangan arah dan punca. Ini kerana membaca bukan sahaja untuk meningkatkan ilmu pengetahuan tetapi dengan rajinnya kita membaca bahan bacaan dapat memperkasa bangsa bagi sesebuah negara itu sendiri.

Sesungguhnya jika kita menanamkan tabiat suka membaca dari zaman kanak-kanak sehinggalah kita meningkat dewasa ia dapat menjadi ikutan oleh anak-anak kita sendiri. Ini bukan sahaja menolong mereka mencapai pendidikan yang lebih baik tetapi ia turut menyuntik semangat rajin membaca bagi mereka sendiri. Bangsa yang berilmu pengetahuan bukan sahaja dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara tetapi dengan kepandaian atau kepintaran bangsa itu sendiri dapat memasyhurkan sesebuah negara di mata dunia.

Sesebuah negara perlu berlumba-lumba untuk menjadikan anak bangsanya menjadi bangsa yang mantap bukan sahaja dari segi ekonomi atau sosial tetapi dari segi kepintaran mengutarakan apa-apa jua pendapat mahupun perbincangan bersamasama dengan bangsa-bangsa asing.

Di Negara Brunei Darussalam setentunya kita patut bersyukur kerana diberikan pelbagai kemudahan untuk menarik bangsa kita rajin membaca. Contohnya bagi murid-murid sekolah rendah telah diadakan beberapa pertandingan seperti Peraduan Mari

Ber cerita di mana seseorang murid itu diminta untuk bercerita. Bayangkan jika murid itu tidak lancar membaca tentu akan menyukarkan pertandingan yang disertai. Bahkan peraduan seperti ini membolehkan seseorang murid itu menjadi berani kerana mampu berhadapan dengan para penonton.

Tidak ketinggalan, Dewan Bahasa dan Pustaka juga memainkan peranan yang penting dalam sama-sama mempengaruhi rakyat negara ini untuk menanamkan tabiat rajin membaca. Walaupun negara kita begitu maju dengan perkembangan teknologi maklumat tetapi bagi golongan tua pula membaca bahan-bahan bacaan seperti akhbar PELITA BRUNEI, Media Perdana ataupun akhbar-akhbar luar negara yang masih merupakan pilihan utama mereka untuk sama-sama mengetahui kejadian-kejadian yang berlaku di luar negara.

Jadikanlah amalan membaca sebagai tabiat yang patut kita semai. Dengan membaca juga boleh menjadikan bangsa itu kukuh. Jika bangsa itu pincang, akan rosaklah keharmonian sesebuah negara itu. Apa yang perlu kita tekankan juga ialah bahan-bahan bacaan yang kita baca hendaklah menjurus kepada bahan-bahan yang berfaedah dan bermanfaat.

Contohnya jika kita rajin membaca bahan-bahan membentuk keagamaan sudah setentunya akan meningkatkan lagi pengetahuan kita mengenai apa jua kemasyarakatan agama yang kita hadapi, di samping memantapkan lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wataala. Dari itu samasalah kita mendidik diri kita agar sentiasa mengamalkan tabiat suka membaca, kerana begitu banyaknya faedah yang kita dapat melalui bahan-bahan bacaan yang kita baca.

Rahimah binti Haji Tengah,
No. 2, Berek Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara.
No. k/p: 00-115823

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bersopan Santun Amalan Kita'. Tarikh tutup 16 Mac 2005.

2. 'Manfaatkan Cuti Persekolahan Dengan Aktiviti Berfaedah'. Tarikh tutup 23 Mac 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

emel: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Membaca Buku Dapat Memperkasa Bangsa'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Membaca buku dapat memperkasa bangsa

MENYEBUT mengenai memperkasa, umumnya dapatlah difafsirkan dengan memperkuat. Bagi mendapatkan bangsa yang kuat atau perkasanya itu kalangan orang Melayu Brunei yang majoritinya beragama Islam, maka kekuatan dan kecerdasan mental adalah perlu bagi menempuh cabaran di era globalisasi ini. Bagaimana cara yang terbaik untuk mendapatkan mental yang cerdas? Caranya ialah dengan memperbanyakkan membaca buku-buku yang bercorak motivasi, pelajaran dan berilmiah yang mampu meningkatkan ilmu pengetahuan dan pemikiran kita. Islam turut menyeru umatnya agar rajin membaca buku dan menuntut ilmu yang berkebakikan atau bermanfaat, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 269 yang tafsirannya:

"Dia memberikan hikmah (ilmu yang berguna) kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Barang siapa mendapat hikmah itu, sesungguhnya ia telah mendapat kebajikan yang banyak dan tiadalah yang menerima peringatan, melainkan orang-orang yang berakal."

Dalam usaha kita untuk memperkasa atau memperkuat bangsa terutama

dari segi daya berfikir dan berilmu pengetahuan, apa yang perlu ialah komitmen seluruh masyarakat dalam sama-sama menjadikan budaya membaca itu satu hobi atau perkara yang mustahak atau terpenting dalam kehidupan kita sehari-hari. Sebagaimana Islam menggalakkan umatnya supaya menuntut ilmu yang berseesuaian sebanyak dan setinggi yang boleh untuk bekalan hidup kita di dunia dan di akhirat. Ini kerana menuntut ilmu atau membaca buku yang berfaedah merupakan suatu ibadat dalam Islam dan perkara ini terkandung dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Majah yang bermaksud:

"Menuntut ilmu adalah fardu ke atas setiap orang Islam."

Selain itu hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Muslim dari riwayat Al-A'mash dari Abi Saleh dari Abu Hurairah yang bermaksud:

"Dan barang siapa yang menjalani satu jalan untuk menuntut ilmu, nescaya Allah mudahkan baginya satu jalan kepada Syurga."

Memang tidak dapat dinafikan, pembacaan buku

Asah minda dengan banyak membaca

UMUM mengetahui bahawa membaca itu menambahkan ilmu pengetahuan dan kunci segala kejayaan. Dalam era globalisasi yang pesat membangun ini, setiap lapisan masyarakat hendaklah menitikberatkan ilmu pengetahuan mereka dengan membaca buku, majalah, surat khabar dan lain-lain bacaan supaya pengetahuan mereka meluas bak kata pepatah 'jauh perjalanan luas pemandangan' dan tidaklah seperti 'katak di bawah tempurung'.

Penerapan minat membaca perlulah disemaikan kepada setiap individu terutamanya pada golongan kanak-kanak. Kanak-kanak adalah diibaratkan kain putih dan terpulangnya kepada ibu bapa itu sendiri untuk mencorakannya. Setiap ibu bapa setentunya mengimpikan anak-anak mereka menjadi insan yang berguna kepada bangsa, agama dan negara. Jika ibu bapa mempunyai hasrat seperti itu mereka hendaklah melatih anak-anak mereka dengan banyak membaca buku-buku yang berunsur ilmu pengetahuan dan berguna.

Para ibu bapa seharusnya menjadi 'role model' kepada anak-anak mereka dengan menanamkan minat membaca. Sekiranya me-

reka selalu membaca dengan sendirinya anak-anak mereka itu akan terikut-ikut membaca yang secara tidak langsung juga akan mendorong minat anak-anak membaca.

Pada masa sekarang sudah banyak kelas membaca diselenggarakan oleh pihak kerajaan bagi menggalakkan minat membaca. Sebilangan kelas membaca itu juga tidak mengira umur sama ada muda ataupun tua kerana menimba sesuatu ilmu pengetahuan itu tidak ada batasannya. Selain kurang minat sifat 'malas tak ku ingau' dalam membaca adalah salah satu punca kadar kurangnya gemar membaca di negara ini. Ini terjadi kerana mereka tidak menyedari betapa pentingnya sikap suka membaca itu.

Membaca buku bagi golongan pelajar merupakan suatu kemestian. Mereka tidak boleh hanya bergantung ataupun berharap pada ilmu yang disampaikan oleh guru bahkan mereka hendaklah berusaha meningkatkan pengetahuan yang sedia ada melalui bahan bacaan yang lain. Para pelajar sangat beruntung kerana mempunyai kemudahan untuk menambatkan tabiat membaca. Perpustakaan ataupun kutubkhanah adalah kemu-

dahan bagi pelajar untuk merujuk dan mengkaji pembelajaran mereka.

Membaca penting pada setiap individu untuk menggandakan daya intelektual dan mengasah minda serta pemikiran mereka. Gemar membaca juga dapat menghindarkan diri seseorang daripada terjebak melakukan budaya negatif.

Menyedari hakikat bahawa minat membaca bukanlah sifat semula jadi seseorang, oleh itu ianya perlulah dipupuk, dilatih, dipraktikkan selalu dan disematkan dalam hati masing-masing. Di samping itu untuk menyemai sikap suka membaca, kita juga haruslah mengambil contoh dan teladan sikap penduduk negara maju yang menjadikan membaca sebagai amalan hidup dan budaya wawasan mereka. Kesimpulan, membaca buku dapat memperkasa bangsa dan tanah air kita, Negara Brunei Darussalam.

Suqairi bin Suhaimi,
No. 128C,
Kampung Bakut Berumpit, BP 2326.
No. k/p: 01-030891

"...Bangsa yang besar ialah bangsa yang berilmu. Kita tidak boleh bersikap membelakangi ilmu. Jika kita mencirikan ilmu kegemilangan akan mencirikan kita ..."

Pembacaan buku yang bermutu atau berfaedah juga mampu menghindarkan masyarakat terutama pada belia yang terpengaruh oleh budaya 'kuning' atau budaya Barat yang semakin hari semakin menular masuk mencengkam bangsa kita. Apabila masyarakat kita terhindar dari gejala tersebut, maka hasrat kerajaan untuk memperkasakan bangsa akan terlaksana dan ini turut memudahkan segala pembangunan yang telah dirancang berjalan dengan lancar.

Sekiranya masyarakat kita kurang berminat atau malas membaca, maka pemikiran bangsa kita akan mudah dijajah oleh anasir-anasir negatif atau kurang elok dan seterusnya melemahkan bangsa kita. Oleh itu, kita perlu sedar bahawa ilmu pengetahuan adalah elemen yang terpenting dan merupakan senjata ampuh yang kukuh bagi menangkis segala anasir tersebut dari terus menghantui bangsa dan negara kita yang tercinta.

Sememangnya, membaca buku dapat memper-

kasa bangsa terutama dari segi pemikiran dan personaliti diri seseorang individu itu. Hatta, orang yang bijak pun tidak dapat mengekalkan kebijaksanaan mereka sekiranya mereka malas membaca buku dan menuntut ilmu yang berguna. Justeru, ilmu pengetahuan dan kebijaksanaan itu biarlah bergerak seimbang dalam jiwa kita bagi menempuh kehidupan yang kian mencabar ini. Perkara ini juga terkandung di dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Junjung Ziarah Penuntut-penuntut Brunei Darussalam di United Kingdom dan Eire pada 4 Januari 2004 antara lain baginda bertitah:

"Ilmu pengetahuan adalah satu perkara, sementara kebijaksanaan pula adalah satu perkara lain lagi. Barang siapa di antara mereka itu yang dapat membezakan antara intan dan permata, maka itulah yang terbaik ..."

Mohammad Arif bin Dr. Haji Serbini,
No. 7, Simpang 867, Kampong Serdang, Jalan Kota Batu, BD 2117.
No. k/p : 00-313556

Dua anggota PDB bertugas di Pusat Operasi Mangsa Bencana di Phuket

BERAKAS, 28 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) menghantar dua orang pegawainya untuk ditempatkan di Pusat Operasi Pengenalangan Mangsa Bencana (Disaster Victim Identification Operation Center) yang terletak di Phuket, Thailand.

Mereka ialah ASP Haji Limon bin Ahmad Kumpoh dan Koperol Mohammad Hanafi bin Haji Mohiddin yang berlepas hari ini di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menuju ke Thailand dan akan memulakan tugas mereka di sana bermula hingga 15 Mac di bawah pelawaan negara-negara INTERPOOL.

Semasa di Phuket mereka bersama anggota polis INTERPOOL lain

Oleh
Abdullah Asgar

akan membuat tugas pengenalangan yang menggunakan sistem Automated Fingerprint Identification System (AFIS) dan kedua-dua pegawai PDB tersebut mempunyai pengalaman dalam penggunaan sistem tersebut.

Di samping itu, mereka juga berpeluang untuk menimba pengalaman mengenai tatacara menghadapi pengendalian pusat operasi seumpama itu.

Pemergian mereka atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertua Negara Brunei Darussalam.



ASP Haji Limon bin Ahmad Kumpoh dan Koperol Mohammad Hanafi bin Haji Mohiddin. - Gambar oleh Masri Osman.

SEBUAH bangsa yang kuat dan maju akan hanya dapat dibina apabila pengisiannya sejajar dengan keupayaan dalam memperkembangkan kekuatan diri. Nilai keupayaan tersebut hanya akan dapat dirasakan apabila adanya kesedaran semua untuk berusaha membuat perubahan dan melakukan pembaharuan dalam erti kata bergerak sambil merubah ke arah yang lebih baik dan sempurna. Kesempurnaan dan kekuatan bangsa inilah yang ingin terus dibina dan dipupuk, di saat kita terus mengusahakan agenda perkembangan dan kemajuan negara. Pengisian masyarakat yang mampu berdikari adalah ramuan yang akan memperkuat matlamat memajukan negara yang bertamadun tinggi. Sebagai sumber di dalam masyarakat itu, kita perlu melaksanakan peranan dan tanggungjawab kita dengan lebih proaktif.

Penjanaan ke arah membina masyarakat yang tahu menghargai nilai berbangsa dan bernegara tidak boleh diambil ringan dengan semudahnya. Ia perlu diadun dengan menamakan semangat kesedaran yang tinggi, rasa tanggungjawab yang mendalam dan yang paling penting ialah berperanan menjadi benteng yang menghiiasi dan memperkukuh isi kenegaraan itu sendiri. Walaupun dalam keadaan yang sedia ada, kita terpaksa berdepan dengan pelbagai senario yang bukan sahaja mencecutkan fenomena baru, namun peranan dan tanggungjawab kita mesti berjalan terus. Kita tidak boleh meniru cara dan gaya orang lain jika ia tidak bersesuaian dengan iklim dan suasana kehidupan kita. Keaslian yang pada kita patut kita jadikan sebagai asas dan juga teras pembinaan kekuatan bangsa kita orang-orang Brunei.

Dari isu yang kecil hinggalah kepada yang lebih besar kita perlu melihat dengan cara dan pendekatan yang kita ada. Namun tidak bererti kita menidakkan yang di luar dari lingkungan cara kita. Kita akan mengadun sesuatu yang baik itu untuk dijadikan sebagai 'value added' dengan apa yang akan kita lakukan. Inilah sebahagian cara kita dalam meningkatkan kemajuan bangsa dan negara. Namun dalam arus dan kerancangan kita membina dan mengurus dengan sebaiknya perkembangan ini, masih ada juga yang tidak mahu merasakan dirinya untuk bertanggungjawab dengan apa yang kita miliki. Paling kecil isu merosakan harta benda dan kemudahan awam, masih

MEREALISASIKAN BANGSA YANG BERDIKARI

Oleh
H. A. MANAP

dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Perbuatan seumpama ini bukan sahaja mengundang risiko tetapi ia memaparkan gambaran yang tidak sihat jika terus berlaku.

Di mana silapnya jika hal ini masih dilakukan tanpa merasa segan dan silu jika ianya ditonton oleh orang ramai dari pelbagai masyarakat. Apakah sudah terhakis rasa kecintaan atau 'sense of belonging' yang kita ada. Kita perlu kembali untuk mengetahui bahawa orang kitani tebal dengan kelembutan dan kekitaan, apatah lagi dalam memelihara segala kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan. Justeru, kalau dulu jarang benar kita mendengar adanya onar pencontengan dinding, kecurian besi penutup saliran dan pelbagai bahan-bahan penting kemudahan awam hilang dan dijual dengan sewenang-wenangnya. Perkara ini patut dibendung dan dihentikan. Kita perlu merealisasikan hasrat negara untuk mewujudkan masyarakat yang berdikari, tetapi tidak rapuh oleh pengaruh perubahan zaman. Dalam

erti kata kita perlu mewujudkan masyarakat yang penyayang. Sayang pada agama, bangsa, negara dan harta benda yang disediakan untuk kemudahan kita semua.

Jika ini kita perhatikan dengan sebaiknya, kemampuan kita untuk berdikari akan lebih terserlah. Jangan kita jadikan alasan yang tidak sihat bahawa keadaan ini berlaku kerana perkembangan dan suasana masa kini yang sangat mencabar. Namun mari kita bersama-sama menjadikan cabaran dan perkembangan semasa yang ada ini sebagai asas, untuk kita menempuh laluan kehidupan kita ini dengan lebih baik dan bermakna. Kita perlu kepada keadaan, cabaran dan ujian kerana ia akan mendevasakan kita dengan cepat. Kita juga perlu kepada suasana dan iklim yang lebih kompetitif, kerana ia mampu membina kekuatan diri. Namun kita tidak akan mampu berdepan dengan keadaan ini jika kita hanya berpeluk tubuh, tunggu dan lihat. Kita perlu kepada ketangkasan bertindak dan melihat suasana dengan lebih proaktif. Kita perlu menamakan semangat patriotisme dan kekuatan berbangsa. Kita yakin ini merupakan salah satu fak-

tor yang menyumbang ke arah pembinaan masyarakat yang teguh dan berke-mampuan.

Biarlah kita dilihat sebagai sebuah bangsa yang mampu berdikari sambil mempertahankan keindahan budaya, cara hidup dan yang paling penting mempamerkan kekuatan pegangan beragama. Hal ini jika mampu kita pamerkan boleh sahaja mengundang masyarakat lain untuk merasa 'awar galat' dan menghormati kita dengan sebaiknya. Tidak lain yang kita inginkan ialah untuk membina orang Brunei yang bertamadun tinggi. Tamadun yang diwujudkan inilah nanti jika mampu kita realisasikan akan menjadi contoh dan ikutan yang lain. Biarlah kita juga sebagai penggerak dan pencetus perubahan zaman yang lebih berkualiti dan bertamadun tinggi. Namun ia perlu bermula dengan skala kecil dari dalam kita sendiri barulah akan dikembangkan ke tahap yang lebih meluas.

Kerana itu usaha merealisasikan masyarakat yang berdikari itu perlu kita bina dengan berbekalkan ilmu dan keimanan yang teguh. Inilah yang akan membina kekuatan bangsa sekali gus akan menghapuskan kerenah-kerenah sosial yang tidak sihat.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 23 Februari 2005

Masjid Kampong Sungai Liang.

ALAI PINTAR



Apakah nama masjid ini?

Mohammad Asyraf bin Ramli,
Sekolah Menengah Menglaik,
Umur : 11 tahun

Mohd. Fahmi bin Haji Matnoor,
Sekolah Arab Jerudong,
Umur : 9 tahun

Amirul Nabillah bin Haji Akbar,
Sekolah Al-Falaah,
Umur : 7 tahun

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 661

Nama :
Umur :
Alamat :
Telefon rumah (jika ada) :
Sekolah :
Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 661,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 661

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 23 Februari 2005

Kadar penyakit mental warga emas tinggi

BERAKAS, 26 Februari. - Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini bin Haji Ali berkata, kadar penyakit mental atau fizikal di kalangan warga emas adalah tinggi walaupun mereka berada dalam keadaan sihat.

Menyedari hakikat ini pihak kerajaan di kebanyakan negara telah berusaha menyediakan sistem sokongan dan rawatan perubatan bagi memenuhi keperluan kesihatan mereka.

Ucapan yang dibacakan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Haji Affendy di Majlis Perasmian Forum Kesejahteraan Mental yang bertemakan 'Kesejahteraan Mental Di Kalangan Warga Emas - Tanggungjawab Siapa?' Awang Serbini menyatakan warga emas boleh menghidap pelbagai jenis penyakit mental, seperti juga mereka yang lebih muda.

Tetapi, katanya, dua jenis penyakit mental yang utama di kalangan mereka ialah penyakit 'demensia' yakni nyanyuk.

Beliau menjelaskan, demensia terutamanya akan meningkat di usia semakin tua. Di kalangan warga emas yang berumur 65 tahun,

dianggarkan hanya lima peratus dari mereka menghidap penyakit ini, tetapi di kalangan mereka yang berumur melebihi 80 tahun, kadar ini meningkat sehingga 40 peratus.

"Memandangkan hakikat ini, pihak kerajaan perlu menyediakan pelbagai perkhidmatan dan kemudahan bagi memenuhi keperluan warga emas termasuk perkhidmatan perubatan dan kesihatan," jelasnya.

Antara keperluan itu ialah pendidikan kepada ahli-ahli keluarga, para doktor di peringkat penjagaan utama yakni Primary Care Physicians mengenai mental di kalangan warga emas.

Ini menurutnya, akan dapat membantu mereka mengenal pasti penyakit-penyakit ini pada peringkat awal supaya rawatan dapat dimulakan seawal yang mungkin.

Pendidikan kepada ahli-ahli masyarakat yang lain supaya bersedia untuk menangani hari tua dibuat pada peringkat awal lagi dari semua aspek-aspek fizikal, mental, sosial dan juga rohani.

Menyokong peranan anak-anak dan kaum keluarga dalam penjagaan dan



rawatan warga emas, baik yang sihat ataupun yang mengalami penyakit dan

mengekalkan berkembang dan timbulnya 'nursing homes' ataupun 'Rumah



KETUA Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Haji Affendy berucap bagi mewakili Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini di Majlis Forum Kesejahteraan Mental (atas). - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

AHLI-AHLI panel Forum Kesejahteraan Mental menyampaikan kertas kerja masing-masing yang dihadiri oleh kira-kira 300 peserta (kiri). - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Damit.

DEMAM PANAS DI KALANGAN KANAK-KANAK

DEMAM panas merupakan gejala atau tanda-tanda penyakit, biasanya disebabkan oleh jangkitan kuman yang begitu kerap terjadi pada kanak-kanak. Tahap peningkatan suhu badan tidak memberi gambaran sebenar tahap bahaya penyakit.

APA DIA DEMAM PANAS?

Suhu badan yang normal adalah sekitar 37.0 darjah Selsius. (98.6 darjah F). Suhu badan yang normal juga berubah mengikut masa. Misalnya, ianya paling rendah di waktu Subuh dan meningkat sedikit di sebelah petang.

Suhu melebihi 38 darjah Selsius (100.4 darjah F) disukat pada dubur, melebihi 37.5 darjah Selsius (99.5 darjah F) pada mulut atau rongga telinga dan melebihi 37.0 darjah Selsius (98.5 darjah F) pada ketiak adalah melebihi paras normal.

Demam panas menandakan terdapatnya jangkitan kuman pada badan. Salah satu cara badan kita menentang jangkitan adalah menaikkan suhu badan.

BERAPA SUHU BADAN YANG NORMAL?

Bila suhu badan disukat pada mulut, paras yang normal ialah di sekitar 36 - 37.4 darjah Selsius. Suhu yang disukat pada dubur adalah 1 darjah melebihi suhu mulut. Suhu kanak-kanak berubah mengikut waktu: (demam panas kebiasaannya paling tinggi waktu tengah hari dan menurun sedikit di waktu Subuh), suhu bilik, cuaca, pakaian yang dipakai, aktiviti kanak-kanak (bermain, makan/minum) boleh menaikkan suhu badan.

MENYUKAT SUHU BADAN

* Rongga telinga dengan alat termoscan

Oleh
Dr. Haji Saquib Jalees dan
Dr. Emilia Haji Md. Kassim

- * Dubur
- * Mulut
- * Ketiak

Bacaan suhu badan bergantung kepada tempat yang disukat. Carta di bawah menunjukkan had suhu normal dan demam panas mengikut tempat ianya disukat seperti Rajah A.

ADAKAH DEMAM PANAS MERBAHAYA?

Demam panas yang disebabkan oleh penyakit ringan menggambarkan daya tahan penyakit badan itu sedang berfungsi dengan baik. Demam panas yang sederhana adalah tidak merbahaya. Oleh itu ubat demam panas tidak semestinya diberikan. Awda hanya perlu memberi tumpuan yang lebih pada anak awda jika tanda-tanda demamnya semakin meningkat.

Demam panas boleh menyebabkan kekejangan badan (memalak mata) di kalangan lima peratus kanak-kanak yang berumur di antara enam bulan hingga enam tahun. Kekejangan badan yang disebabkan oleh

demam panas sahaja biasanya tidak memberi apa-apa mudarat ataupun menyebabkan kematian. Ibu bapa mungkin akan mengalami pengalaman yang amat menakutkan jika melihat kekejangan pertama kalinya berlaku pada anak mereka.

APAKAH TANDA-TANDA DEMAM PANAS?

Seperti yang disebutkan tadi, demam panas merupakan peningkatan suhu badan yang disukat menggunakan thermometer. Demam panas boleh menyebabkan dehidrasi atau kekurangan air dalam badan akibat dari peluh yang berlebihan atau kekurangan meminum air.

Jika demam tersebut disebabkan oleh jangkitan kuman, anak-anak biasanya akan kurang selera makan, muntah-muntah dan ceret-beret juga kemungkinan berlaku.

Di kalangan kanak-kanak yang berumur enam bulan hingga enam tahun, kekejangan badan (memalak mata) juga boleh berlaku.

Bagi ibu bapa yang belum berpengalaman, demam panas amat merisaukan mereka, tetapi selepas beberapa ketika, mereka akan lebih berkeyakinan dan sedar yang demam panas sangat biasa berlaku pada anak-anak kecil. Dalam kebanyakan kes, rawatan demam panas sahaja mencukupi untuk menolong anak-anak demam.

BAGAIMANA MERAWAT DEMAM PANAS?

- * Elakkan pakaian tebal
- * Kerap beri minum kepada anak-anak
- * Berkipas
- * Ubat demam seperti Paracetamol/Panadol/Capcol/Brufen

Perluah awda mengelap badannya dengan air sejuk? Pada masa ini ianya tidak digalakkan kerana air sejuk akan menyebabkan konstriksi saluran darah pada kulit dan menghindarkan penurunan suhu badan.

BILAKAH PERLU BERJUMPA DOKTOR?

Awda dinasihatkan berbincang dengan doktor awda bagaimana memberi rawatan demam panas di rumah apabila membawa anak ke klinik-klinik kesihatan untuk suntikan imunitasi.

Orang-orang Tua, seperti yang terdapat di kebanyakan negara maju.

Selanjutnya beliau menyatakan, bagi warga emas yang mengidap gangguan mental, model yang paling sesuai digunakan ialah penilaian dan rawatan mereka dilakukan bukannya di hospital-hospital, tetapi di kalangan masyarakat setempat, seperti di rumah mereka sendiri.

Dengan cara ini, tambah-

nya, jumlah katil yang diperlukan di hospital-hospital bagi rawatan mereka dapat dikurangkan seberapa yang mungkin dan digunakan hanya untuk 'respite care' pada waktu-waktu tertentu, di mana beban penjagaan mereka dipindah kepada pihak hospital untuk jangka masa yang singkat, untuk memberi kelegaan dan rehat kepada ahli-ahli keluarga yang telah menjaga mereka dengan tekun dan kasih sayang sepanjang tahun.



Walau bagaimanapun, bawa anak awda berjumpa doktor jika:

- * Anak damit (berumur kurang dari tiga bulan) dengan suhu dubur melebihi 38 darjah C atau 100 darjah F. Demam panas pada anak damit baru lahir boleh menunjukkan tanda jangkitan yang serius.

- * Suhu disukat pada mulut melebihi 39.4 darjah C atau lebih 103 darjah F satu jam selepas diberikan ubat demam panas pada kanak-kanak yang kecil.

- * Suhu disukat pada mulut melebihi 38.3 darjah C atau lebih 101 darjah F selama lebih 24 jam.

- * Demam panas melebihi tiga hari.

- * Sebarang perubahan tingkah laku yang berkaitan seperti lebih cerewet, sentiasa mengantuk, menangis berpanjangan atau lemah, kekejangan badan (memalak mata), muntah-muntah, ruam merah pada badan, bawalah segera berjumpa doktor kerana ia merupakan tanda-tanda jangkitan selaput otak yang serius.

- * Sakit pada sendi tulang atau anak awda tidak boleh bergerak.

- * Jika awda ragu-ragu atau risau akan keadaan anak awda.

Ingat!

- * Demam panas merupakan satu tanda atau gejala yang boleh berpunca dari pelbagai penyakit, terutamanya jangkitan kuman.

- * Rawatan dengan ubat demam boleh menurunkan suhu badan, tetapi ini mungkin mengambil masa

- * Dalam kebanyakan kes, ubat demam hanya menurunkan suhu badan untuk sementara waktu dan membolehkan anak awda merasa lebih selesa, tetapi ia tidak menyembuhkan jangkitan kuman.

- * Jika demam panas melebihi tiga hari, terdapat tanda-tanda lain dan anak awda kelihatan lemah, berjumpa doktor dengan segera.

Demam panas merupakan mekanisme kedua melawan penyakit. Makanan yang seimbang, rehat yang mencukupi dan kehidupan yang teratur mengatasi segalanya.



SEORANG ibu membawa anaknya bagi mendapatkan rawatan dan pemeriksaan doktor di klinik bagi memastikan tahap kesihatan.

Rajah A

Tempat	Had Suhu Normal	Demam Panas
Ketiak (semua peringkat umur)	36.0 37.0 darjah C (96.8 98.6 darjah F)	Melebihi 37 darjah C (98.6 darjah F)
Rongga telinga (2 bulan ke atas)	36.5 37.5 darjah C (97.7 99.5 darjah F)	Melebihi 37 darjah C (99.5 darjah F)
Mulut (4 tahun ke atas)	36.5 37.5 darjah C (97.7 99.5 darjah F)	Melebihi 37 darjah C (99.5 darjah F)
Dubur (3 bulan ke bawah, sila berjumlah doktor/jururawat)	37.0 38.0 darjah C (98.6 100.4 darjah F)	Melebihi 38.0 darjah C (100.4 darjah F)

Tabung mangsa Tsunami mencecah lebih \$120 ribu

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omarali

KUALA BELAIT, 14 Februari. - Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami bagi Daerah Belait terus menerima sumbangan daripada pelbagai pihak dan hari ini tabung berkenaan menerima dua sumbangan derma berjumlah \$5,156.00.

Sumbangan derma berupa sekeping cek bernilai \$3,000.00 daripada Syarikat Perniagaan Melayu, manakala Persatuan Masyarakat India Daerah Belait menyumbangkan cek bernilai \$2,156.00 yang diterima oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar yang juga Pengerusi tabung berkenaan di majlis yang diadakan di Dewan Raya Jabatan Daerah di sini.

Sehingga kini tabung berkenaan mengutip lebih dari \$120,000.00 dan sebahagian besar daripada sumbangan tersebut telah diserahkan kepada tabung peringkat kebangsaan awal bulan ini di Bandar Seri Begawan.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar yang juga Pengerusi Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami bagi Daerah Belait menerima sumbangan daripada Syarikat Perniagaan Melayu Daerah Belait.

Rumah setinggan Kampong Jabang dirobah

SERIA, 14 Februari. - Sebanyak 11 buah rumah setinggan di kawasan Kampong Jabang dirobah dalam Operasi Bersepadu Banteras Setinggan sejajar dengan usaha kerajaan membanteras setinggan tertumpu di Jalan Bolkiah.

Operasi yang bermula kira-kira jam 9.00 pagi melibatkan 28 pegawai daripada Pasukan Polis Diraja Brunei cawangan Belait, Jabatan Tanah dan Jabatan Daerah Belait yang diketuai oleh Unit Penkuatkuasa Jabatan Ban-

daran Kuala Belait dan Seria.

Menurut maklumat Jabatan Bandaran, operasi meroboh rumah terbabit yang terletak di kawasan bandaran itu merupakan tindakan susulan jabatan tersebut yang telah mengeluarkan surat notis pada awal tahun ini berikutan rumah-rumah tersebut tidak berpenghuni dan terbiar kosong.

Menurut maklumat itu lagi siasatan mendapati pemilik-pemilik rumah tersebut mempunyai rumah

di tempat lain di samping ramai daripada penghuni kawasan setinggan di kampung berkenaan pemegang kad pengenalan berwarna ungu serta pendatang dari negara jiran yang bekerja di negara ini.

Operasi tersebut juga bertujuan menjaga pencemaran di kawasan tersebut daripada kekotoran, memandangkan kawasan terbabit tidak mempunyai saliran air. Dengan pembinaan rumah-rumah sedemikian yang tidak terkawal kebersihan sekitarnya boleh menimbulkan pen-

cemaran dan pembiakan kuman penyakit.

Melalui maklumat Jabatan Tanah pula seramai 55 ketua keluarga telah dibenarkan bagi penempatan penduduk setinggan yang berkelakayan menduduki tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) Lumut Tersusun, bagaimanapun masih ada yang gagal mengusahakan tanah-tanah mereka malah masih tetap tinggal di kawasan rumah setinggan berkenaan.

Schubungan itu jabatan berkenaan mengingatkan mereka yang telah berjaya mendapatkan tanah supaya mengusahakan bagi memajukan pemberian tanah tersebut sebagai tempat kediaman baru serta mereka yang telah siap rumahnya supaya akan dapat mengosongkan dan merobohkan rumah-rumah setinggan seperti mana mengikut perjanjian penempatan penduduk setinggan yang berkelakayan untuk dipertimbangkan menduduki tanah LTS di Lumut Tersusun.

Majikan terbabit pula disarankan akan dapat memberikan kerjasama dalam memastikan pekerjaan mereka disediakan tempat tinggal yang berselesaian dan bukannya tinggal di kawasan rumah setinggan.



JENTERA berat digunakan bagi operasi meroboh rumah setinggan di Kampong Jabang yang terbiar kosong tidak berpenghuni.

Jerayawara Koperasi tingkatkan kefahaman ahlinya

KUALA BELAIT, 13 Februari. - Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) mengadakan Jerayawara Koperasi peringkat Daerah Belait bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai tugas dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah.

Seramai 45 orang ahli menghadiri jerayawara

berkenaan dengan mende- ngar taklimat yang dipe- ngerusikan oleh Ketua Unit Pendidikan dan Latihan, Awang Masri bin Haji Durahim yang diadakan di Dewan Raya Pejabat Daerah di sini.

Sebanyak dua kertas kerja dibentangkan dalam taklimat itu mengenai tugas dan peranan BINA

yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Unit Promosi dan Perhubungan Awam, Awang Moga Paun, manakala taklimat mengenai Perkembangan Koperasi, Status Pengauditan, Isu Koperasi dan Akta Koperasi disampaikan oleh Ketua Unit BINA Cawangan Daerah Belait, Awang Mohd. Zaini Kamarulzaman.

Jerayawara antara lain bertujuan bagi membolehkan ahli Lembaga Pengarah dan anggota koperasi mengetahui akan perkembangan gerakan koperasi dan isu semasa koperasi serta meningkatkan silatur- rahim sesama mereka, di samping untuk menjalin- kan rangkaian kerja bagi memajukan koperasi.

Bendera kecil diagihkan sempena Hari Kebangsaan

KUALA BELAIT, 20 Februari. - Lebih 2,500 helai bendera kecil bagi kenderaan diagihkan hari ini kepada orang ramai di beberapa kawasan sekitar Kuala Belait, Seria dan Lumut sempena menyambut ulang tahun Hari Kebangsaan Ke-21 tahun ini.

Pengagihan dilakukan di beberapa buah kawasan termasuk kawasan kedai Jalan Pretty di Pekan Belait, Tol Rasau, kawasan kedai Pekan Seria, Stesen Minyak Jalan Panglima,

Stesen Minyak Sepakat dan Stesen Minyak Lumut.

Sebelum pengagihan dilakukan, Jawatankuasa Tajaan Sambutan Hari Kebangsaan dari Bandar Seri Begawan yang diwakili Dato Paduka Chua Peng Siong, Awang Haji Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abas dan Pengiran Haji Othman bin Pengiran Anak Hashim menyerahkan bendera berkenaan

kepada Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Yusof.

Bendera berkenaan kemudian dilekatkan sendiri oleh Awang Haji Ali pada kenderaan yang melalui Jalan Pretty, Kuala Belait, sementara pengagihan di beberapa kawasan lain dilakukan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas dan Pegawai Pentadbir Jabatan Daerah Belait, Penghulu dan Ketua Kampung di daerah ini.



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Yusof melekatkan bendera kecil di cermin depan kenderaan polis yang melalui Jalan Pretty.



JAWATANKUASA Tajaan Sambutan Hari Kebangsaan dari Bandar Seri Begawan diwakili oleh Awang Haji Morshidi bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Abdul Rahman menyampaikan bendera kecil kepada Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ali bin Haji Mohd. Yusof.



KETUA Unit Pendidikan dan Latihan, Awang Masri bin Haji Durahim semasa mempengerusikan taklimat Jerayawara Koperasi Daerah Belait.

Melantik Jawatankuasa Sambutan Hari Keputeraan

Oleh Aliddin Haji Moktal

TUTONG, 7 Februari. - Mesyuarat pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi Daerah Tutong berlangsung di rumah kediaman rasmi Pegawai Daerah Tutong di Sungai Basong di sini.

Mesyuarat dipengerusi-

kan oleh Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Mutalib bin Haji Idris yang juga selaku Ahli Jawatankuasa Tertinggi Perayaan bagi Daerah Tutong. Mesyuarat antara lain membincangkan persiapan awal bagi acara-acara sambutan perayaan yang akan datang sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda serta format dan perantaraan

Jawatankuasa Tertinggi 2005 dan Pengerusi-pengerusi Bahagian bagi acara-acara perayaan bagi tahun ini.

Sebelum itu, mesyuarat telah meneliti dan mengesahkan kunci kira-kira sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darus-

salam Ke-58 dan membubarkan ahli-ahli jawatankuasa sambutan perayaan ke-58 tahun 2004.

Sebanyak 17 acara perayaan tahun ini telah disusun dan melantik jawatankuasa bagi acara perayaan tersebut.

Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat merupakan acara tradisi dan kemuncak bagi Daerah Tutong.



MESYUARAT pertama Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-59 bagi Daerah Tutong. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sektor pendidikan mengalami perkembangan, kemajuan

RIMBA, 16 Februari. - Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yussop berkata, salah satu matlamat utama Rancangan Kemajuan Negara (RKN) menuju ke arah perbaikan kualiti kehidupan rakyat melalui pengagihan sumber-sumber bagi program-program kemajuan untuk membolehkan semua lapisan masyarakat di negara ini menikmati pendidikan yang komprehensif, sekali gus membolehkan Negara Brunei Darussalam menikmati pembangunan sumber manusia yang lebih berkesan.

Dalam tempoh RKN Ke-7, sektor pendidikan di negara ini, jelas beliau, telah mengalami perkembangan dan kemajuan yang sangat membanggakan, baik dari segi kuantiti mahupun kualiti.

"Dengan adanya komit-

Oleh Aliddin Haji Moktal

men dan usaha berterusan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang pendidikan, kadar literasi iaitu petunjuk bagi kualiti sumber manusia, secara keseluruhan pada tahun 2000 ialah 93 peratus," jelas beliau di Majlis Graduation bagi pelajar Pra Universiti (U) 2 tahun 2004 yang diadakan kali ketiga di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS), Kampong Rimba di sini.

Beliau menambah, dengan adanya usaha-usaha yang telah dilaksanakan kadar peratus tersebut sudah pasti akan meningkat.

Terdahulu dari itu, Pe-



PEMANGKU Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yussop ketika menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada seorang pelajar Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS). - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

ngetua MSPSBS, Pengiran Hajah Sarah dalam ucapan-nya antara lain menyentuh pencapaian pelajar sepanjang pengajian mereka di MSPSBS. Beliau juga menekankan mengenai usaha-usaha pihak maktab dalam membantu para pelajar memperoleh kejayaan di dalam bidang akademik atau sebaliknya, membantu keperibadian pelajar sebagai individu yang berke-mahiran, berguna dan bertanggungjawab, di samping mewujudkan hubungan muhibah di antara pelajar dan guru.

Beliau menjelaskan, apa yang mengagumkan pihak maktab ialah dengan adanya kecenderungan para pelajar melibatkan diri dalam perwakilan-perwakilan tertentu sama ada di peringkat sekolah, senegara mahupun antarabangsa.

Seramai 143 pelajar

PraU2 tahun 2004 telah di-raikan atas kejayaan mereka dalam peperiksaan GCE 'A' Level tahun lepas dan setiap pelajar menerima sijil penghargaan dan pengiktirafan bagi pengajian mereka di maktab tersebut.

Tujuan majlis itu diadakan bagi meraikan para pelajar yang telah menamatkan pengajian di MSPSBS secara rasmi dan memberikan penghargaan atas penglibatan para pelajar sepanjang pengajian mereka serta mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan pelajar, guru-guru dan ibu bapa.

Majlis Penyampaian Sijil dan Cenderamata kepada para pelajar yang berjaya menamatkan pengajian mereka di maktab berkenaan disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Sekolah-Sekolah, Dayang Hajah Norjum.



SEBAHAGIAN para pelajar PraU2 tahun 2004 MSPSBS semasa menerima sijil penghargaan dan cenderamata. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar hadir di Majlis Makan Malam sempena Tahun Baru Cina. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi Haji Duraman.

Ahli-ahli Dewan diseru supaya bersatu, sepakat

BERAKAS, 19 Februari. - Lebih 1,500 orang masyarakat dan penduduk Tionghoa di negara ini menghadiri Majlis Makan Malam sempena Tahun Baru Cina dalam kalender mereka tahun ini sebagai tahun 'Ayam'. Majlis itu dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Tionghoa.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar.

Ketika berucap Yang Dipertua Dewan Perniaga-

Oleh Abdullah Asgar

an Tionghoa, Awang Robert Koh antara lain berkata, mengingatkan kepada Ahli-ahli Dewan supaya bersatu dan sepakat dalam sama-sama berusaha memajukan ekonomi tempatan dan juga tidak melepaskan peluang dalam perjanjian perdagangan bebas di antara ASEAN dan Republik Rakyat China.

Sambutan yang diadakan di Pusat Persidangan

Antarabangsa di sini juga antara lain dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan jabatan-jabatan kerajaan yang turut menyaksikan persembahan tarian dan nyanyian oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Chung Hwa, Bandar Seri Begawan dan pertunjukan dandan rambut oleh beberapa kedai pendandan rambut di negara ini.

Majlis diserikan dengan cabutan tiket bertuah untuk memenangi pelbagai hadiah termasuk sebuah kereta yang disumbangkan oleh syarikat pengedar kereta di negara ini.

JIWA BAHASA

ISTILAH PERUBATAN, SUBBIDANG: ANATOMI

BAHASA INGGERIS

abdomen
abdominal aorta
abdominal aorta plexus
abdominal cavity
abdominis transversus muscle
abdominoperineal
abdominoposterior
abducent
abducent nerve
abduction
abductor
abductor digital minimi muscle
abductor hallucis muscle
abductor pollicis brevis muscle
aberrant
aberrant artery
aberrant ductule
accessory artery
accessory atlantoaxial ligament
accessory cephalic vein
accessory hemiazygos vein
accessory lacrimal gland
accessory nerve
accessory obturator nerve
accessory pancreatic duct
accessory parotid gland
accessory renal artery
accessory salivary gland
accessory sex gland
acetabular artery
acetabular labrum
acetabulum
acinus portal
acoustic cortical area
acoustic nerve
acromial

BAHASA MELAYU

abdomen
aorta abdominal
pleksus aorta abdominal
kaviti abdominal
otot transversus abdominis
abdominoperineal
abdominoposterior
abducent
saraf abducent
abduksi
abduktor
otot abduktor digital minimi
otot abduktor hallusis
otot abduktor pollicis brevis
aberran
arteri aberran
duktul aberran
arteri aksesori
ligamen atlantoaksial aksesori
vena sefalik aksesori
vena hemiazygos aksesori
kelenjar lakrimal aksesori
saraf aksesori
saraf obturator aksesori
duktus pankreatik aksesori
kelenjar parotid aksesori
arteri renal aksesori
kelenjar liur aksesori
kelenjar seks aksesori
arteri asetabular
labrum asetabular
asetabulum
asinus portal
kawasan korteks akustik
saraf akustik
akromial

Ruangan ini disediakan dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka.

Untuk pertanyaan sila telefon:
2382511/161/159/158/156/128/127/132/130
2235501/506
Faksimili: 2383769/2380747
Atau Layari Laman Web:
Cistiladbp@Hotmail.Com
Ckamusdbp@Hotmail.Com

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PENDAHULUAN

KARYA ketatanegaraan Melayu - Islam merupakan karya sastera ketatanegaraan yang membicarakan perihal tatacara dan tatasulila bangsa Melayu. Tanpa tatanegara ini, sistem kehidupan sesebuah negara itu tidak terjamin keadailannya. Apa yang terpancar dalam struktur penciptaan karya ketatanegaraan Melayu - Islam ini adalah wajah-wajah masyarakat Melayu yang mengandungi berbagai cerita. Seperti lazimnya, kerajaan-kerajaan di Kepulauan Melayu seperti Melaka, Riau, Pahang, Johor dan juga Brunei ada mempunyai sistem pemerintahan mereka tersendiri. Apa yang jelas, kedatangan Islam telah merubah senario kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Syed Muhammad Naqub Al-Attas (1972:20) menyatakan:

... kedatangan Islam ke Kepulauan Melayu - Indonesia harus kita lihat sebagai mencirikan zaman baru dalam persejarahannya, sebagai semboyan tegas menegaskan satu sistem masyarakat yang berdasarkan kebebasan orang perseorangan, keadilan dan kemuliaan peribadian insan.'

Justeru kedatangan Islam telah merubah corak dan sistem masyarakat yang dulunya lebih berorientasikan kepada kasta dan menganggap raja itu sebagai 'Divaraja' titisan dari dewa-dewa telah berubah dengan kedatangan Islam ke Nusantara. Islam telah merubah 'ketidakadilan' dengan memperkenalkan 'Tauhid' dan kebenaran. Al-Quran dan Al-Hadis merupakan sandaran yang kukuh untuk mencerna keimanan seseorang.

Dalam kesusasteraan Melayu tradisional, terdapat sekumpulan karya yang digolongkan sebagai karya ketatanegaraan. Karya ini dihasilkan oleh para penulis istana Melayu dengan tujuan untuk memberi panduan mengenai tatacara pemerintahan kepada raja-raja dan pembesar negara. Secara umumnya karya sastera ketatanegaraan tersebut mempunyai persamaan dengan ciri-ciri karya yang dikenal sebagai 'Mirror for Princes' dalam tradisi Islam. Apa yang lebih penting kewujudan karya ketatanegaraan Melayu ini merupakan suatu titik awal kepada kemunculan tradisi adab Melayu berhubung erat dengan tradisi adab dalam kesusasteraan Islam.

Jadi, apa yang diperlihatkan dalam karya ketatanegaraan Melayu - Islam ini telah merubah persepsi bernegara yang selama ini dimiliki oleh golongan atasan yang berorientasikan pengaruh Hindu/Buddha dan Pagan. Corak pemerintahan begini telah melahirkan manusia yang melakukan 'ketidakadilan' dalam pemerintahan dan berlaku penindasan. Justeru itu, kedatangan Islam telah men-corakkan hidup yang sempurna, lebih beretika dan beradab.

PENCIPTAAN KARYA KETATANEGARAAN/ADAB

Menurut Jelani Harun (2001:44-49), kemunculan karya ketatanegaraan bukan sahaja memperli-

OLEH HELMI HALIM

hatkan pengaruh 'Mirrors for Princes' dalam kesusasteraan Melayu sekali gus memperkenalkan kaedah penulisan adab kepada orang Melayu. Secara umumnya, penulisan adab bermaksud karya yang memberi pedoman mengenai tingkah laku dan moral manusia, akhlak yang murni dan keperibadian yang mulia yang khususnya disampaikan melalui cerita nasihat dan teladan.

Kaedah penulisan adab tersebut mendapat tempat yang sangat istimewa dalam karya ketatanegaraan iaitu raja dan pembesar negara diberi pelbagai nasihat dan pedoman melalui petikan cerita sejarah, diktik, hikayat atau agama sebagai iktibar untuk mereka melaksanakan urusan pentadbiran kerajaan dengan bijaksana (Ibid: 45). Kitab-kitab adab atau ketatanegaraan dapat ditemui dalam kitab ketatanegaraan yang bertajuk Tajus Salatin yang dikarang oleh Bukhari Al-Jauhari dan Bustanus Al-Salatin yang dikarang oleh Nuruddin Al-Raniri.

KANDUNGAN KITAB TAJUS SALATIN

Menurut Braginsky (1998), penciptaan Taj As-Salatin menjadi bukti mengenai kecendekiawan yang sangat tinggi dari pengarangnya. Ia terhasil setelah Melaka jatuh dan Aceh di Sumatera Utara menjadi Pusat Kebudayaan Melayu dan Penguasaan Islam, pewaris mazhab teologi dan sastera Pasai. Taj As-Salatin yang dikenali sebagai 'Cermine Didaktis' atau hidayah oleh Braginsky, serupa halnya seperti syair Sufi Bahr An-Nisa (syair Laut Perempuan) atau Iktan-ikatan Ilm An-Nisa yang ditulis sebelumnya, barangkali dimaksudkan sebagai persediaan untuk Sultan Aceh, Alauddin Riayat Syah. Sultan yang bertakhta tahun 1589-1604, seorang raja yang tertarik pada ilmu tasawuf dan diberi gelaran sebagai Sayid Al-Makammal.

Jadi, kalau dilihat penghasilan karya ketatanegaraan ini lebih berorientasikan kepada keadilan sejagat. Ada setengah pendapat mengatakan kitab Tajus Sa-

Struktur Penciptaan Karya Ketatanegaraan Melayu - Islam

latin, karya ketatanegaraan Melayu - Islam yang pertama yang ditulis di Aceh pada tahun 1603 oleh Bukhari Al-Jauhari disadur dari khazanah sastera Parsi. Pendapat ini tidak mempunyai bukti yang cukup kerana sifat-sifat dan ciri-ciri Tajus Salatin lebih memperlihatkan ciri kemelayuan dan mempunyai bukti hasil pengarang tempatan. Walau bagaimanapun, kitab ini terpengaruh atau mengambil setengah-setengahnya dari kitab Al-Taj Akhlak Al-Muluk yang bererti Mahkota Bagi Akhlak Raja-raja yang tertulis pada zaman Al-Makmun bin Harun Al-Rasyid. Pengarang juga merujuk kitab Mahisunul Muluk (yang bererti kebaikan-kebaikan raja) dan akhlak Al-Muluk (budi pekerti raja-raja) yang dihasilkan oleh Al-Jahidz, seorang tokoh ulama dan sasterawan Islam.

Namun demikian terdapat juga beberapa lagi kitab-kitab yang disadur dalam Tajus Salatin seperti Akhlak Al-Muhsini dikarang oleh Husin bin Ali Alwais Al-Kasifi (1494/95); Tabihul Ghairin dikarang oleh Sirajuddin Ali Khan (lahir 1489); Siyar-ul Muluk dikarang oleh Wazir Nizam ul-Muluk (lahir 1017/18), Tuhfatul-Wuzara; Kitabul-Asrar dikarang oleh Abu Hamid bin Abu Bakar Ibrahim Faridud-Din Attar (meninggal 1230); Mahmud dan Ayaz dikarang oleh Fakhrud-Din Ali Safi (meninggal 1532/34); Anisi (meninggal 1605/6); Zilali (yang mengerjakannya antara 1593-1615) berdasarkan tiga edisi yang berbeza Khusrau dan Shirin dikarang oleh Fakhrud-Din As'ad Buzauri, Yusuf dan Zulaikha dikarang oleh Firdausi, Abulmu'ayyad Bakhtiyari dalam abad ke-10 (Khalid M. Hussain 1992: xxi).

Kalau ditelaah isi kandungan kitab Tajus Salatin ini (Mana Sikana 1987: 171), kita dapat membayangkan betapa pengarang awal-awal telah mengingatkan kepada semua manusia supaya sentiasa ingat kepada Allah dan asal kejadian manusia. Manusia itu adalah sama dan dijadikan dari tanah. Jadi tujuannya adalah untuk memperingatkan kepada semua golongan mengenai kebesaran Tuhan dan juga tanggungjawab sesama manusia. Cuba perhatikan isi kandungan kitab yang mengandungi 24 bab di bawah ini:

1. Peri manusia mengenal dirinya supaya mengetahui mulanya itu daripada apa dan adanya itu betapa.

2. Peri mengenal Tuhan yang Ia menjadikan alam dan Adam dan lain daripada itu.

3. Dunia itu apa dan dalam kehidupan manusia betapa.

4. Peri kesudahan segala manusia yang nafas akhir namanya pada ketika maut.

5. Peri pangkat kerajaan dan hukuman Sultan dan sebagainya itu.

6. Peri dan perbuatan adil itu.

7. Peri pekerti segala raja yang adil dan cerita segala raja yang mengerjakan pekerjaan itu dengan sebenarnya.

8. Peri segala raja yang kafir dan adil.

9. Peri zalim itu dan perbuatan sekalian yang zalim itu.

10. Peri keadaan segala menteri dan cerita kemuliaan angkat itu.

11. Peri pekerjaan segala penyuruh itu.

12. Peri pekerjaan segala penyuruh itu.

13. Peri segala pegawai raja itu.

14. Peri memelihara anak-anak itu.

15. Peri hemat yang benar itu.

16. Peri budi dan yang berbudi itu.

17. Peri menyatakan segala syarat kerajaan itu.

18. Peri ilmu kiahah dan firasah itu.

19. Tanda kiahah dan firasah itu.

20. Peri segala rakyat yang kafir dengan raja Islam itu.

21. Peri segala rakyat dengan raja Islam itu.

22. Sekhawat dan ihsan itu.

23. Peri wafak dan Ahad itu.

24. Kesudahan kitab yang maha mulia itu.

Apa yang dapat dilihat mesej atau amanat yang hendak disampaikan oleh pengarang betapa asal usul manusia itu dan hubungan dengan Tuhan. Dihuraikan juga tugas dan tanggungjawab raja menteri dan pembesar negara, termasuk pegawai dan pesuruh, soal etika dan juga pemeliharaan anak. Hubungan antara orang Islam dan orang kafir dan kedudukan bernegara. Soalnya. Apa yang disampaikan oleh penulis ini merangkumi soal kehidupan bernegara baik raja, orang atasan dan rakyat jelata (yang terdiri dari orang Islam dan kafir) mempunyai tanggungjawab bersama dalam memajukan negara, memelihara keamanan dan

keadilan.

Ringkasnya tanggungjawab sebagai Muslim hablum minnallah (hubungan dengan Allah) dan hablum minannas (hubungan dengan manusia). Inilah yang ditegaskan oleh Islam supaya mentaati Allah dan tidak berlaku zalim sesama hamba Allah.

KANDUNGAN KITAB BUSTANUS AL-SALATIN

Bustan Al-Salatin (Taman Raja-raja) merupakan salah sebuah karya agung Nuruddin Al-Raniri. Karya ini dikarang di Aceh atas permintaan Sultan Iskandar Thani (1636-1641) dan sekitar tahun 1637 (Jelani Harun 2001: 46). Karya tersebut merupakan karya ketatanegaraan yang paling panjang yang diketahui wujud dalam khazanah kesusasteraan Melayu. Karya ini terdiri daripada tujuh bab dan 60 fasal yang merangkumi pelbagai tema perbincangan. Kitab ini mengandungi tujuh bab di mana ketujuh-tujuh bab adalah seperti berikut:

Bab pertama: Tentang kejadian alam (30 fasal).

Bab kedua: Tentang sejarah nabi-nabi, sejarah raja-raja purba dan sejarah Islam yang faktual (13 fasal).

Bab ketiga: Tentang raja-raja dan menteri-menteri yang adil dan bijaksana (enam fasal).

Bab keempat: Tentang aulia (dua fasal).

Bab kelima: Tentang raja-raja yang zalim dan menteri-menteri yang khianat (dua fasal).

Bab keenam: Tentang sifat keberanian dan pemu-rah (dua fasal).

Bab ketujuh: Tentang akal, ilmu firasat, ilmu perubatan dan sifat-sifat perempuan (lima fasal).

Kitab ini mengandungi kisah mengenai Raja atau khalifah di mana Nuruddin Al-Raniri mengutip beberapa petikan Al-Quran, Hadis dan kata-kata para ulama untuk menunjukkan kepentingan dan kewajipan mereka. Di samping itu, beliau juga memetik kata-kata beberapa ulama dan kata-kata hikmat seperti ahli falsafah Greek seperti Jalinus Hakim (Galen); Aristotalis Halik (Aristotle); Alflatun Hakim (Plato) dan Iskandar Zulkarnain. Umpamanya dalam Bab III terdapat kata-kata Iskandar Zulkarnain seperti:

Iskandar Zulkarnain: "Barang siapa mengubah-kan barang yang dititahkan Rajanya kepadanya atau disalahinya pada barang

yang dititahkannya akan Dia maka sebenarnya atasnya seksa dan kebinaasaan daripada Allah Taala." (Jelani Harun 2001:47).

STRUKTUR PENCIPTAAN

Dari segi penulisan kitab Tajus Salatin ini mempunyai struktur penulisan yang berbeza dengan karya-karya sebelumnya yang lebih mementingkan kepada pendewaan golongan bangsawan dan lebih berkisar kepada golongan istana kerana penulisan dan penceritaan itu sendiri berpusat di Istana dan juga di biara dan para puenda (Siti Hawa Hj. Salleh 1997: 2). Ia lebih bercorak fatwa dan pengajaran/peringatan. Namun terdapat unsur-unsur sastera yang berbentuk ibarat dan berbentuk cerita untuk menarik untuk jadi renungan dan pengajaran. Ia juga menjadi pendorong nilai estetik dalam sastera bila memuatkan petikan-petikan dari karya-karya klasik Arab seperti: Laila dan Majnun, Khasru Wa Shirin, Yusuf dan Zulaikha, Muhammad dan Iyaz (Khalid M. Hussain 1992: xxiii).

Apa yang dapat dilihat dari kitab Tajus Salatin dan Bustan Al-Salatin merupakan saranan dari pengarang agar semua orang termasuk raja, pembesar dan raja melaksanakan keadilan di muka bumi ini. Mereka mestilah menjadi khalifah di muka bumi dengan memakmurkannya.

Menurut Braginsky (1998), terdapat dua prinsip pokok mendasari susunan Tajus Salatin. Yang pertama, terutama hubungan dengan gaya karangan ilmiah prinsip asal dan furu'. Yang kedua iaitu prinsip 'titik fokus'. Titik fokusnya merupakan ide pokok yang mendasari kitab ini iaitu idea keadilan yang dikemukakan di dalam komposisi kearangan melalui pelbagai cara. Termasuk di dalamnya mengenai puji-pujian kepada Tuhan, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabat. Braginsky membahagikan empat bahagian; di mana tiga daripadanya merupakan pokok pembicaraan sementara yang terakhir adalah furu' yang menguatkan tiga pokok tersebut.

Bahagian pertama dalam kitab Tajus Salatin ini terdiri dari empat bab (1 - 4). Ia membicarakan mengenai pengenalan diri, pengenalan khalik, hakikat hidup duniawi dan mengenai nafas terakhir pada saat ajal tiba. Bab ini lebih

berorientasikan kepada mengenal diri dan Tuhan agar mengetahui tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Bahagian kedua terdiri dari lima bab (5 - 9) masing-masing membicarakan mengenai kedudukan raja, keadilan dan perbuatan-perbuatan adil, budi pekerti raja yang adil, raja-raja kafir yang adil, keadilan dan perbuatan raja yang zalim. Bab ini memperincikan mengenai keadilan dengan lebih rinci. Tanggungjawab dan balasan bagi orang melakukan kebaikan dan kejahatan.

Bahagian ketiga terdiri dari empat bab (10 - 13) yang membicarakan mengenai tugas menteri-menteri dan petinggi-petinggi kerajaan seperti juru tulis, utusan, dan pegawai kerajaan lainnya. Pengarang memperlihatkan betapa tanggungjawab raja dan juga pembesar di mana raja harus sentiasa mengadakan mesyuarah bersama penasihatnya yang bijak.

Bahagian keempat iaitu 11 bab yang lebih merupakan cabang kepada perkara pokok di atas. Apa yang penting, bab ini lebih menjurus kepada keadilan yang merupakan tonggak pembicaraan dalam semua bab ini (Braginsky 1998:329-334).

Kalau dilihat keseluruhan struktur Tajus Salatin, Bukhari Al-Jauhari memperlihatkan struktur mahkota yang khas dengan kombinasi dan integrasi dari semua unsur-unsur gubahan dan hiasan di dalam kitab tersebut. Kita juga boleh merumuskan struktur yang terkandung dalam kitab tersebut mengatakan bahawa awal berkenaan asal kejadian manusia (berkenaan Ilmu Usuluddin/Tauhid) tentang mengenal diri dan mengenal Tuhan. Seperti maksud Hadis Qudsi berbunyi: "Barang siapa mengenal dirinya, maka sesungguhnya ia mengenal Tuhannya." Manakala bahagian kedua ialah berkenaan tugas dan tanggungjawab raja, pembesar dan rakyat (berkenaan dengan muamalat/syariat), sementara bahagian ketiga pula berkenaan didikan akhlak (ilmu tasawuf), budi dan ilmu firasat dan seterusnya bahagian akhir mengenai 'muhasabah' diri mengenai kebesaran Illahi dan tanggungjawab semasa hidup di dunia sebagai khalifah Allah di muka bumi.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

KERANAMU TSUNAMI

Bunyi jam melenting di tengah malam
membuka tirai 1 Januari
tradisi tengah malam yang malang terhalang
pesta yang tanpa kesampaian kehadiran
Tsunami
duka melanda jutaan umat
ombak lapar pembunuh bergigi ganas
menelan mangsa yang terkias dan terbias.

Perginya 3.12.2004 tanpa cara
detik hujung kalendar dilupa yang tercela
wajah-wajah murung dan muram pilu sayu
mengharu-biru, tsunami tanpa dijemput
mengamuk
dunia berwajah sinis kejam mengancam
disangkakan dunia menutup tirai terus
terhakis habis
mulut-mulut bisu dan kaku
dan ribuan umat hanyut di laut tersasar
ke darat mati lesu dan tak larat.

Tiada sorak-sorai tahun baru
di dalam ketakutan rimas dan lemas
terkapar-kapar
di padang luas terbentang biasanya lengang
kini tempat saki-baki keluarga
malang ... tinggal bertafakur
yang mati, diratapi ditangisi dan sambil
menunggu hukuman Ilahi
ombak gergasi pembunuh itu masih
mencari-mencari mangsa di mana saja
disimbat ditambah
di dalam rumah, di atas bangunan,
pokok-pokok kayu dan di atas bumbung.

Tahun 2004 direlakan berlalu dengan ribuan
kenangan
tanpa salam perpisahan, tapi penuh ratapan
pukulan pilu
manusia-manusia pasrah tak mungkin mungkir
menerima takdir
berjalan di bumi nyata tak terasa jejak berpijak
dunia seolah petang gelap-gelita ... pekat
semua kehidupan sedia merelakan dengan
kematian
hidup sudah seperti mati sekujur badan
yang kaku
suara-suara hiruk-pikuk di tengah-tengah
korban nyawa itu
merangkak bertiti merungkai mencari
keluarga tersisih terpisah.

Kita kini ke gerbang 1 Januari 2005
selepas gawat dengan senyum dibuat-buat
kehancuran masih menghantui pemikiran
pemikiran yang sudah hampir maghrib
tahun baru ini umur pula menokok senja
fizikal dan mental sering lemah tak terdaya
rumah kata pergi, kubur kata mari.

Ya, selamat tinggal 2004, jangan marah ya!
banyak kenangan pahit manis masih terasa
dan 12 bulan yang berlalu itu
tragedi yang tragis masih kerap mengimbau
mudah-mudahan kepergian bulan dan
tahunmu itu
ada serpihan jasa yang tertinta dan terukir
untuk sebutan warisan bangsa
demi pahit-maung jalan yang dilalui agar
bertambah matang di era baru ini
di esok hari hidup kita belum pasti
marilah bersama menyusun strategi untuk
keselamatan diri
keberhasilan sekadar manapun cabaran
tetap ditandai dengan tangan yang terbuka dari
kesilapan yang lalu.

Inilah sekeping hati yang berjiwa waja
yang pernah dulu diniat dan dinazarkan
untuk tidak akan menyerah kalah di dalam
arena perjuangan hidup.

Berdoalah agar abang dan kakak tsunami
tidak melawat
di Nusantara ini lagi
kalaupun nak hijrah pergilah dan bersalamlah
ke tempat
mereka yang angkuh dan sombong
mereka sering mencabar keesaan-Mu ya Allah.

NASIB

Kita tahu hari ini
bagaimana nasib kita esok?
kalau takdir sempat menyinggahi kita hari esok

kita tidak tahu nasib kita hari lusa, tulat
dan seterusnya
semua orang tahu, nasib dalam saat ini
juga tempoh sebelumnya semalam
kelmarin dan hari-hari berlalu
hari esok kuasa Allah
Allah sudah menyediakan apa akan terjadi
diri kita pada hari esok
bolehkah kita meramal? Atau menyelongkar
takdir sendiri?
mungkin kita esok menjadi kaya-raya
atau .. orang kaya dari segala kaya menjadi
papa-kedana ... muflis
kehidupan itu hanya berfungsi sedetik demi
sesaat
takdir juga yang menentukan noktah
akurlah menerima qadak dan qadar
ingatlah kematian, amalan berada di mana-
mana
segelintir saja manusia yang sedar dari
kiamat kecil
kiamat besar akan tiba, tunggu saja tiap
Jumaat
Tsunami hijrah kepada nasib mereka yang
dijanjikan
tapi, apakah pula bakal terjadi nasib kita
nantih?
banyakkanlah berdoa bersama mengelak dari
bala ancaman dunia.

SEKUNTUM MAWAR

Mengharap seperti menagih janji
mawar tumbuh sekuntum melati
kembangnya pasti di senjakala
jatuh layu apa gunanya
cairlah jiwa kasih dan lara.

Mengapa mudah berputus asa
tumbuh berganti serinya dara
segar terpacul dari puputnya
di tangkai subur kembang nan jati
tanpa terbayang, tapi ...
bagaiakan mimpi.

Daun melambai membelai rasa
segar di hati sirna di mata
siraman hujan sering melanda
kuntum membesar tak payah dijaga
hati ceria tidak tertera
menunggu masa dipetiklah dia
bersatu hati bersatu jiwa.

Bunga yang segar mengandung madu
datang kumbang hinggap di situ
apa lagi hendak ditunggu
biarkan saja bertandang rindu
gembira datang menerjah pilu ...

Haji Mat Noor Matussin

SEKILAS PANDANG ACEH

Setiap hari berita tsunami
melaung-laung di media massa
mengharap bantuan simpati
siapa lagi!
kalau bukan kita bernama manusia.

Sekilas pandang Aceh ...
penderitaan tiada berkesudahan
mengharap kehidupan seperti sediakala
namun sudah suratan takdir Ilahi
penentu segalanya.

Sekilas pandang Aceh ...
mayat bergelimpangan di merata
bagaiakan sampah bertaburan
tiada siapa peduli
bagaiakan tiada penghuni.

Ribuan mangsa tercedera
menderita kesakitan
para doktor tiada termampu
ajal dan maut sedia menanti.

Sekilas pandang Aceh ...
tiada lagi tempat bergantung
hanya tinggal kenangan
segalanya hancur musnah.

Aceh ...
jadi bualan ramai
tinggal sejarah
kisahnya menyayat hati
memilukan
membawa keinsafan

kepada siapa jua melihatnya.

Riniah

AIR

Air ...
kaulah sebahagian besar
sumber kehidupan
kau pelepas dahaga.

Air ...
hadirmu sangat kuperlukan
titismu yang menyejukkan
membuatku tidak dapat hidup
tanpa siramanmu.

Air ...
kadang hadirmu
juga membawa petaka
bagi manusia
kerana arusmu yang begitu deras tak
terbendung
sehingga tidak ada tempat untuk berlindung.

Air ...
hadirmu tidak dapat dihindari
terlalu besar yang kau beri
hingga tidak tertampung di muka bumi
banyak orang mati.

Air ...
lewatmu luahan
amarah Ilahi
kerana manusia serakah
dan tidak tahu diri
tidak bersyukur segala nikmat yang diberi
apa pun yang terjadi atas bencana semua ini
adalah cermin silap diri
segeralah berserah diri pada Ilahi
Yang Maha Suci.

Air ...
hadirmu sangat bererti
kau padamkan bara api
yang berkobar di sana sini.

Deelah

DAMAI DALAM DIAM

Usiamu kini dua puluh satu tahun
seumur dengan anakku
kini anakku sudah matang
dan sudah mengerti erti hidup dan kehidupan.

Negaraku juga sudah matang
pasaknya kukuh berdiri
gagah, megah tersohor di seluruh dunia.

Dalam diam bumiku damai
damai di dalam aman bahagia
sejak negaraku dimerdekakan
dua puluh satu tahun yang lalu.

Kini mengertikah kamu
apa itu merdeka?

Merdeka itu adalah kebebasan
kebebasan dari dibelenggu dan dijajah
tetapi negara kita merdeka berbudaya
bersadarkan hukum Allah yang hakiki berkat
dan daulat pemimpin kita
yang taat pada perintah dan hukum Tuhan.

Bangunlah wahai bangsaku
pertahankan kedaulatan dan kemerdekaan
yang kita kecapi
biar nyawa tergadai
maruah tetap dipertahankan
dalam takwa dan iman..

A. H. Tuah

IKRAR MERDEKA

Merdeka tiba lagi
dari zaman-berzaman
di seluruh pelusuk
Negara Brunei Darussalam
dan di bawah jajahannya
di atas pemimpin ...

Brunei Darussalam
menyambut merdeka

kali ke-21 tahun ...
dengan penuh semangat waja
berikrar taat setia ...
pada raja dan negara
dan bangsa ...
dan agama ...

Merdeka merdeka ...
riuh dan rendah ...
penuh dengan persembahan
aneka warna dan corak .

Ciri-ciri kebruneian dan adat redam ...
lambang perpaduan negara
di bawah naungan Islam Melayu Beraja.

Azzmeee

EMPAYAR

Empayar Sri Vijaya, Majapahit, Melaka
dan Singapura
kerajaan terbesar di Nusantara
raja memerintah beratus kurun
gilang-gemilang
menghilang.

Negara Brunei Darussalam terbilang
rajanya sampai sekarang
cemerlang.

Laut dan pantai Nusantara bergelora
lalu para pedagang asing
berulang datang
Belanda, Portugis dan Inggeris
cuba meluaskan takluk rantau
di Kepulauan Melayu
yang kaya-raya
intan emas suasa
harta pusaka kita
habis dirampas mereka.

Akhirnya Belanda, Portugis dan Inggeris
merasa rimas
dan lemas.

GHAIRAH

Jangan ghairah memandang bintang di langit
pandang dan lihat juga
di luar bangunan
bukit-bukau yang memukau
hutan rimba belantara
penuh dengan binatang berbisa
yang belum diterokai
tinggal berbiar melata
dan panji-panji berkibar megah
di angkasa raya.

Percayalah kalian
engkau pun tahu
cinta manusia terpetak dalam sanubari
mengejar dan berlari ke langit biru.

Bintang-bintang yang bergemerlapan
nun di sana.

LAUT KEHIDUPAN

Semenjak kecil sampai dewasa
apakah engkau lupa!
nasi engkau suap itu keringat petani
dan ikan engkau makan denyutan nafas
nelayan
mengharungi lautan pagi hingga ke senja
mencari sesuap nasi
secangkir kopi
ia di muka lautan
tabah bermain ombak dengan sabar.

Jantung hayat berdegup mengayuh keyakinan
petani bersama sawah dan bendang
nelayan meniti ombak dan gelombang.

Apakah engkau lupa!
nasi engkau suap itu keringat petani
dan ikan engkau makan denyutan
nafas nelayan
yang menjadi nadi negara.

Mahadi R. S.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 9 M A C	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.35	INSIDE THE GRAND PRIX	5.45	BERITA	8.50	DRAMA - 'Menadah Gerlmis'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.00	TELEMED	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.33	AZAN MAGHRIB	9.30	DI BRUNEI
	6.15	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	10.50	HELLO BAKAT	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	SINAR	10.00	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	11.20	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	4.20	SESAME STREET	MALAM	LIPUTAN SEMASA	10.30	SUKAN ANTARABANGSA
					5.20	GILLETTE WORLD OF SPORT	7.00	ECA SR. 2	11.00	COSBY SHOW
							7.30	AZAN ISYAK	11.30	MUTANT X SR. 2 - 'Under The Clock Of War'
							7.42	BERITA NASIONAL	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT
							8.00			
K H A M I S 10 M A C	PAGI			Sambungan	12.00	SIARAN TAMAT	5.35	THE MOST EXTREME 2	8.00	BERITA NASIONAL
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	RANCANGAN HARI INI	PETANG	5.45	BERITA	8.50	AN NUUR - Siaran Langsung	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.02	TELENOVELA - 'Daniella'	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.33	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.00	MASAKAN TRADISI (DAPUR WARISAN SR. 2)	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.45	FIQHUL MIRATS	10.30	DRAMA - 'Yang Tersohor'
	9.00	BERITA	11.30	LIPUTAN SEMASA	4.15	RANCANGAN HARI INI	MALAM	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	WAYANG PILIHAN - 'Murphy's Romance'
	9.15	RAMPAI PAGI - - Ulangan		5.10	ON THE BALL	7.30	WARTA ISLAM	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT	
						7.42	AZAN ISYAK			
J U M A A T 11 M A C	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI		JUMAAT- Siaran Langsung	3.56	TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan	7.30	SEIMBAS SR. 2
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.15	THE LEGEND OF ZORRO	PETANG	5.25	THE SEVEN LITTLE MICE	7.42	AZAN ISYAK	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.50	BEING EVE - Siri Baru	1.30	VISI SUCI	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.15	APA INI APA.ITU	2.00	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung	6.00	LIFE	9.00	TABIR SR. 3
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	2.30	DOKUMENTARI	6.33	AZAN MAGHRIB	9.30	HELLO BAKAT - Ulangan
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	11.45	JEJAK RASUL SR. 9 - Ulangan	3.00	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Teri Jadoo Chat Gaya'	6.45	MUTIARA	10.00	NEWS AT 10
			12.15	RETURN OF THE EPIDEMIC DISEASE			MALAM		10.40	KHUTBAH JUMAAT
			12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.45	AZAN ASAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.55	TELEDRAMA - 'Tok Mudim'
									12.25	DOA DAN SIARAN TAMAT
S A B T U 12 M A C	PAGI		10.05	KIDS HOUR - 'Silver Brumby/Li'l Elvis Jones and The Truckstoppers'	12.32	AZAN ZUHUR	3.44	AZAN ASAR	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN			PETANG	4.10	NATURAL HISTORY	7.00	DUNIA ASIA	
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	10.55	MANAGING GLOBAL BUSINESS	1.00	PANGGUNG PETANG	5.00	KIDS HOUR - 'Chucklewood	7.30	PAN ASIA
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.20	DRAMA - PICAYAKAH INDA - Ulangan		SABTU - 'A Father's Choice'		Critters/Supermodel'	7.42	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	11.30	BERITA	2.25	DOKUMENTARI - Ulangan	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.15	DOKUMENTARI - 'Gendang Si Dundang'	2.50	ODD SPORT	6.10	LATITUDES	8.50	HIBURAN - Bakat 1
	10.00	RANCANGAN HARI INI			3.15	ANDROMEDA	6.33	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
							6.45	PEDOMAN AKIDAH	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Spinning Gasing'
									12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT
A H A D 13 M A C	PAGI		11.00	'Semi Final 2' PIMPING	1.45	Preview ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - Highlight	4.55	KAUNSELING MASYARAKAT	MALAM	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	SUNDAY MATINEE - 'Finding Forester'	2.40	JUARA - Siaran Langsung	5.05	ANIMATION - 'Sleeping Beauty'	7.00	BRUNEI SIUK SR. 4 - Ulangan
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	BERITA	3.15	RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT	5.35	WHAT DO YOU THINK ABOUT THAT?	7.42	AZAN ISYAK
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.45	SUNDAY MATINEE - Sambungan	3.43	AZAN ASAR	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
	9.00	BERITA	12.32	AZAN ZUHUR	4.05	PERTUKARAN RANCANGAN MOU RTB/STV12 - 'Semarak Budaya'	6.10	NERVES OF STEEL	8.50	TIRAI KELUARGA - 'Pilih Menantu'
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG			6.33	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10	
	10.00	RANCANGAN HARI INI	1.15	ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 -			6.45	PENGAJARAN DARI AL-QURAN	10.30	TIRAI KELUARGA - Sambungan
	10.05	BINTANG KECIL 2005 -						10.50	GUARDIAN	
								11.40	DOA DAN SIARAN TAMAT	
I S I N 14 M A C	PAGI		10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.33	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	10.30	LIGA PERDANA
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.00	KALAU DAPUR TAK BERASAP - Ulangan	4.20	ANIMATION - 'Nanook's Great Hunt/Harold And The Purple Crayon'	MALAM	LIPUTAN SEMASA		MALAYSIA 2005 - 'Negara Brunei Darussalam
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.30	BODY AND SOUL		SPORT PAGE	7.00	ORANGE ROOM SR. 3		
	9.00	BERITA	12.00	SIARAN TAMAT	5.15	BERITA	7.30	AZAN ISYAK		
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	PETANG			8.00	BERITA NASIONAL			
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	ANIMALIA - Siri Baru	8.50	DRAMA - 'Woksyop'	11.30	KILL OR CURE
					5.55		9.30	INFO SIHAT	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT
S E L A S A 15 M A C	PAGI		10.02	TELENOVELA- 'Daniella'	4.15	RANCANGAN HARI INI	6.45	AL ISLAM	9.15	E2K - 'Koperasi Kg. Sg. Buloh dan Koperasi PSPN Kg. Pandan'
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	SAJIAN ORIENTAL - Ulangan	4.20	KIDS HOUR - 'Toy Toons/Simon And The Land Of Chalk Drawing'	MALAM	DRAMA - 'Kerisik Di Mata' - Ulangan		
	6.02	TILAWAH AL-QURAN	11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan	5.10	SEA HUNTERS - 'The Makahat: Queen Of The Run Runners'	7.00	DOKUMENTARI - 'Kecapi Irama Etnik'	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	12.00	SIARAN TAMAT		BERITA	7.30	AZAN ISYAK	10.30	WORST CASE
	9.00	BERITA	PETANG		5.45	TALK SHOW	7.44	BERITA NASIONAL		SCENARIO
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.55	AZAN MAGHRIB	8.00	BELIA KITA - 'Dasar Belia Kita'	11.20	DARK SKIES
	10.00	RANCANGAN HARI INI	4.02	TILAWAH AL-QURAN	6.32		8.50		12.10	DOA DAN SIARAN TAMAT

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2004 KPSSU



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman ketika menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada seorang pegawai yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. - Gambar oleh Abdullah HAD.

BERAKAS, 21 Februari. - Seramai 22 orang pegawai dan kakitangan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2004.

Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang disempurnakan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman yang berlangsung di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama di sini.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang adalah bagi

para pegawai dan kakitangan Bahagian III, IV dan V Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Ianya diadakan secara tahunan di Kementerian berkenaan dengan tujuan untuk menghargai dan mengiktiraf mereka yang telah menunjukkan daya kerja yang tinggi, cekap, berdisiplin dan dedikasi sepanjang tahun berkecuali.

Anugerah ini juga diharapkan memberi kesan positif kepada mereka yang terpilih dan akan dapat menyuntik semangat serta menjadi pendorong kepada kakitangan yang lain untuk mengikuti jejak

Oleh
Aliddin Haji Moktal

langkah penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tersebut, di samping boleh menguntungkan individu dan organisasi itu sendiri.

Majlis ini juga diselenggarakan dengan Sambutan Awal Tahun Hijrah 1426 dengan ceramah agama mengenai pengajaran peristiwa Hijrah dengan tajuk Etika Kerja Cemerlang Dalam Perkhidmatan Awam yang disampaikan oleh seorang penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Ali Hassan bin Mohd. Said.

Majlis seterusnya penyampaian cenderahati kepada Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman yang juga bekas Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sebelum bertukar ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan penyampaian sijil penghargaan kepada johan Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Peringkat Kebangsaan Tahun 2004 kepada Kumpulan Orkid dari Jabatan Pertanian dengan projek 'Mempertingkatkan Teknik dan Prosedur Steril Di Peringkat Pengkulturan.'

PERWATAKANNYA sederhana namun tiada siapa yang menduga wanita ini mempunyai semangat yang cecak untuk berjaya dalam perniagaan yang diceburinya bermula sebagai jurujual secara langsung produk kesihatan dan kecantikan, hinggalah sekarang beliau mampu menyewa sebuah ruang kedai di Bangunan Kedai Bumiputera Kuala Belait.

"Berniaga sudah sebatian dengan saya. Minat berniaga sudah bercambah sejak saya kecil lagi tambahan pula ibu saya juga menjalankan perniagaannya sendiri dan secara tidak langsung saya menaruh minat menceburi diri dalam perniagaan ini menurut jejak ibu saya," kata Hajah Sa'emah Haji Zolkifli berusia lingkungan 40-an.

Menurut pandangan beliau memulakan perniagaan bukan semestinya mendapatkan modal yang besar melalui pinjaman, mengubah pekerja, membuka kedai dan pejabat. Perniagaan boleh dimulakan dari rumah dengan diri sendiri sebagai pekerja, sebagai jurujual dan sebagai akauntan.

Beliau yang kini aktif dalam dunia kesihatan dan kecantikan memiliki Salun Amanina Abdul adalah hasil ideanya sendiri yang lebih setahun mengendalikan salunnya. Persaingan memang wujud semen-telah lagi ramai yang tidak tahu akan kewujudan salun Melayu di bangunan komersil tersebut kecuali lah pelanggan tetap dan kenalanannya saja. Walaupun beliau sukar untuk mendapatkan pelanggan namun beliau yakin suatu hari nanti salunnya itu akan tetap diterima dan dikenali.

"Walaupun saya sibuk dengan tugas sampingan yang lain saya akan tetap meluangkan masa setiap hari menjenguk kedai dan tanya pembantu saya macam mana perkembangannya dan dalam apa-apa hal saya tak suka lepas tangan. Kalau dah buat saya akan buat betul-betul," ujar wanita yang berwawasan ini.

Perkara utama bagi beliau untuk berjaya dalam bidang rawatan kecantikan ini ialah keyakinan kerana keyakinan itu penting. "Sekiranya saya tidak yakin dengan produk yang saya jual, saya tidak boleh meyakinkan pelanggan saya. Selain itu, kita juga perlu pandai berkawan. Bagi saya, setiap pelanggan saya adalah kawan

SERIKANDI Kelolaan Dk. Hjh. Saidah PHOA

saya," ujarnya.

"Tidak perlu takut untuk bersaing malahan saya rasa itu adalah persaingan yang sihat. Jika kita berusaha pasti ada hasilnya. Saya dah labur banyak duit dalam bidang ini jadi saya akan pasti lakukan apa yang telah dirancang," ujarnya lagi. Ketika ditanya bagaimana beliau membahagikan masa dengan tugasnya, beliau menyatakan beliau harus bijak membahagikan masa dan tanggungjawab sebagai seorang ibu, isteri dan kerjaya sebagai wartawan media tempatan.

Sebelum memiliki salun beliau terlebih dahulu mengikuti pelbagai kursus dalam bidang rawatan kecantikan sama ada di luar dan di dalam negeri dengan biaya sendiri kerana baginya di mana ada kemahuan di situ ada jalan. Dengan pengalaman yang ada beliau memulakan langkah dengan cecak hati membuka salun kecantikan dan menjual pelbagai produk kesihatan dan kecantikan serta stokis di rumahnya.

Setelah perniagaan beliau menampakkan kemajuan dan mempunyai sambutan dari para pelanggan, beliau akhirnya menyewa ruang kedai yang beliau miliki sekarang. Salun kecantikan beliau melakukan rawatan resdung dengan cara berbekam asap, di samping menyediakan rawatan kulit jeragat, rawatan muka, urut tradisional, sauna aromaterapi,

lulur rempah dan melen-tikkan bulu mata.

Katanya, penjagaan kulit muka terutama dari kesan resdung perlu diam-bil berat sejak awal remaja. Rawatan tradisional berbekam menggunakan batang lilin yang disalut bersama madu untuk mengeluarkan sejenis parasit atau lebih dikenali sebagai ulat resdung mampu mengembalikan seri wajah

Menurut beliau rawatan resdung ini bukanlah seperti bekam biasa kerana tidak menyedut darah secara langsung sebaliknya menggunakan asap dan tidak menyakitkan. Resdung menghasilkan pelbagai gejala hidung dan tidak ketinggalan boleh juga memberikan kesan terhadap tekak, petak suara dan telinga tengah. Salah satu punca resdung disebabkan oleh jangkitan bakteria ke atas hidung dan rongga di sekelilingnya yang dipanggil sinus.

Resdung tidak berjangkit tetapi faktor alam sekitar, pemakanan, alahan dan keturunan boleh menyebabkan seseorang menghidapnya. Antara tanda peringkat awal ialah pesakit berasa gatal pada bahagian mata, hidung, telinga dan tekak. Ini diikuti peringkat akut apabila pesakit selalu bersin, selesema, hidung tersumbat dan sering sakit kepala.

Jika seseorang kerap menghidap selesema, hidung tersumbat dan selalu bersin, merupakan sin-

Peniaga wanita yang gigih

SALUN KECANTIKAN BEKAM ASAP RAWATAN RESDUNG



"MINAT berniaga sudah bercambah sejak saya kecil lagi," kata Hajah Sa'emah yang kini memiliki salun kecantikan Amanina Abdul yang terletak di Bangunan Kedai Bumiputera Kuala Belait.

drom awal bahawa dia mempunyai masalah kerana ketiga-tiga perkara itu adalah sebahagian tanda seseorang itu menghidap resdung, sejenis penyakit yang pada awalnya tidak berbahaya tetapi boleh menjadi serius jika dibiarkan berlarutan.

Pada peringkat kronik, pesakit akan mengalami sakit pada bahagian hidung iaitu di belakang mata, hidung atau dahai, hidung berdarah, terdapat kahak berwarna kekuningan, demam atau seram sejuk pada waktu petang dan gatal pada seluruh badannya.

Menurut kajian pakar kesihatan, Dr. Qu Kui Zin selama 30 tahun melibatkan 906,000 orang pelbagai bangsa, umur dan pekerjaan, resdung adalah penyakit berjangkit yang berpunca daripada hama Demodex, alahan dan bakteria Demodex pada 98 peratus orang dewasa di seluruh dunia.

Demodex tidak dapat dilihat dengan mata kasar,

sakit akan ditanya bahagian muka yang sering mengalami gatal dan tanda-tanda tidak selesa.

Setelah muka dicuci bersih, tiga batang lilin digunakan untuk meng-asap bahagian yang dikesan mempunyai parasit atau ulat resdung. Batang lilin tersebut mengandungi salutan madu lebah yang sememangnya berlainan daripada kandungan bahan batang resdung yang dijual di kedai-kedai.

Batang lilin kemudian dibakar di bahagian hujungnya dan diasapkan perlahan-lahan secara selang-seli ke bahagian muka. Proses mengasap ini dilakukan menyeluruh ke bahagian muka dengan menumpukan kepada bahagian yang bermasalah.

Selepas proses me-

ngeluarkan ulat resdung yang berwarna kuning, muka akan dicuci dengan gel untuk membersihkan kuman. Ini dilakukan setelah liang kulit muka terbuka selepas proses mengasap muka tadi.

Kemudian pesakit disarankan memakai masker dan minyak resdung yang mengandungi bahan-bahan asli seperti habatus sauda dan gamat untuk membunuh kuman. Biarkan selama 10 minit dan muka dicuci. Proses mengasap ini seelok-eloknya dilakukan sebanyak tiga kali.

Begitulah kehidupan Hajah Sa'emah sekarang bukan sahaja ingin terus berjaya sebagai suri rumah, wartawan tetapi juga berjaya mencipta kepuasan sendiri menerusi minatnya melalui perniagaan dalam bidang rawatan kecantikan.



PROSES mengasap bahagian muka yang terlibat menggunakan batang lilin yang dibakar.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.

BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/01/2005 :

TO SUPPLY AND INSTALL CURTAIN COMPLETE WITH ACCESSORIES. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Bendahari, Jalan Tungku Link, Universiti Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 21 Mac 2005**.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak, permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran sahaja, tanpa menunjukkan identiti Pembekal/Pemborong dan ditujukan kepada:-
Pengerusi,
Jawatankuasa 'Ad-Hoc' (Tabung),
Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link BE1410,
Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Bendahari, Universiti Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : UBD/E8/02/2005 DAN UBD/E8/03/2005

BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/02/2005:

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN ASRAMA LELAKI UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan).

BILANGAN TAWARAN : UBD/E8/03/2005:

TAWARAN PERKHIDMATAN KANTIN ASRAMA PEREMPUAN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran \$50.00 (tidak dikembalikan).

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Unit Tawaran dan Sebutarga, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (A), Blok A, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam. Tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 22 Mac 2005**.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pendidikan,
Bahagian Perkhidmatan Kewangan 'A' Blok A, Tingkat 1,
Bangunan Kementerian Pendidikan,
Lapangan Terbang Lama Beakas, Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima bayaran tawaran adalah seperti berikut:-
Isnin - Khamis : 8.00 pagi hingga 11.00 pagi
1.30 petang hingga 2.30 petang
Sabtu : 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
11. Lain-lain perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



**JABATAN PERTANIAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran : JP/TAW/26(A)/2005 DAN JP/TAW/29/2005

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, pada hari **Selasa, 22 Mac 2005**.
JP/TAW/26(A)/2004 :
MEMBEKAL DAN MEMASANG SISTEM PENGAIRAN SECARA RINJIS DAN TITISAN UNTUK PELBAGAI TANAMAN.
JP/TAW/29/2004 :
PENYEWAAN KANTIN DEWAN MUHIBBAH
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
5. Cagaran Tawaran sebanyak B\$ 100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran (bona-fide tender) yang tidak berjaya.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

JAWATAN KOSONG



**JABATAN LEMBAGA BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI**

**JAWATAN : MERINYU BANDARAN KANAN
TANGGAGAJI : C2 EB3 \$1,450 - \$2,270 SEBULAN**

KELAYAKAN :

- a) Mempunyai kelulusan BDTVEC / BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang sains atau bangunan atau alam sekitar atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- b) Mempunyai kelulusan BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan (ND) dalam bidang sains atau bangunan atau alam sekitar atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam bidang yang berkaitan sekurang-kurangnya 5 tahun. ATAU
- c) Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Merinyu Bandaran atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam tanggagaji D1 sekurang-kurangnya 7 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

- 1) Membantu Penolong Setiausaha Bandaran dalam melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan penyeliaan serta penguatkuasaan.
 - 2) Bertanggungjawab kepada aspek penguatkuasaan undang-undang dan hal-hal yang berkaitan dengan peranan Bandaran di kedai-kedai, kawasan lapang, jalan raya, taman-taman dan longkang-longkang yang dianggap sebagai tempat awam.
 - 3) Menyediakan laporan yang berkaitan dengan pelanggaran undang-undang dan peraturan-peraturan secara terperinci dan menyediakan sokongan mengenainya.
- Tarikh tutup permohonan 23 Mac 2005.**



JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : (1) JPMBS/4/05

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebutarga Jabatan Perdana Menteri, Bilik Pentadbiran dan Kenderaan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan BS8610, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari **Rabu, 30 Mac 2005** jam 4.00 petang bagi **Membekalkan Pakaian Seragam Pemandu**.
2. Tawaran ini adalah bagi tahun 2005, borang tawaran dan keterangan lanjut mengenai dengan butir-butir (Specifications) bagi perkara-perkara tersebut di atas bolehlah diperolehi di Jabatan Perdana Menteri, Bilik Pentadbiran dan Kenderaan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, BS8610, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu bekerja.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan "TAWARAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM PEMANDU-PEMANDU JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" tanpa menunjukkan identiti pembekal. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Setiap tawaran hendaklah ada menyatakan dan menyertakan:-
i) Harga tawaran bagi memotong kain warna cream (tidak termasuk kain) dan harga tawaran memotong kain warna putih (termasuk kain).
ii) Tempoh pembekalan (menyediakan pesanan)
iii) Kualiti kain (jenis dan buatan)
iv) Warna kain hanyalah bagi warna putih sahaja, contoh kain hendaklah disertakan.
v) Bilangan Tawaran : (1) JPMBS/4/05 mestilah disertakan.
vi) Sijil Pendaftaran Perniagaan dan Lesen Perniagaan yang diakui sah mestilah disertakan.
5. Segala bayaran berikutan dari pembekalan seperti cukai kastam dan sebagainya adalah ditanggung oleh pembekal itu sendiri.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.



**PEJABAT PENERBANGAN
KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA**

Bilangan Tawaran: HMSF/FF/02-2005

THE MAINTENANCE AND OPERATION OF FUEL STORAGE FACILITY, FUEL HYDRANT SYSTEM, REFUELLER AND COMBI-BOX SYSTEM AT HMSF FUEL FACILITY FOR HIS MAJESTY THE SULTAN'S FLIGHT

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada penender-penender yang berkemahiran dan berdaftar.
2. Dokumen Tawaran yang berharga \$50.00 (tidak dikembalikan) bolehlah diperolehi daripada Pejabat Timbalan Pengarah, Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Lapangan Terbang Antarabangsa, Bandar Seri Begawan, BB2713, Negara Brunei Darussalam.
3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 1, Kementerian Kewangan, Simpan 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari **Isnin, 28 Mac 2005**. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal.
5. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

Awda BELUM MEMBACA Pelita Brunei?

Sila layari Laman Web kami:

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>



**DI DALAM
MAHKAMAH BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 85/2004

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

HAJA MOHAIDEEN BIN SHAIGU ALAUDEEN

(BPIC NO. 109359) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Januari 2005.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 9 Mac 2005 jam 9.30 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 9 Mac 2005 jam 9.30 pagi.

Bertarikh : 17 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 98/2004

HSBC FINANCE (BRUNEI) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

SAHAR BIN JUNA (Police Warrant Card No. 2627)

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penghukuman bertarikh 7 Oktober 2004.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 17 Mac 2005 jam 2.00 petang.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 17 Mac 2005 jam 2.00 petang.

Bertarikh : 8 Februari 2005.

**LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 107/2004

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

**HAMDAN BIN RAMLI
(BYIC NO. 046540)**

..... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Januari 2005.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 9 Mac 2005 jam 9.45 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 9 Mac 2005 jam 9.45 pagi.

Bertarikh : 17 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 109/2004

STANDARD CHARTERED BANK

..... Pemiutang
Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

NG CHOON SENG

(BPIC NO. 30-080385) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Januari 2005.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada 9 Mac 2005 jam 10.00 pagi.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 9 Mac 2005 jam 10.00 pagi.

Bertarikh : 17 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah di-serahsimpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

KEBANKRAPAN NO. 107/2004

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

HAMDAN BIN RAMLI

(BYIC NO. 046540) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Januari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HAMDAN BIN RAMLI
No. 13, Lot. 66, Simpang 120-48-70-17, STKRJ Kampong
Mumong, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 5 Julai 2004.

Bertarikh : 17 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 109/2004

STANDARD CHARTERED BANK

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
LAWAN

NG CHOON SENG

(BPIC NO. 30-080385) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Januari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
NG CHOON SENG
No. 58, Simpang 278-17, Kampong Subok, BD2717,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 28 Julai 2004.

Bertarikh : 17 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

b) Semua Si piutang-si piutang kepada nama Penghutang/Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan segera yang boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang/Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.



**DI DALAM
MAHKAMAH MAJISTRET
KUALA BELAIT**

SAMAN BIL : 56 TAHUN 2002

DI ANTARA

**KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM** Plaintiff

DAN

DAYANG MARIANE BINTI HJ OTHMAN Defenden

NOTIS MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

Kepada : Penghutang Penghakiman yang dinamakan di atas.
Dayang Mariane binti Hj Othman
alamatnya yang terakhir diketahui ialah di
No. 7 Simpang 24-7
Jalan Dipa Negara,
Kampong Mumong, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah yang tersebut di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang menghendaki kamu supaya hadir di Mahkamah di Kuala Belait, pada 14 April 2005 jam 9.00 pagi, untuk memberi sebab mengapa penghakiman yang dijatuhkan dalam kes yang tersebut di atas tidak patut dilaksanakan dengan menahan dan menjual harta alih kamu dan/atau dengan menahan kamu di dalam penjara sebagai banduan sivil.

DAN diperintahkan bahawa penyampaian saman tersebut dilakukan ke atas kamu dengan menyiarkan satu salinan notis pemberitahuan menurut perintah penyampaian ganti ini di dalam 'PELITA BRUNEI' dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sah mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

DAN sila ambil perhatian selanjutnya bahawa jika kamu tidak hadir, waran tangkap atau sesuatu perintah boleh dibuat terhadap kamu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah. Kehadiran kamu boleh diketepikan dengan syarat wang penghakiman yang terhutang kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu \$479.93 berserta dengan faedah 6% setahun mulai dari 3 Februari 2004 hingga tarikh ia dijelaskan sepenuhnya dan kos, dibayar secepatnya.

Bertarikh pada 10 Januari 2005.

**LAILATUL ZUBAIDAH BINTI HJ MUHAMMAD HUSSAIN
Majistret**

SAMAN BIL : 128 TAHUN 2000

DI ANTARA

**KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM** Plaintiff/Pemiutang
Penghakiman

DAN

MOHAMED HUSSAIN BIN SHAIK IBRAHIM Defenden/
(NO K/P : 146215(K)) Penghutang Penghakiman

NOTIS MENURUT PERINTAH PENYAMPAIAN GANTI

Kepada :
Mohamed Hussain bin Shaik Ibrahim
No. 657/A-2
Jalan Pandan Lapan
Kuala Belait
Negara Brunei Darussalam.

SILA ambil perhatian bahawa satu tindakan telah dimulakan terhadap kamu dalam Mahkamah di atas oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Plaintiff, di mana tuntutan Plaintiff ialah berkaitan dengan bayaran telefon sebanyak B\$421.09, faedah pada kadar 6% setahun mulai dari tarikh penghakiman sehingga pembayaran penuh dan kos.

DAN bahawa diperintahkan supaya penyampaian saman dalam tindakan ini kepada kamu dilakukan melalui pemberitahuan ini di 'PELITA BRUNEI' dan bahawa penyampaian tersebut hendaklah dianggap sah mencukupi bagi prosiding ke atas kamu.

TINDAKAN tersebut akan didengar di **Mahkamah Majistret, Kuala Belait, pada 7 April 2005**, jam 9.00 pagi, pada hari itu kamu hendaklah hadir dan jika kamu tidak hadir sama ada sendiri atau melalui seorang wakil yang layak untuk hadir bagi pihak kamu pada masa dan tempat yang disebutkan di atas. Perintah tersebut akan di buat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah.

Bertarikh pada 26 Oktober 2004.

**DK MASNI PG HJ BAHAR
Majistret**

Notis Pemberitahuan menurut Perintah Penyampaian Ganti ini difailkan oleh Jabatan Peguam Negara, Peguambela dan Peguamcara bagi Plaintiff yang alamat penyampaiannya di Jabatan Peguam Negara, Bangunan Undang-Undang, Bandar Seri Begawan BA 1910, Negara Brunei Darussalam.



**DI DALAM
MAHKAMAH TINGGI
BANDAR SERI BEGAWAN**

KEBANKRAPAN NO. 85/2004

STANDARD CHARTERED FINANCE (B) BERHAD

..... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

LAWAN

HAJA MOHAIDEEN BIN SHAIGU ALAUDEEN

(BPIC NO. 109359) Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 6 Januari 2005.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
HAJA MOHAIDEEN BIN SHAIGU ALAUDEEN
Lot. 2170, No. 17, Jalan Jerambak, Seria KB1733,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 21 Jun 2004.

Bertarikh : 17 Februari 2005.

**RAMZIDAH PDKD HAJI ABDUL RAHMAN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**

KEBANKRAPAN NO. 98/2004

HSBC FINANCE (BRUNEI) BERHAD

..... Pemiutang/Pemetisyen

LAWAN

SAHAR BIN JUNA (Police Warrant Card No. 2627)

..... Penghutang/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

a) Sila ambil perhatian bahawa Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Oktober 2004.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
SAHAR BIN JUNA
c/o Sengkurong Police Station,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 3 Ogos 2004.

Bertarikh : 7 Oktober 2004.

**LIM SIEW YEN - Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi**



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (tertakluk kepada alamat yang telah ditetapkan ditetapkan dalam iklan atau Dokumen Tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu boleh dilihat diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut:

Kelas Penender	I	II	III	IV	V		
Dokumen - Kertas	\$10.00	\$25.00	\$50.00	\$250.00	\$500.00	\$1,000.00	\$2,000.00
Dokumen - elektronik	-	-	-	\$155.00	\$280.00	\$530.00	\$1,030.00

6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



BIRO MENEGAH RASUAH JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran : BMR/EG/1/2005

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE PROJECT MANAGEMENT, DESIGN, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF SOFTWARE, HARDWARE AND OTHER RELATED SERVICES FOR THE IMPLEMENTATION OF THE ACB'S INTEGRATED CORRUPTION INFORMATION SYSTEM (i-COINS) FOR ANTI-CORRUPTION BUREAU, PRIME MINISTER'S OFFICE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."
2. Dokumen Tawaran dan keterangan lanjut boleh dilihat diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Tingkat Bawah, Biro Mencegah Rasuah, Bangunan Biro Mencegah Rasuah, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam, dengan pembayaran Yuran Dokumen sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan) pada setiap hari bekerja:
Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi dan 2.00 petang - 3.00 petang, Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi sahaja.
3. Tarikh akhir untuk mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Isnin, 28 Mac 2005.
4. Taklimat tawaran akan diadakan pada hari Khamis, 31 Mac 2005. Hanya syarikat-syarikat yang telah mendapatkan Dokumen Tawaran akan dijemput untuk menghadiri taklimat tersebut. Tempat dan waktu taklimat akan dimaklumkan kemudian.
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut : "THE PROJECT MANAGEMENT, DESIGN, SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, INTEGRATION, TESTING, TRAINING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF SOFTWARE, HARDWARE AND OTHER RELATED SERVICES FOR THE IMPLEMENTATION OF THE ACB'S INTEGRATED CORRUPTION INFORMATION SYSTEM (i-COINS) FOR ANTI-CORRUPTION BUREAU, PRIME MINISTER'S OFFICE, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" tanpa menunjukkan nama atau identiti syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada : Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam peti tawaran, Lembaga Tawaran Kecil yang terdapat di Jabatan Perdana Menteri, Tingkat I, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth 2, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa, 19 April 2005.
6. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan diatas tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V & VI di bawah kategori 1 & 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 19 Mac 2005. Tarikh tutup hari Selasa, 22 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam).

BIL: JKR/DTS/09/STE/2005 - T/V : BANGUNAN DAN JETI PERAHU - PENUMPANG BANGAR, TEMBURONG. Jumlah Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong berdaftar di dalam kelas II, III, & IV kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 21 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Selasa, 22 Mac 2005.

BIL: JKR/DBSKB004/2005 : PENANDA JALAN THERMOPLASTIC DI SEPANJANG JALAN-JALAN UTAMA DI DAERAH BELAIT BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN. No. Projek : 2005DBSKB/B04979-01. Bayaran Tawaran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong berdaftar di dalam kelas III IV & V kategori 4a sahaja. Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 7 Mac 2005. Tarikh tutup hari Selasa, 15 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang.

BIL: JKR/DBSKB002/2005 : KONTRAK PENGAL BAGI 2 TAHUN BAGI KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BEREK-BEREK KERAJAAN UNTUK PENGHUNI BARU DI DAERAH BELAIT. No. Projek : 2005DBSKB/B02703-01. Bayaran Tawaran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di bawah kategori 1 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 26 Mac 2005. Tarikh tutup hari Selasa, 29 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam).

BIL: JKR/DTS/13/BKT/2005 - T/III : KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH TANAH SUSUR DI KAWASAN ISTANA BAITUL ATHIRAH. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong berdaftar di dalam kelas II dan III di kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 21 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Selasa, 22 Mac 2005.

BIL: JKR/DBSEB 002/2005 : MEMBINA TANDAS BAGI MASJID KAMPONG PENGKALAN BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. No. Projek : JKR/2003DBSEB/JUB.07. Jumlah Yuran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V & VI di bawah kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 26 Mac 2005. Tarikh tutup hari Selasa, 29 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam).

BIL: JKR/DTS/11/SAR/2005 - T/V : CADANGAN TAMBAHAN MASJID KAMPONG PENANJONG DAERAH TUTONG. No. Projek : DTS/SAR/M/573. Jumlah Yuran Tawaran : \$500.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong berdaftar di dalam kelas II, III kategori 5h sahaja. Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 14 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Selasa, 15 Mac 2005.



KEMENTERIAN KESIHATAN

- 1) Dokumen-dokumen Tawaran serta penerangan lanjut boleh dilihat diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu bekerja.
- 2) Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :- Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Peti Tawaran, Tingkat Bawah, Kementerian Kesihatan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- 3) Tawaran yang mempunyai rujukan Tawaran Kecil seperti yang di-nyatakan di bawah hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari Selasa, 22 Mac 2005.
- 4) Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 5) Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (wang tidak dikembalikan). Pembayaran Yuran Tawaran hanya boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 Pagi hingga 11.00 pagi dan 2.00 petang hingga 3.00 petang iaitu hari Isnin hingga hari Khamis dan hari Sabtu jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.
- 6) Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.
- 7) Bagi pemborong-pemborong yang menyertai tawaran yang tersebut dibawah ini hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

Sijil Perniagaan Yang Masih Sah Laku

TAWARAN KECIL

BILANGAN TAWARAN : KK / TK / 03 / 2005
INSTALLATION OF COLDSTORE AT MEDICAL STORE, 2ND

BIL: JKR/DBSBM002/2005 : KONTRAK PENGGAL BAGI MENGHAPUS ANAI-ANAI DI PERUMAHAN, SEKOLAH DAN PEJABAT KERAJAAN DI DAERAH BRUNEI MUARA (2005-2007). No. Projek : 2005DBSBM/JKR 01. Yuran Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong berdaftar di dalam kelas III IV & V kategori 2 sahaja. Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 14 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup hari Selasa, 15 Mac 2005.

BIL: JKR/DBSKB003/2005 : PERUMAHAN PUSAT KESIHATAN SUNGAI LIANG, DAERAH BELAIT. No. Projek : JKR/DBSKB003/2005. Bayaran Tawaran : \$250.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dalam kelas IV, V VI sahaja (kategori 3 sahaja).

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Isnin, 14 Mac 2005 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup tawaran tidak lewat hari Selasa, 12 April 2005.

BIL: JKR/DWS/SWD/R - 003/2005 : PEMBEKALAN AIR BSB/MUARA, TUTONG PERINGKAT 6 PEMBINAAN TANGKI-TANGKI SIMPANAN AIR - RIMBA (VOTE NO. : 817-001-003). Yuran Dokumen : \$250.00. Yuran Tawaran : \$250.00. Jumlah Yuran : \$500.00 (Tidak dikembalikan).

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas II, III & IV di bawah kategori 2 sahaja.

Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada hari Sabtu, 12 Mac 2005. Tarikh tutup hari Selasa, 15 Mac 2005 hingga jam 2.00 petang. (Ditutup di Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam).

BIL: JKR/DTS/10/SAR/2005 - T/III : CADANGAN TAMBAHAN MASJID KAMPONG PUTAT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. No. Projek : DTS/SAR/S/013. Jumlah Yuran Tawaran : \$50.00 (Tidak dikembalikan).



JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran: JBS/TDR/01/05

1. TAWARAN-TAWARAN diterima oleh Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Tingkat 7, Bangunan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan BA1211, Negara Brunei Darussalam.

BILANGAN TAWARAN : JBS/TDR/01/05

"TWO (2) YEARS TERM CONTRACT SUPPLY AND DELIVERY OF CALCIUM HYPOCHLORITE (65% DRY CHLORINE) FOR SWIMMING POOL COMPLEX"

Tarikh tutup hari Isnin, 14 Mac 2005. Cagaran : \$ 25.00 (Yuran setiap satu Dokumen tidak dikembalikan).

2. Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat diperolehi dari Tingkat 5 (Bahagian Pemeliharaan dan Operesen, Jabatan Belia dan Sukan) manakala resit pembayaran dari Tingkat 4, Jabatan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan Berakas, BA1211, Negara Brunei Darussalam dari jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan dari jam 2.00 petang hingga 3.00 petang pada setiap hari bekerja.

FLOOR TRANSPORT COMPLEX, RIPAS HOSPITAL

Kelayakan Pemborong / Pembekal:-
Berdaftar dengan Kementerian Pembangunan & Kementerian Kesihatan
Kategori : 5j / 6f Yuran Tawaran \$100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/04/05

THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING AND COMMISSIONING OF A COMPLETE CATEGORY 6 (CAT 6) UTP STRUCTURED CABLING SYSTEM FOR THE NETWORK INFRASTRUCTURE AT MINISTRY OF HEALTH SITE - GROUP-1 Yuran Tawaran \$100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/05/05

THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING AND COMMISSIONING OF A COMPLETE CATEGORY 6 (CAT 6) UTP STRUCTURED CABLING SYSTEM FOR THE NETWORK INFRASTRUCTURE AT MINISTRY OF HEALTH SITE - GROUP-2. Yuran Tawaran \$100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/06/05

THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING AND COMMISSIONING OF A COMPLETE CATEGORY 6 (CAT 6) UTP STRUCTURED CABLING SYSTEM FOR THE NETWORK INFRASTRUCTURE AT MINISTRY OF HEALTH SITE - GROUP-3. Yuran Tawaran \$100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/07/05

THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, DEVELOPMENT, TESTING AND COMMISSIONING OF A COMPLETE CATEGORY 6 (CAT 6) UTP STRUCTURED CABLING SYSTEM FOR THE NETWORK INFRASTRUCTURE AT MINISTRY OF HEALTH SITE - GROUP-4. Yuran Tawaran \$100.00.

BILANGAN TAWARAN : KK/TK/08/05 (SE)

THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF 1 SET PAEDIATRIC SURGERY LAPAROSCOPIC SET AND INTRAOPERATIVE T- PROBE, MULTIFREQUENCY LINEAR ARRAY ULTRASOUND TRANSDUCER. Yuran Tawaran \$100.00.



SURAT PEMBERITAHUAN TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BIDANG-BIDANG UMUM DALAM DAN LUAR NEGERI BAGI SESI 2005/2006 [BILANGAN :14/2005]

PEGAWAI-PEGAWAI, guru-guru dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk dipertimbangkan mengikuti kursus-kursus di peringkat Ijazah Pangkat Doktor, Sarjana, Ijazah Pertama, Diploma Tertinggi Kebangsaan, Diploma dan Sijil melalui Skim-Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh, Cuti Belajar atau Cuti Tidak Bergaji).

SYARAT - SYARAT MEMOHON

Setiap pemohon adalah tertakluk kepada :

- Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang mengawal mengenai dengan Latihan Dalam Perkhidmatan dalam Negeri sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 27/1988 bertarikh 06 September 1988.
- Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang mengawal mengenai dengan Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 2/1991 bertarikh 03 Januari 1991.
- Syarat-syarat bagi penganugerahan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan: 1/2005 bertarikh 12 Januari 2005.

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat berikut :-

1. SYARAT - SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

1.1 PERINGKAT SIJIL / DIPLOMA / DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN (HND) (SENARAI A & B)

- Mempunyai Sijil Perguruan / Pendidikan (daripada kalangan guru).
- Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di luar negeri, syarat-syarat kelayakan minimum akademik mengikut tahap pengajian adalah seperti berikut :
 - Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Sijil hendaklah mempunyai kepujian (kredit) dalam empat (4) mata pelajaran yang berkaitan dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) dan telah berkhidmat dengan Kerajaan minimum tiga (3) tahun dalam jawatan yang bersesuaian, atau Mempunyai Sijil dalam bidang yang berkaitan atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
 - Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Diploma hendaklah mempunyai kepujian (kredit) dalam empat (4) mata pelajaran yang berkaitan dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa (GCE 'O' Level) dan telah berkhidmat dengan Kerajaan minimum tiga (3) tahun dalam jawatan yang bersesuaian, atau Mempunyai Sijil dalam bidang yang berkaitan atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
 - Pemohon yang hendak mengikuti kursus di Peringkat Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) hendaklah lulus sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran dalam Peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level) atau dalam peperiksaan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, atau Diploma Kebangsaan Biasa.
- Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di dalam negeri, syarat-syarat kelayakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi-institusi pengajian berkenaan.
- Tempoh kursus adalah di antara satu (1) hingga dua (2) tahun. Sebarang tempoh tambahan adalah tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

1.2 PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (FIRST DEGREE) (SENARAI C)

- Mempunyai Sijil Perguruan / Pendidikan (daripada kalangan guru).
- Lulus sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran Sijil Am Brunei Cambridge Peringkat Lanjutan (GCE 'A' Level) dan kredit dalam tiga (3) mata pelajaran di peringkat Biasa (GCE 'O' Level) termasuk Bahasa Melayu.
- Bagi kursus-kursus yang akan diikuti di dalam negeri, syarat-syarat kelayakan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh institusi-institusi pengajian berkenaan.
- Tempoh kursus tidak kurang daripada tiga (3) tahun seperti yang dinyatakan dalam Surat Keliling Kementerian Pendidikan bilangan: 1/60/89 bertarikh 02 November 1989.

1.3 PERINGKAT IJAZAH SARJANA / IJAZAH PANGKAT DOKTOR (MASTER / Ph.D) (SENARAI D)

- Bagi pemohon Ijazah Sarjana hendaklah mempunyai Ijazah Pertama dan pemohon Ijazah Pangkat Doktor hendaklah mempunyai Ijazah Sarjana yang diperolehi dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan pada masa ini.
- Bidang kursus yang akan diikuti mestilah bersesuaian dengan tugas-tugas yang sedang dijalankan oleh pemohon dan memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Kursus / Pengajian di peringkat Ijazah Sarjana mestilah berbentuk disertasi dan / atau peperiksaan.
- Jika memilih disertasi atau tesis, tajuk mestilah bersesuaian dengan keperluan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dikehendaki menyertakan cadangan bidang kajian dan jadual rancangan-rancangan penyelidikan bersama borang permohonan. (Perhatian: Cadangan hendaklah bersesuaian dan diluluskan oleh Ketua Jabatan) Jika diberi anugerah Latihan Dalam Perkhidmatan, sebarang perubahan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Tempoh kursus adalah seperti yang ditetapkan oleh institusi pengajian berkenaan dan tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

2. SYARAT - SYARAT LAIN

- Pemohon dimestikan mempunyai kelulusan Bahasa Inggeris seperti di bawah, jika kursus yang diikuti membawa kelulusan tambahan yang bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris:-
 - Minimum kredit gred enam (6) dalam Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau peperiksaan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya, atau
 - Memperolehi kelulusan International English Language Testing System (IELTS) selepas 01 Mei 2003 dengan mendapat minimum Band enam (6) jurusan akademik bagi kursus di tahap Ijazah dan ke atas dan jurusan general bagi kursus di tahap Diploma Tertinggi Kebangsaan dan ke bawah, atau
 - Kelulusan 'The Certificate for Communication in Technical English' dari City and Guilds of London Institute, atau
 - The University Entrance Test in English for Speakers of other Languages dari Joint Matriculation Board (JMB) dengan markah pencapaian sekurang-kurangnya lima (5) atau gred B.
- Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh institusi pengajian

di luar negeri, pegawai yang mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau yang lebih tinggi dalam bahasa pengantar Bahasa Inggeris adalah terkecuali dari syarat-syarat yang dikehendaki di perenggan 2.1.

- Pemohon hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (tahun 2002, 2003 dan 2004) sekurang-kurangnya pada tahap:-
 - Sangat Baik bagi kursus Ijazah Pangkat Doktor (Ph.D).
 - Sangat Baik (dua tahun) dan Baik (satu tahun) bagi Ijazah Sarjana / Diploma Lulusan Ijazah atau Iktisat.
 - Baik bagi mengikuti Ijazah Pertama atau Iktisat / Diploma Tertinggi Kebangsaan / Diploma atau Sijil.
- Pemohon yang tidak memenuhi syarat di atas masih boleh dipertimbangkan jika:-
 - Jawatan yang skim perkhidmatan atau skim latihannya memerlukan pemegang jawatan tersebut mengikuti kursus.
 - Pegawai berkenaan dicadangkan untuk disokong bagi rancangan penggantian pegawai berkontrak atau yang akan bersara.
- Pemohon yang pernah mengikuti kursus lebih daripada enam (6) bulan sama ada sepenuh masa atau separuh masa dalam dan luar negeri boleh dipertimbangkan mengikuti kursus baru jika:-
 - Pemohon telah balik berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum tarikh kursus baru dijangka bermula.
 - Jawatan yang skim perkhidmatan atau skim latihannya memerlukan pemegang jawatan tersebut mengikuti kursus, atau
 - Pegawai berkenaan dicadangkan untuk disokong bagi rancangan penggantian pegawai berkontrak atau yang akan bersara.
- Pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih baik, mempunyai pengalaman dalam bidang yang dipohonkan serta aktif dalam kokurikular sekolah atau kemasyarakatan akan diberikan keutamaan.
- Pemohon adalah dikehendaki untuk mendapatkan tempat belajar lebih awal daripada institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi kursus yang mereka pohonkan. Walau bagaimanapun, penerimaan tempat belajar daripada institusi tersebut tidak semestinya secara automatik akan melayakkan pemohon mendapat sokongan bagi mengikuti kursus tersebut.
- Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam berhak menempatkan pemohon di mana-mana institusi yang bersesuaian sama ada di dalam atau di luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan dan berhak juga menukar ke mana-mana kursus lain dari yang dipohonkan mengikut keutamaan / keperluan Kementerian Pendidikan. Ini adalah juga tertakluk kepada tawaran tempat belajar. Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga berhak untuk menetapkan jumlah keramaian pemohon yang mengikuti bidang kursus yang sama di satu institusi pengajian di luar negeri.
- Pemohon yang terpilih dan berjaya menamatkan kursus yang diikuti mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan.
- Pemohon yang telah menamatkan kursus adalah dikehendaki balik dan melapor diri ke Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam sebaik sahaja tempoh kursus tersebut berakhir.

- CARA MEMOHON**
 - Setiap pemohon mestilah melengkapkan borang-borang berikut:-
 - Borang Latihan Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Borang Khas, Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan.
 - Borang UBD, jika memohon ke Universiti Brunei Darussalam. Borang-borang ini boleh didapati dari:- Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Bilik A313, Tingkat Tiga, Blok A, Kementerian Pendidikan, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.
 - Setiap pemohon mestilah mengembalikan borang-borang permohonan yang telah diisi dengan lengkap berserta salinan sijil-sijil yang telah disahkan dan maklumat-maklumat berkaitan kepada Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar masing-masing.
 - Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar hendaklah menghadap borang-borang permohonan tersebut beserta dengan perkara-perkara yang berkaitan kepada Ketua Jabatan / Pengarah masing-masing. Jabatan berkenaan dikehendaki membuat sokongan bagi permohonan-permohonan berkenaan dan menghadapkannya ke Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan. Permohonan yang tidak disalurkan melalui saluran di atas tidak akan dilayan.
 - Tarikh tutup permohonan ialah sebelum atau pada **28 Mac 2005**.
 - Ketua Jabatan / Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar mestilah memberikan satu laporan sulit dan menyertakan dua (2) salinan laporan Penilaian Prestasi Kerja bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (tahun 2002, 2003 dan 2004) bagi setiap permohonan yang berkenaan.

- PERINGATAN**
 - Pemohonan yang lewat diterima dan/atau tidak lengkap tidak akan dilayan.
 - Bagi pemohon kursus ke luar negeri, borang yang telah dilengkapkan hendaklah disertakan dengan perkara-perkara berikut (berkaitan dengan kursus yang akan diikuti sebelum dihadapkan kepada Ketua Jabatan):-
 - Isi kandungan kursus.
 - Tarikh mula dan tempoh sebenar kursus
 - Yuran pengajian dan
 - Surat tawaran penerimaan tempat belajar daripada institusi pengajian, jika ada.
 (Perhatian: Bagi yang belum ditawarkan, pemohon-pemohon hanya akan dipertimbangkan jika menghadapkan surat tawaran satu setengah (1½) bulan sebelum tarikh kursus bermula)
 - Lebih umur bagi setiap pemohon selepas berkursus mestilah mencukupi untuk menghabiskan tempoh ikatan (bond) dengan Kerajaan sebelum bersara pada umur 55 tahun sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri rujukan: 27/1988 bertarikh 06 September 1988 dan Surat Keliling rujukan: 2/1991 bertarikh 03 Januari 1991.
 - Pemohon mestilah juga memenuhi tempoh ikatan yang telah ditetapkan serta mempunyai dua (2) tahun lebih tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan setelah menamatkan tempoh ikatan (bond) sebagaimana Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan: 23/97 bertarikh 27 Disember 1997. Pemohon yang dianugerah latihan dalam perkhidmatan tetapi gagal dan tidak dibenarkan mengulang atau tidak berhajat untuk meneruskan pengajiannya hanya akan dipertimbangkan mengikuti kursus baru, setelah balik berkhidmat sekurang-kurangnya empat (4) tahun pada tarikh kursus dijangka bermula.
 - Pemohon yang dianugerah latihan dalam perkhidmatan, yang gagal dalam peperiksaan kali pertama dan dibenarkan mengulang hendaklah meneruskan pengajian dengan kursus yang sama ditetapkan yang sama dengan tidak dibenarkan menagguhkan kursus. Skim latihan akan diturunkan jika pemohon berkenaan memohon untuk melanjutkan tempoh kursus dari kebenaran asal.
 - Pemohon yang didapati gagal bagi kali kedua setelah mengulang melalui anugerah latihan dalam perkhidmatan tidak akan dipertimbangkan dan seterusnya biasiswa latihan dalam perkhidmatan akan ditamatkan.

4.8 Pemohon yang menarik diri setelah memulakan kursus hanya akan dipertimbangkan mengikuti kursus baru setelah berkhidmat semula sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kursus dijangka bermula.

4.9 Tempoh Skim Latihan Dalam Perkhidmatan hanya dibenarkan menurut tempoh asal minimum yang ditetapkan oleh institusi pengajian yang berkenaan.

4.10 Pemohon wanita yang didapati mengandung sebelum atau semasa mengikuti kursus boleh menghadapkan permohonan untuk menangguhkan kursus. Walau bagaimanapun Skim latihan dalam perkhidmatan bagi sebarang perlanjutan tempoh kursus yang diperlukan akan ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kemudian.

4.11 Pegawai yang memohon untuk mengikuti kursus di luar negeri tidak akan dipertimbangkan jika tajuk atau isi kandungan kursus adalah sama atau sebanding dengan kursus yang dikendalikan di institusi-institusi pengajian dalam negeri kecuali:

- Kursus sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Pangkat Doktor (Ph.D), Sarjana, Diploma Lulusan Ijazah atau Iktisat;
- Bidang pengajian yang diperlukan dan diutamakan;
- Institusi pengajian yang berstatus dan temama.

4.12 Sebarang pertukaran kursus dan / atau tempat yang telah mendapat kebenaran dan telah dimaklumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam tidak akan dilayan.

4.13 Pemohon yang sudah mempunyai Ijazah Pertama atau Ijazah Sarjana tidak akan dipertimbangkan untuk mengikuti kursus di tahap yang sama.

4.14 Jika perlu, pemohon yang disenarai pendekkan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka akan diberitahu kemudian berhubung dengan tarikh, masa dan tempat temu duga.

4.15 Pemohon yang berjaya mendapat sokongan penganugerahan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh / Cuti Belajar / Cuti Tidak Bergaji mestilah patuh kepada Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat yang mengawal mengenai dengan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri dari semasa kesemasa.

SENARAI KURSUS-KURSUS LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN BAGI SESI 2005 / 2006

SENARAI A

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT SIJIL

1 Education / Pendidikan Pengkhususan dalam bidang-bidang berikut:

- Pendidikan Jasmani
- Mathematics
- Science
- Art & Craft
- Bahasa Inggeris (Sebagai Bahasa Kedua)
- Bahasa Melayu (Sebagai Bahasa Pertama)
- Teknologi Pendidikan
- Multimedia
- Pengurusan / Pentadbiran Organisasi
- Pengurusan dalam Pendidikan
- Kaedah Pengajaran Bahasa Arab
- Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan

SENARAI B

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT DIPLOMA / ADVANCED DIPLOMA / DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN (HND)

BIL SENARAI KURSUS

1 Education / Pendidikan Pengkhususan dalam bidang-bidang berikut:

- Pendidikan Khas
- Pendidikan Jasmani
- Art & Craft
- Bahasa Melayu (Sebagai Bahasa Pertama)
- Teknologi Pendidikan
- Science Laboratory Technicians / Computer Technology / Computer Laboratory Technician
- Information Technology
- Kaedah Pengajaran Bahasa Arab
- Post Production (Audio / Video)
- Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan

SENARAI C

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (FIRST DEGREE)

1 Budgeting

- Estate Management
- Pengurusan Teknologi Maklumat
- Education / Pendidikan Pengkhususan dalam bidang-bidang berikut:
 - Bimbingan dan Kaunseling
 - Educational Technology in Science and Mathematics
 - Art & Craft
 - Woodwork
 - Home Science
 - Social Studies
- Entrepreneurship
- Design and Technology
- Computer Studies
- Law Studies
- Graphic and Design
- Multimedia
- Language and Communication
- Communication Design
- Commerce
- Principal of Account
- Pengurusan dan Pentadbiran Organisasi
- Human Resource Development
- Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan

SENARAI D

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA / IJAZAH PANGKAT DOKTOR (MASTER/DOCTORATE DEGREE)

1 Education / Pendidikan Pengkhususan dalam bidang-bidang berikut:

- Information Technology
- Bahasa Melayu (Sebagai Bahasa Pertama)
- Bahasa Inggeris (Sebagai Bahasa Kedua)
- Pendidikan Khas
- Bimbingan dan Kaunseling
- Human Resource Development / Management / Planning
- Master in Business Administration
- Health Management
- Kejurulatihan Sukan
- Curriculum Planning
- Perancangan Perkembangan Kurikulum
- Pendidikan (Pembinaan Bahan-Bahan Pengajaran dan Pembelajaran)
- Pengajian / Pendidikan Islam
- Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan

PERINGATAN

Mana-mana kursus yang dicadangkan untuk keluar negeri tetapi ada ditawarkan di institusi-institusi dalam negeri, permohonan kursus tersebut akan disalurkan ke dalam negeri.



SURAT PEMBERITAHUAN TAWARAN BAGI MENGIKUTI KURSUS LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN (BIDANG-BIDANG KEJURURAWATAN, TEKNIK DAN VOKASIONAL) DALAM DAN LUAR NEGERI BAGI SESI 2005/2006 [BILANGAN: 15 / 2005]

PEGAWAI-PEGAWAI, guru-guru, pengajar-pengajar dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk dipertimbangkan mengikuti kursus-kursus di peringkat Ijazah Pangkat Doktor, Sarjana, Ijazah Pertama, Diploma Tertinggi Kebangsaan, Diploma dan Sijil melalui Skim-Skim Latihan Dalam Perkhidmatan (Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh atau Cuti Belajar atau Cuti Tidak Bergaji).

SYARAT - SYARAT MEMOHON

Setiap pemohon adalah tertakluk kepada:

- Peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang mengawal mengenai Latihan Dalam Perkhidmatan dalam Negeri sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 27/1988 bertarikh 06 September 1988.
- Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang mengawal mengenai Latihan Dalam Perkhidmatan Seberang Laut sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan: 2/1991 bertarikh 03 Januari 1991.
- Syarat-syarat bagi penganugerahan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam bilangan: 1/2005 bertarikh 12 Januari 2005.

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat berikut: -

1 SYARAT - SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

1.1 PERINGKAT SIJIL / SIJIL TERTINGGI KEBANGSAAN (HNC) / DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN (HND) (SENARAI I)

- Mempunyai kelulusan satu (1) mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge yang berkaitan pada peringkat lanjutan atau Mempunyai BTEC National Certificate / Diploma atau Mempunyai CGLI Advanced Craft Certificate dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun atau Mempunyai kelulusan yang sebanding dengan kelulusan-kelulusan seperti di atas dan tertakluk kepada pertimbangan Kementerian Pendidikan
- Kelulusan-kelulusan yang dikehendaki oleh institusi pengajian berkenaan.
- Keutamaan akan diberi kepada pemohon yang lulus sekurang-kurangnya gred enam (6) mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education, Penilaian Menengah Bawah atau yang sebanding dengannya.
- Tempoh kursus adalah diantara satu (1) hingga dua (2) tahun dan tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

1.2 PERINGKAT SIJIL / DIPLOMA DALAM BIDANG KEJURURAWATAN (SENARAI II)

- Mempunyai Sijil Jururawat Am.
- Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan dengan kepujian sebanyak empat (4) mata pelajaran yang berkaitan di peringkat biasa (G.C.E. 'O' Level) termasuk Bahasa Melayu.
- Kelulusan-kelulusan yang dikehendaki oleh institusi pengajian berkenaan.
- Tempoh kursus adalah diantara enam (6) bulan hingga dua (2) tahun dan tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

1.3 PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DALAM BIDANG TEKNIK (SENARAI III)

- Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (Higher National Diploma) atau Sijil Tertinggi Kebangsaan (Higher National Certificate) atau kelulusan yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya.
- Kelulusan-kelulusan yang dikehendaki oleh institusi pengajian berkenaan.
- Tempoh kursus tidak kurang daripada tiga (3) tahun seperti yang dinyatakan dalam Surat Keliling Kementerian Pendidikan bilangan: 1/60/89 bertarikh 02 November 1989.

1.4 PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DALAM BIDANG KEJURURAWATAN (SENARAI IV)

- Mempunyai Sijil Jururawat Am.
- Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan dua mata pelajaran di Peringkat Lanjutan (G.C.E. 'A' Level) dan tiga (3) kredit dalam mata pelajaran di Peringkat Biasa (G.C.E. 'O' Level) termasuk Bahasa Melayu.
- Mempunyai pengalaman dalam bidang kejururawatan selama tidak kurang dari lima (5) tahun.
- Kelulusan-kelulusan yang dikehendaki oleh institusi pengajian berkenaan.
- Tempoh kursus tidak kurang daripada tiga (3) tahun seperti yang dinyatakan dalam Surat Keliling Kementerian Pendidikan bilangan: 1/60/89 bertarikh 02 November 1989.

1.5 PERINGKAT IJAZAH SARJANA / IJAZAH PANGKAT DOKTOR (MASTERS / Ph.D) (SENARAI V)

- Bagi pemohon Ijazah Sarjana hendaklah mempunyai Ijazah Pertama dan pemohon Ijazah Pangkat Doktor hendaklah mempunyai Ijazah Sarjana yang diperolehi dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan pada masa ini.
- Bidang kursus yang akan diikuti mestilah bersesuaian dengan tugas-tugas yang sedang dijalankan oleh pemohon dan memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Kursus / Pengajian di peringkat Ijazah Sarjana mestilah berbentuk disertasi dan atau peperiksaan.
- Jika memilih disertasi atau tesis, tajuk kajian mestilah berkaitan dengan keperluan Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon adalah dikehendaki menyertakan cadangan bidang kajian dan jadual rancangan-rancangan penyelidikan bersama borang permohonan. (Perhatian: Cadangan hendaklah bersesuaian dan diluluskan oleh Ketua Jabatan). Jika diberi anugerah Latihan Dalam Perkhidmatan, sebarang perubahan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.
- Tempoh kursus adalah seperti yang ditetapkan oleh institusi pengajian berkenaan dan tertakluk kepada kebenaran dari Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

2 SYARAT - SYARAT LAIN

- Pemohon dimestikan mempunyai kelulusan Bahasa Inggeris seperti di bawah, jika kursus yang diikuti membawa kelulusan tambahan yang bahasa pengantarnya Bahasa Inggeris:
 - ★ Minimum kredit gred enam (6) dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau peperiksaan awam yang diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sebanding dengannya. atau
 - ★ Memperolehi kelulusan International English Language Testing System (IELTS) selepas 01 Mei 2003 dengan mendapat minimum Band enam (6) jurusan akademik bagi kursus di tahap Ijazah dan ke atas dan jurusan general bagi kursus di tahap Diploma Tertinggi Kebangsaan dan ke bawah. atau

- ★ Kelulusan the Certificate For Communication in Technical English dari City and Guilds of London Institute. atau
 - ★ The University Entrance Test in English for Speakers of other Languages dari Joint Matriculation Board (JMB) dengan markah pencapaian sekurang-kurangnya lima (5) atau gred B.
- Tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh institusi pengajian di luar negeri, pegawai yang mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau yang lebih tinggi dalam bahasa pengantar Bahasa Inggeris adalah terkecuali dari syarat-syarat yang dikehendaki di perenggan 2.1.
 - Pemohon hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (tahun 2002, 2003 dan 2004) sekurang-kurangnya pada tahap:
 - Sangat Baik bagi kursus Ijazah Pangkat Doktor (Ph.D).
 - Sangat Baik (dua tahun) dan Baik (satu tahun) bagi Ijazah Sarjana / Diploma Lepas Ijazah atau Iktisias.
 - Baik bagi mengikuti Ijazah Pertama atau Iktisias / Diploma Tertinggi Kebangsaan / Diploma atau Sijil.
 - Pemohon yang tidak memenuhi syarat di atas masih boleh dipertimbangkan jika:-
 - Jawatan yang skim perkhidmatan atau skim latihannya memerlukan pemegang jawatan tersebut mengikuti kursus.
 - Pegawai berkenaan dicadangkan untuk disokong bagi rancangan penggantian pegawai berkontrak atau yang akan bersara.
 - Pemohon yang pernah mengikuti kursus lebih daripada enam (6) bulan sama ada sepenuh masa atau separuh masa dalam dan luar negeri boleh dipertimbangkan mengikuti kursus baru jika:
 - Pemohon telah balik berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebelum tarikh kursus baru dijangka bermula.
 - Jawatan yang skim perkhidmatan atau skim latihannya memerlukan pemegang jawatan tersebut mengikuti kursus, atau
 - Pegawai berkenaan dicadangkan untuk disokong bagi rancangan penggantian pegawai berkontrak atau yang akan bersara.
 - Pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih baik, mempunyai pengalaman dalam bidang yang dipohonkan serta aktif dalam kokurikular sekolah atau kemasyarakatan akan diberikan keutamaan.
 - Pemohon adalah dikehendaki untuk mendapatkan tempat belajar lebih awal daripada institusi pengajian yang diiktiraf oleh Kerajaan bagi kursus yang mereka pohonkan. Walau bagaimanapun, penerimaan tempat belajar daripada institusi tersebut tidak semestinya secara automatik akan melayakkan pemohon mendapatkan sokongan bagi mengikuti kursus tersebut.
 - Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam berhak menempatkan pemohon di mana-mana institusi yang bersesuaian sama ada di dalam atau di luar negeri yang diiktiraf oleh Kerajaan dan berhak juga menukar ke mana-mana kursus lain dari yang dipohonkan mengikut keutamaan / keperluan Kementerian Pendidikan. Ini adalah juga tertakluk kepada tawaran tempat belajar. Kementerian Pendidikan dan Jabatan Perkhidmatan Awam juga berhak untuk menetapkan jumlah kementerian pemohon yang mengikuti bidang kursus yang sama di satu institusi pengajian di luar negeri.
 - Pemohon yang terpilih dan berjaya menamatkan kursus yang diikuti mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan.
 - Pemohon yang telah menamatkan kursus adalah dikehendaki balik dan melapor diri ke Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan sebaik sahaja tempoh kursus tersebut berakhir.

3 CARA MEMOHON

- Setiap pemohon mestilah melengkapkan borang-borang berikut:
 - Borang Latihan Dalam Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Borang Khas, Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan.
 - Borang UBD, jika memohon ke Universiti Brunei Darussalam. Borang-borang ini boleh didapati dari:- Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Bilik A313, Tingkat Tiga, Blok A, Kementerian Pendidikan, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.
- Setiap pemohon mestilah mengembalikan borang-borang permohonan yang telah disahkan dengan lengkap berserta salinan sijil-sijil yang telah disahkan dan maklumat-maklumat berkaitan kepada Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar masing-masing.
- Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar hendaklah menyerahkan borang-borang permohonan tersebut beserta dengan perkara-perkara yang berkaitan kepada Ketua Jabatan / Pengarah masing-masing. Jabatan berkenaan dikehendaki membuat sokongan bagi permohonan-permohonan berkenaan dan menghadapkannya ke Bahagian Latihan, Unit Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan. Permohonan yang tidak disalurkan melalui saluran di atas tidak akan dilayan.
- Tarikh tutup permohonan ialah sebelum atau pada **28 Mac 2005**
- Ketua Jabatan / Ketua Bahagian / Pengetua / Guru Besar mestilah memberikan satu laporan sulit dan menyertakan dua (2) salinan laporan Penilaian Prestasi Kerja bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan (tahun 2002, 2003 dan 2004) bagi setiap permohonan yang berkenaan.

4 PERINGATAN

- Permohonan yang lewat diterima dan/atau tidak lengkap tidak akan dilayan.
- Bagi pemohon kursus ke luar negeri, borang yang telah dilengkapkan hendaklah disertakan dengan perkara-perkara berikut (berkaitan dengan kursus yang akan diikuti sebelum dihadapkan kepada Ketua Jabatan):-
 - Isi kandungan kursus.
 - Tarikh mula dan tempoh sebenar kursus
 - Yuran pengajian dan
 - Surat tawaran penerimaan tempat belajar daripada institusi pengajian, jika ada.
 (Perhatian: Bagi yang belum ditawarkan, pemohon-pemohon hanya akan dipertimbangkan jika menghadapkan surat tawaran satu setengah (1½) bulan sebelum tarikh kursus bermula)
- Lebih umur bagi setiap pemohon selepas berkursus mestilah mencukupi untuk menghabiskan tempoh ikatjanji (bond) dengan Kerajaan sebelum bersara pada umur 55 tahun sebagaimana Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri rujukan: 27/1988 bertarikh 06 September 1988 dan Surat Keliling rujukan: 2/1991 bertarikh 03 Januari 1991.
- Pemohon mestilah juga memenuhi tempoh ikatjanji yang telah ditetapkan serta mempunyai dua (2) tahun lebih tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan setelah menamatkan tempoh ikatjanji (bond) sebagaimana Surat Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam rujukan: 23/97 bertarikh 27 Disember 1997.
- Pemohon yang dianugerah latihan dalam perkhidmatan tetapi gagal dan tidak dibenarkan mengulang atau tidak berhajat untuk meneruskan pengajiannya hanya akan dipertimbangkan mengikuti kursus baru, setelah balik berkhidmat sekurang-kurangnya empat (4) tahun pada tarikh kursus dijangka bermula.
- Pemohon yang dianugerah latihan dalam perkhidmatan, yang gagal dalam peperiksaan kali pertama dan dibenarkan mengulang hendaklah meneruskan pengajian dengan kursus yang sama

ditempat yang sama dengan tidak dibenarkan menanggukkan kursus. Skim latihan akan diturunkan jika pemohon berkenaan memohon untuk melanjutkan tempoh kursus dari kebenaran asal.

- Pemohon yang didapati gagal bagi kali kedua setelah mengulang melalui anugerah latihan dalam perkhidmatan tidak akan dipertimbangkan dan seterusnya biasiswa latihan dalam perkhidmatan akan ditamatkan.
- Pemohon yang menarik diri setelah memulakan kursus hanya akan dipertimbangkan mengikuti kursus baru setelah berkhidmat semula sekurang-kurangnya enam (6) tahun pada tarikh kursus dijangka bermula.
- Tempoh Skim Latihan Dalam Perkhidmatan hanya dibenarkan menurut tempoh asal minimum yang ditetapkan oleh institusi pengajian yang berkenaan.
- Pemohon wanita yang didapati mengandung sebelum atau semasa mengikuti kursus boleh menghadapkan permohonan untuk menanggukkan kursus. Walau bagaimanapun Skim latihan dalam perkhidmatan bagi sebarang perlanjutan tempoh kursus yang diperlukan akan ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kemudian.
- Pegawai yang memohon untuk mengikuti kursus di luar negeri tidak akan dipertimbangkan jika tajuk atau isi kandungan kursus adalah sama atau sebanding dengan kursus yang dikendalikan di institusi-institusi pengajian dalam negeri kecuali:
 - Kursus sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Pangkat Doktor (Ph.D), Sarjana, Diploma Lepas Ijazah atau Iktisias;
 - Bidang pengajian yang diperlukan dan diutamakan;
 - Institusi pengajian yang berstatus ternama.
- Sebarang pertukaran kursus dan / atau tempoh yang telah mendapat kebenaran dan telah dimaklumkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam tidak akan dilayan.
- Pemohon yang sudah mempunyai Ijazah Pertama atau Ijazah Sarjana tidak akan dipertimbangkan untuk mengikuti kursus di tahap yang sama.
- Jika perlu, pemohon yang disenaraipendekkan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga. Mereka akan diberitahu kemudian berhubung dengan tarikh, masa dan tempat temu duga.
- Pemohon yang berjaya mendapat sokongan penganugerahan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh / Cuti Belajar / Cuti Tidak Bergaji mestilah patuh kepada Peraturan-Peraturan dan Syarat-Syarat yang mengawal mengenai dengan Skim Latihan Dalam Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri dari semasa kesemua.

SENARAI KURSUS-KURSUS LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN BAGI SESI 2005 / 2006

SENARAI I

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT SIJIL/SIJIL TERTINGGI KEBANGSAAN (HNC) DAN DIPLOMA TERTINGGI KEBANGSAAN (HND) DALAM BIDANG TEKNIK

- Engineering dalam bidang-bidang berikut:
 - Automotive
 - Refrigeration and Air-Conditioning
 - Network
- Dressmaking and Fashion Design
- Welding and Fabrication
- Hairdressing
- Pastry and Baking
- Mechatronics
- Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan

SENARAI II

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DALAM BIDANG TEKNIK

- Engineering dalam bidang-bidang berikut:
 - Automotive
 - Refrigeration and Air-Conditioning
 - Aircraft Engineering (Air Frame and Engine)
 - Mechatronics
 - Welding & Fabrication
 - Computer Aided Design
 - Network
- Computer Studies / Computer Science / Computing / Computer Technology / Information Technology / Multimedia / Applied Computing / Computer Technology / Software Engineering
- General Science / Physics / Chemistry (Analytical)
- Information and Library Management
- Technical Education
- Culinary Arts Management
- Visual Communication
- Biomedical Science
- Geometrics and Mapping Science
- Fine Arts
- Product Design and Engineering
- Lain-Lain Bidang Kursus yang Ditawarkan oleh Institusi-Institusi Tempatan

SENARAI III

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH PERTAMA DALAM BIDANG KEJURURAWATAN

- Nursing

SENARAI IV

KURSUS-KURSUS DI PERINGKAT IJAZAH SARJANA/IJAZAH PANGKAT DOKTOR (MASTERS/DOCTORATE DEGREE)

- M Ed. Leadership, Policy and Change / Curriculum Design / MA in Organization / Planning and Management in Education / M Ed. Educational Management / Special Education
